

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 65

Rabu

8 Disember 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

**USUL OLEH Y.B. MENTERI LUAR NEGERI DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 27 (3) –**

Konflik Israel-Palestin (Halaman 58)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2004 (Halaman 23)

Rang Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2004 (Halaman 99)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 8 Disember 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan setiap Sabtu sebagai cuti umum; dan
- (b) sejauh manakah cuti pada hari Sabtu sedia ada dapat menjana pelancongan domestik.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharom]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan hari rehat Sabtu pertama mulai tahun 1999 dan hari rehat Sabtu ketiga pada tahun 2000. Pelaksanaan hari rehat Sabtu ketiga adalah dengan menggantikan waktu bekerja hari Sabtu tersebut pada hari-hari bekerja iaitu waktu bekerja yang mengandungi hari rehat Sabtu minggu pertama dan ketiga. Di bawah peraturan yang sedia ada, selain daripada hari-hari rehat Sabtu pertama dan Sabtu ketiga ini, pegawai perkhidmatan awam telah diperuntukkan kemudahan cuti rehat biasa mengikut kelayakan pegawai sebanyak 20 hingga 35 hari bergantung kepada gred, jawatan dan tempoh perkhidmatan seseorang pegawai.

Di samping itu, pegawai-pegawai awam juga menikmati cuti-cuti umum atau hari-hari kelepasan am yang ditetapkan di dalam sesuatu tahun seperti cuti umum kerana perayaan Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Yang Dipertua Negeri dan Sultan dan sebagainya yang berjumlah sebanyak 15 hari setahun. Oleh yang demikian, memandangkan pegawai-pegawai awam telah pun menikmati jumlah cuti yang banyak, kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan setiap Sabtu sebagai cuti umum.

Kesan pelaksanaan hari rehat Sabtu adalah menggalakkan dalam menjana pelancongan domestik berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Matlamat memperkenalkan hari rehat Sabtu telah dicapai terutama dalam mempergiatkan pelancongan domestik. Kajian ini mendapati hari rehat Sabtu berjaya meningkatkan jumlah pelancongan domestik dan penempatan pelancongan domestik sebanyak hampir dua kali ganda. Pendapatan pelancongan domestik yang dimaksudkan telah meningkat daripada RM2,060,000 pada tahun 1998 kepada RM4,022,000 pada tahun 1999. Manakala bilangan *hotel guest* yang terdiri daripada warganegara Malaysia telah menunjukkan peningkatan sebanyak daripada 9.9 juta orang pada tahun 1999 kepada 18.3 juta orang pada tahun 2003.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah tidak kerajaan membuat kajian, kalau misalnya kita panjangkan hari bekerja biasa daripada Isnin sampai Jumaat supaya dengan itu membolehkan cuti diberi pada setiap hari Sabtu dan dengan cara itu akan lebih menggalakkan lagi pelancongan domestik. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau. Memanglah kita ada membuat kajian berkenaan dengan perkara ini. Sebenarnya di negeri Terengganu sekarang ini hari-hari mereka bekerja lebih masa dan pada hari Khamis, mereka tambah lagi sampai ke petang. Jadi, setengah jam lewat. Memanglah kita sedang mengkaji. Tetapi buat ketika ini kerajaan tidak bercadang lagilah untuk mengambil apa-apa tindakan daripada perkara itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera serta selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita naik bingung Yang Berhormat Dato', kadang-kadang kita keliru. Sabtu pertama, Sabtu ketiga ini. Kadang-kadang kita pergi ke pejabat Sabtu ketiga, sudah tertutup, itu yang pertama. Jadi bagi saya, teruslah setiap Sabtu, jadi kita kerja lima hari sahaja setahun, seminggu. Lima hari sahaja seminggu. *[Ketawa]* Minta maaf, minta maaf tersasul fasal banyak sangat makan mee dekat luar tadi. Lima hari seminggu, cukup.

Jadi kalau hendak menampung agaknya, cuti tahunan itu boleh potonglah, 10 harikah. Kemudian, masa bekerja boleh agaknya pukul lapan sehingga pukul lima petang. Orang Kuala Lumpur pun balik pukul tujuh fasal jam. Jadi, boleh pukul lapan

sehingga pukul lima, kemudian lagi hendak tampung masa yang kita ambil kerana kita bekerja lima hari satu minggu, cuti tahunan itu saya ingat pegawai kerajaan setuju sahaja.

Banyak pegawai kerajaan tidak habis pun cuti tahunannya. Dia tidak dapat ambil pun. Potong 10 hari dekat situ. Jadi biar selarasslah. Orang kampung tidak bingung, kita tidak bingung. Kakitangan kerajaan pun tidak bingung. Saya rasa seluruh negara akan sokong lima hari seminggu ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memanglah kita sentiasa mengambil perhatian tentang cadangan-cadangan yang baik terutama sekali daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Sebenarnya kita di Terengganu, kita sudah ikut. Oleh kerana manifesto kita, kita beritahu kalau.....

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih, terima kasih. *[Menyampuk]*

Dato' Mohd Johari bin Baharum:.....jadi di Terengganu kita ikut. Jadi, mudah-mudahan kita akan ambil tindakan. Insya-Allah, kita akan melaksanakan sekiranya kerajaan bersetujulah. Terima kasih.

2. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kerajaan bercadang membantu membangunkan industri orkid berdikari dalam pasaran antarabangsa umpamanya dengan menubuhkan pusat mengkultur dan mengurus tanaman orkid, membekalkan tanah dan pinjaman kepada pengusaha orkid serta menubuhkan pusat membeli pengeluaran orkid untuk eksport.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas [Datuk Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membantu membangunkan industri orkid berdikari di pasaran antarabangsa. Di antara program-program tersebut adalah:

- (i) memudahkan pengeksportan bunga orkid terus dari Malaysia dengan mengadakan kerjasama dua hala dengan negara-negara pengimport. Dalam hal ini, Malaysia telah mengadakan kerjasama dua hala dengan Australia di mana ladang-ladang yang memenuhi syarat-syarat kuarantin Australia boleh mengeksport orkid terus ke Australia dari Malaysia dengan

- melalui pemeriksaan yang minimum. Usaha akan terus diambil untuk mewujudkan kerjasama dua hala dengan lain-lain negara pengimport orkid atau bunga-bunga dalam usaha membantu pengusaha mendapat laluan terus ke pasaran antarabangsa;
- (ii) menyediakan tanah seluas 88 hektar di kawasan projek pertanian moden Kluang Johor bagi penanaman orkid. Usaha-usaha sedang dibuat untuk mendapatkan lebih banyak tanah daripada Kerajaan Negeri Johor, Selangor dan Perak untuk pembangunan industri orkid;
 - (iii) mempertingkatkan usaha-usaha Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam pembiakbakaan hybrid orkid baru yang bermutu tinggi, pengeluaran bahan tanaman teknologi lepas tuai yang lengkap bagi mengekalkan mutu, amalan 'kultura', penjenteraan, automasi dan pembangunan produk;
 - (iv) cadangan bagi menubuhkan kompleks sehenti, pengumpulan, pembungkusan dan kuarantin hasil horticulture dan florikultur untuk pasaran hasil-hasil pertanian termasuk bunga orkid bagi tujuan eksport; dan
 - (v) kemudahan pinjaman bagi industri orkid ada disediakan oleh Bank Pertanian Malaysia. Setakat ini, pinjaman yang telah dikeluarkan ialah sebanyak RM9.2 juta bagi projek-projek pengeluaran, pemasaran dan perkhidmatan dan RM1.2 juta ringgit bagi projek Pusat Kultur.

Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana jawapan yang begitu lengkap. Walau bagaimanapun, saya ada pertanyaan tambahan iaitu saya difahamkan pemasaran orkid antarabangsa di Johor banyak melalui Singapura atau Kuala Lumpur. Pengeksportnya adalah rakyat Singapura. Di kawasan Tebräu pula, pengusaha-pengusaha di Ulu Tiram, di Sungai Tiram, di Kampung Baru Banku hampir 90% dimiliki oleh rakyat Singapura dan luas kebun orkid mereka dari 20 ekar hingga 100 ekar.

Manakala kebun orkid yang dimiliki rakyat Malaysia hanya berbeza dari 8 hingga 10 ekar.

Ini bermakna, dari segi pembekalan orkid itu, satu *marketing network* adalah amat penting kerana pengimport-pengimport asing hendak melihat kestabilan pembekalan orkid, baka-baka atau spesis-spesis tertentu. Jadi, adalah penting kerajaan mempergiatkan lagi pusat membeli pengeluaran orkid dari pengusaha-pengusaha tempatan supaya pembekalan yang stabil itu boleh dijamin kepada pengimport-pengimport asing.

Jadi, saya hendak tanya, adakah kemudahan pusat mengumpul keluaran hasil-hasil pengusaha-pengusaha orkid itu disebar dengan secukupnya supaya pengusaha-pengusaha tempatan mengetahui tentang adanya kemudahan itu dan boleh digunakan sepenuhnya. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih di atas beberapa maklumat dan fakta yang telah Yang Berhormat memberitahu iaitu dari segi kebanyakan atau 90% ladang-ladang dimiliki oleh rakyat Singapura dan hanya sedikit sahaja dimana diusahakan oleh orang-orang tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin menjawab pertanyaan Yang Berhormat, memanglah buat masa ini FAMA belum ada lagi pusat pengumpulan khusus untuk bunga-bunga seperti orkid bagi tujuan eksport dan kebanyakan pengeksport membuat pembelian dan membuat pembungkusan di peringkat ladang seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi dengan menggunakan premis petani atau pengeksport itu sendiri. Bermakna mereka pergi *direct to the farm*.

Oleh yang demikian, memang sekarang ini setelah kita memerhatikan bahawa sekarang ini banyak pengusaha-pengusaha hendak menjuruskan kepada mengeksport sendiri. Insya-Allah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, FAMA akan menubuhkan pusat pengumpulan bunga-bunga untuk tujuan eksport dan minta jugalah fakta-fakta dari Yang Berhormat ini untuk kita memperkuatkan lagi usaha kita untuk mewujudkan pusat pengumpulan bunga-bunga ini. Terima kasih Yang Berhormat oleh sebab orkid ini adalah satu yang kita rasakan memang terperinci sedikitlah. Kadang-kadang petani-petani tempatan memang belum lagi hendak meneroka dalam bidang itu sebab bidang ini *is very specialised*. Pada masa ini pun kalau kita melihat dari segi jenis orkid yang diperlukan di pasaran eksport pun

bukannya pelbagai. Dia merangkumi ada beberapa jenis sahaja yang diperlukan oleh pasaran antarabangsa iaitu Aranda, Vanda, Mokara, Arrakis dan Dendrobium.

Memang setakat ini betul Yang Berhormat katakan, memang kebanyakan nilai eksport kita menunjukkan bahawa trend memang meningkat dan kebanyakannya kita melalui Singapura iaitu 52.3% *direct*, kepada Jepun 21.6% dan kepada Australia 16.6%. Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengambil kira selama fakta yang diberitahu Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Di Cameron Highlands ada orkid.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pada tahun 2000, satu kajian bernilai RM200,000 telah dijalankan sendiri (tanggungannya sendiri) pekebun-pekebun bunga dan sayur di Cameron Highlands dan dihantar kepada tempat-tempat berkaitan. Bunga itu orkid. *Chrysanthemums* pun sama, Tuan Yang di-Pertua, dihantar kepada kementerian. RM200,000 mereka belanjakan untuk kajian ini. Tetapi sampai sekarang sudah ada peningkatan 22% untuk kos benih, baja, racun perosak dan juga peralatan-peralatan bumbung untuk produktiviti bunga.

Kenapakah kementerian masih tidak memberi perhatian kepada pengeluaran bunga *chrysanthemums* yang merupakan kedua larisnya di Jepun? Apakah langkah-langkah untuk memperkasakan industri bunga-bunga kita ini di Cameron Highlands? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat lari kepada *chrysanthemums*, ya? Fakta yang saya ada sini ialah orkid, tetapi tidak mengapa Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Datuk, masih bunga, Datuk.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya, bunga. Bunga. Tidak apa Yang Berhormat, saya kata tidak apa. Terima kasih Yang Berhormat.

Satu kajian itu, pertama yang saya hendak *trace*. . Saya hendak melihat *traceability* dan berharap pegawai di sini pun *take note* ada kajian yang dibuat di mana pengusaha bunga ini sendiri yang mengeluarkan duit sebanyak RM200,000, jadi saya fikirkan kita harus memberi perhatian dan meneliti segala yang disyorkan dalam kajian

tersebut. Selepas ini Yang Berhormat saya cuba *trace* kajian ini dan mengenai bunga *chrysanthemums*.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya akan bekalkan satu set.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih. Lagi senang, terima kasih. Dan mengenai bunga *chrysanthemums*, samalah juga mereka seharusnya meneliti dari segi apa yang disyorkan di dalam kajian itu dan mungkin selepas ini Yang Berhormat saya akan memberi *feedback* kepada Yang Berhormat secara *direct*. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Minta bunga satu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bola menang..... *[Ketawa]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berkenaan dengan orkid, bunga-bunga, banyak kegunaan bunga ini. Misalnya Kepong dengan Jerai, dia orang guna bunga untuk hendak mandi bunga fasal hendak buang habis yang sial-sial itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Buang suei!

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tetapi walau bagaimanapun, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita di UPM pun sudah dapat teknologi yang tinggi di dalam *culture* orkid ini dan memang teknologi itu kita boleh sebarkan di dalam *market*. Tetapi apabila teknologi ini hendak disampaikan kepada petani, mereka hendak jumpa pegawai-pegawai di dalam Bank Pertanian ini, cakap sahaj, tetapi yang ada banyak masalah ialah untuk mendapat *loan*..

Selalunya yang boleh mendapat *loan* ini adalah orang yang sudah ada keupayaan. Kita patut tolong orang yang tidak ada keupayaan, tidak tetapi teknologi ada, pemasaran ada. Saya cadangkan supaya *loan* ini disenangkan untuk petani-petani yang ada kebolehan, yang ada kemampuan di dalam teknologi orkid atau pun bunga-bunga lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Yang kedua, ialah saya cadangkan kementerian

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan mencadang Yang Berhormat.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini hendak bertanya.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Saya hendak bertanya adakah kementerian bercadang hendak membuat satu *warehousing* untuk mengadakan satu tempat tumpuan bunga-bunga untuk pasaran luar di mana semua boleh datang ke Malaysia semacam dengan Holland juga, ke situ. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Kesemua cadangan Yang Berhormat itu kita ambil kira masukkan ke dalam rancangan kita iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

[Soalan No. 3 – Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan] tidak hadir]

4. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi menyatakan jumlah dana kerajaan yang telah diperuntukkan kepada MIMOS untuk tujuan Research and Development. Adakah perbelanjaan tersebut telah menghasilkan teknologi atau produk yang mempunyai nilai komersial dan berapakah jumlah hasil yang telah diperolehi dari teknologi dan produk tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, MIMOS ditubuhkan pada tahun 1984 untuk mengendalikan R&D dalam bidang ICT dan Mikroelektronik. Pada tahun 1993, NITC iaitu *National IT Council* dibentuk dan MIMOS menjadi urusetia badan tersebut.

Pada tahun 1996, MIMOS dikorporatkan dengan mandat berfungsi sebagai sebuah syarikat. Menjelang tahun 2002, MIMOS menjalankan tiga jenis fungsi iaitu:

- (i) R&D,
- (ii) pembentukan dasar, dan
- (iii) perniagaan dalam bidang ICT dan Mikroelektronik.

Sejak penubuhannya MIMOS, pihak kerajaan telah dan terus memperuntukkan dana bagi memastikan MIMOS terus dapat menjalankan fungsi R&D secara berkesan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, pihak kerajaan telah memperuntukkan siling dana berjumlah kira-kira RM967.6 juta dan dalam tempoh tersebut sejumlah RM591.3 juta telah pun dibelanjakan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, siling dana berjumlah RM1.26 bilion telah diperuntukkan dan sejumlah kira-kira RM759 juta telah dibelanjakan dalam tempoh tersebut. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan berjumlah RM203 juta telah disediakan untuk MIMOS dan perbelanjaan dalam tempoh tersebut adalah kira-kira RM80.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, melalui peruntukan dan perbelanjaan tersebut, pihak MIMOS telah pun melaksanakan kegiatan R&D peringkat nasional khususnya dalam tiga bidang utama iaitu:

- (i) mikroelektronik dan semikonduktor,
- (ii) pengkomputeran dan rangkaian, dan
- (iii) keselamatan siber dan *internet*.

Dalam masa yang sama, berbagai-bagai teknologi produk dan perkhidmatan yang berasaskan tiga bidang tersebut telah dihasilkan dan disediakan bagi manfaat industri dan masyarakat umum.

Sebagai contoh, di antara teknologi produk dan perkhidmatan hasil kegiatan R&D MIMOS termasuklah JARING iaitu perkhidmatan perintis *internet*, *formas*, *palm os and image screening* bagi kegunaan industri kelapa sawit dan foto agri-bazaar baru-baru ini iaitu satu aplikasi e-Dagang yang membolehkan petani dan industri kecil memasarkan produk dan perkhidmatan yang berasaskan pertanian.

MIMOS juga dalam bidang perniagaan, sebagai contoh JARING telah memberi pulangan kira-kira RM112 juta untuk tahun 2003 dan Smart Computing Sdn Bhd telah menjana pulangan sebanyak RM212.3 juta untuk tahun ini dan juga banyak perniagaan-perniagaan yang lain.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri tadi saya rasa kurang memuaskan dan saya amat kurang berpuas hati dengan hasil daripada dana yang diperuntukkan kepada MIMOS. Lebih-lebih lagi apabila baru-baru ini saya telah mendengar khabar-khabar angin bahawa MIMOS telah menggunakan dana yang diperuntukkan untuk tujuan R&D tersebut untuk membuat pelaburan berisiko tinggi dalam skim kewangan seperti yang ditawarkan oleh Metrowangsa yang jelas tidak mematuhi syarat-syarat dasar pelaburan dana yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Jika benar, saya mohon penjelasan bagaimanakah perkara seperti ini boleh berlaku dan apakah tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan terhadap pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah MIMOS. Sehubungan dengan itu, adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan sokongan kewangan kepada MIMOS seterusnya?

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Pulai. Pelaburan yang dikatakan oleh Pulai sebentar tadi, saya tidak ada maklumat. Mungkin ini adalah suatu perkara baru yang saya tidak tahu tetapi saya akan siasat dan memberi satu jawapan kepada Yang Berhormat bagi Pulai. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelaburan dalam R&D susah diletakkan nilai dari *dollars and cents* kerana nilai harta intelek berasaskan mikroelektronik dan semikonduktor dan rangkaian dan pengkomputeran dan keselamatan siber dan *internet* dan juga pada masa yang sama R&D MIMOS ini telah menghasilkan banyak usahawan baru khususnya dalam perkhidmatan JARING, MIMOS dan sebagainya dan ia juga dapat membawa negara kita ke suatu pembangunan yang lebih tinggi dan juga meningkat kedudukan sosio ekonomi masyarakat kita.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong. Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Jelas, Arau ada komputer di hadapannya. Itu baik. Tetapi orang-orang seperti Jerai

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Mengangkat calculator]*

Dr. Tan Seng Giaw: Itu *calculator*. Ada itu.... *[Dewan riuh]* *Calculator* ada itu *[Ketawa]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: *Calculator* pun ICT juga.

Dr. Tan Seng Giaw: ICT. Siapa bercakap? Kalau hendak bercakap dia mesti bangunlah!

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan apakah dasar MIMOS sekarang misalnya ia

menubuhkan *Joint Advanced Research Integrated Networking Project* dan Kumpulan Keselamatan Komputer dan JARING.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan itu, soalan itu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan soalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bermula dengan apakah dasar. Apakah terjadi JARING sekarang itu?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalnya Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: JARING merupakan satu pre internet yang pertama, *provision of internet* yang pertama di negara ini – JARING. Apakah yang terjadi dengan JARING sekarang? Saya hendak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dua soalan – apakah dasar, apa terjadi kepada JARING.

Dr. Tan Seng Giaw: Ahli Yang Berhormat bagi Pulau memang betul. Beliau hendak tahu, saya pun hendak tahu, semua orang hendak tahu apakah

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin] [Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah dasar sekarang mengenai pelaburan di dalam perdagangan dan perniagaan? Adakah MIMOS berminat lagi di dalam perniagaan ataupun hanya tertumpu kepada aktiviti-aktiviti yang lain? Sekian, terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Kepong. Sebenarnya satu aktiviti yang besar bagi MIMOS ialah R&D, tetapi di bawah MIMOS juga mempunyai banyak dasar untuk mempertingkatkan R&D di peringkat nasional dan ia juga menyediakan banyak dana seperti *Demonstrators Application Grant Scheme* dan juga yang penting untuk keselamatan negara ialah *National City Security Emergency Responds Centre* (NICER) ditubuhkan dan sebagainya. Itu adalah untuk menghalang orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk menghantar berita yang bukan-bukan ataupun bahan-bahan yang menurunkan imej kerajaan dan sebagainya di dalam internet. Jadi, berjaga-jagalah sebab MIMOS dapat menyiasat dan mencari siapa yang menghantar

berita yang bukan-bukan seperti baru-baru ini MIMOS telah pun memainkan peranan di dalam siasatan kes Sharifah Aini dan juga Jeff Ooi.

5. **Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat ini berapa jenis industri dan jumlah saham yang telah dilaburkan dan diperolehi oleh Tumasek Holdings, sebuah syarikat pelaburan utama kepunyaan Kerajaan Republik Singapura dan sama ada Khazanah *Incorporated* akan berbuat demikian di Singapura. Apakah implikasi terhadap ekonomi kedua-dua negara berikutan dengan pelaburan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Tumasek Holdings yang telah melabur di luar daripada Singapura sebanyak S\$90 bilion dalam bidang-bidang tertentu iaitu telekomunikasi dan media, perkhidmatan kewangan, hartanah, pengangkutan, logistik, tenaga dan sumber asli, infrastruktur, kejuruteraan dan teknologi.

Setakat ini Tumasek Holdings di Malaysia telah melaburkan dalam Telekom Malaysia sebanyak 5% iaitu RM1,610 juta dan dengan usaha sama dengan CIMB di dalam *Property Development*, dengan izin berjumlah RM200 juta.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Khazanah Incorporated tidak mempunyai pegangan pelaburan secara terus di Singapura tetapi Khazanah Incorporated akan terus memantau semua peluang-peluang pelaburan di luar negara sama ada di Singapura ataupun di negara-negara lain.

Implikasi ke atas peningkatan pelaburan oleh Tumasek Holdings di Malaysia dan kemungkinan pelaburan Khazanah Incorporated di Singapura wajar dilihat sebagai satu langkah positif dalam mengeratkan perhubungan perniagaan dan pelaburan dua hala di antara Malaysia dan Singapura bagi memastikan persekitaran pasaran dan pelaburan yang *conducive* yang akan terus memanfaatkan kedua-dua negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya tidak menafikanlah apa yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi tetapi apakah implikasi buruk yang mungkin kita hadapi setiap kali syarikat-syarikat asing yang melabur dalam industri-industri utama kita ataupun ada fitnah-fitnah yang mungkin dibuat oleh pihak di sebelah sana – pembangkang yang tidak berpuas hati dengan

kejayaan kerajaan kononnya kerajaan mengganggu terlebih dahulu sebelum mereka ini datang hendak membuat pembelian.

Maka sebab itu kita mengalu-alukan, kita sedar bahawa Tumasek Holdings dan juga GIC di negara Singapura ini untuk membeli saham-saham di Bursa Saham kita di Kuala Lumpur. Pemantauan yang Yang Berhormat sebut tadi pemantauan selepas, pemantauan yang saya maksudkan ini ialah untuk mengetahui perkembangan ekonomi negara kita ini dan bangsa kita sama ada sebelum dan selepas pembelian tersebut dilakukan. Dan saya juga ingin tahu apakah ada lagi syarikat-syarikat asing yang lain, yang mempunyai kepentingan dalam industri-industri utama dalam negara kita ini supaya segala sangkaan buruk yang dibuat oleh pembangkang dapat segera kita hapuskan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah ekonomi kita. Kita adalah satu negara yang terbuka, *trading nation* dan juga satu negara yang ke arah perindustrian. Kita memang mengalu-alukan apa-apa juga pelaburan daripada luar negara sama ada dalam bentuk *direct* atau *indirect*, sama ada mereka hendak membeli sebahagian *equity* kecil dalam syarikat-syarikat Malaysia, memang kita terima baik, kerana ini mendatangkan pelaburan ke dalam negara kita termasuk juga MPI dan juga sebagainya.

Jadi, itulah caranya kita berniaga, sama ada pihak pembangkang dia hendak membangkitkan atau membuat fitnah dan sebagainya itu biasalah, kita terima dan akan menghadapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada adik-adik kita, mahasiswa daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, bakal pewaris kepimpinan negara. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah berkait rapat dengan mekanisme pengawalan. Saya khawatir jika terlalu ghairah menerima pelabur-pelabur asing di negara kita, negara kita akan menjadi seperti beberapa kepulauan Indonesia yang hampir diserahkan keseluruhannya kepada pemerintah Singapura. Apakah mekanisme yang boleh mengawal perkara ini daripada berlaku dan sejauh manakah keberkesannya ketika ini dan apakah badan yang memerhatikan supaya pelabur-

pelabur ini tidak melampaui garisan-garisan ataupun melampaui batas di dalam melabur di negara kita.

Betul, kita mengambil kira kepentingan masyarakat dari segi keuntungan dan sebagainya tetapi perlu juga mengambil kira kepentingan kesempadanan negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita memang ada kawalan yang ketat melalui Bank Negara dan juga diteliti oleh EPU. Mana-mana wang yang hendak masuk ke negara Malaysia ini memang ada kawalan ketat melalui Bank Negara. Mereka teliti betul-betul sama ada wang itu adalah wang '*hot money*' ataupun '*laundry money*' dan sebagainya, memang kita kawal betul-betul dan ia melalui proses itu ia memakan masa yang panjang sedikit tetapi ini perlu kita kawal. Setakat ini alhamdulillah, Bank Negara dapat menjaga nama Malaysia dengan baik kerana kita tidak lepaskan, kita tidak menjadi macam banyak negara yang lain memang wang masuk begitu mudah sekali tanpa kawalan tetapi kita memang kawal melalui Bank Negara.

6. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan jumlah dan nilai eksport produk-produk kayu dalam pelbagai bentuk (seperti kayu gergaji, papan lapis, MDF, perabot dan sebagainya) pada tahun-tahun 2002, 2003 dan 2004 (terkini) mengikut negara pengimport.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, eksport kayu-kayan negara merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jumlah eksport kayu-kayan negara bagi tahun 2002 ialah RM15.2 bilion, bagi tahun 2003 pula jumlah eksport meningkat kepada RM16.3 bilion dan bagi tempoh Januari ke Mei tahun ini, jumlah eksport kayu-kayan dicatatkan sebanyak RM7.3 bilion.

Nilai eksport berdasarkan produk yang utama adalah seperti berikut:-

Tahun 2002

Produk	Kuantiti	Nilai
Kayu Balak	5.091 bilion meter padu	RM1.182 bilion
Kayu Gergaji	2.334 bilion meter padu	RM2.194 bilion
Papan Lapis	3.614 bilion meter padu	RM3.820 bilion
Medium Density Board (MDF)	1.057 bilion meter padu	RM866 juta
Perabot		4.174 bilion

Tahun 2003

Produk	Kuantiti	Nilai
Kayu Balak	5.468 juta meter padu	RM2.001 bilion
Kayu Gergaji	2.355 milion meter padu	RM2.305 bilion
Papan Lapis	3.875 milion meter padu	RM4.064 bilion
Medium Density Board (MDF)	1.190 milion meter padu	RM978 juta
Perabot		RM4.670 bilion

Bulan Januari – Mei 2004

Produk	Kuantiti	Nilai
Kayu Balak	1.710 milion meter padu	RM694 juta
Kayu Gergaji	1.826 milion meter padu	RM1.183 juta
Papan Lapis	1.628 juta meter padu	RM1.968 juta
Medium Density Board (MDF)	622 ribu meter padu	RM416 juta
Perabot		RM2.025 bilion

Pengimport utama kayu-kayan negara terdiri dari negara Jepun, Amerika Syarikat, negara Kesatuan Eropah (*European Union*), Republik Rakyat China dan Asia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada angka-angka lain tetapi saya rasa tidak perlulah saya bacakan semua.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita memang tidak nafikan bahawa industri perकayuan ini adalah satu daripada penyumbang utama pada masa kini. Dua puluh tahun yang lepas, industri ini adalah penyumbang utama kepada GDP negara. Soalan saya adalah, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan kemampuan industri ini di negara kita, memandangkan bahawa sumber-sumber bahan mentah sudah berkurangan. Adakah kerajaan ingin menggalakkan hanya industri yang tertentu sahaja untuk terus berjalan di negara kita seperti industri perabot di mana saya nampak nilainya bertambah setiap tahun. Terima kasih.

. **Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Kerajaan atau kementerian saya mengambil banyak langkah. Salah satunya adalah kita sekarang mengatasi masalah kekurangan bahan pada masa depan, kita menggalakkan *forest plantation* atau perladangan perhutanan. Selain daripada itu, kita juga akan menambah nilai seperti saya beri satu contoh, dari segi perabot kita akan memperkuatkan *design capability*, dengan izin, di negara kita. Kita menjalankan banyak usaha-usaha, macam semalam baru kita ada satu di bawah satu agensi kementerian saya *Malaysian Furniture Promotion Council* (MSPC). Kita ada satu *furniture design services programme* dan satu seminar semalam di mana kita menjemput pakar-pakar dari luar negara untuk memberitahu kepada pengusaha kita macam mana kita boleh meningkatkan mutu reka bentuk perabot kita. Apa yang penting sekali, kita mesti tambah nilai kepada bahan mentah kita. Kita tidak boleh menjual kayu balak sahaja atau kayu gergaji sahaja lagi. Sekian. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Sebentar tadi pihak kementerian menjawab mengatakan kita mengeksport kayu gergaji, kayu papan lapis dan perabot dan nampaknya perabot lebih mengatasi yang lain-lain di akhir-akhir ini. Mungkin kerana kualiti kita lebih daripada negara lain, tetapi persoalannya ialah apakah kerajaan bercadang untuk memberhentikan terus pengeksportan kayu balak seperti mana yang disebutkan oleh pihak kementerian di

mana kayu balak masih lagi dieksport. Oleh kerana kita mengetahui bahawa kita makin kurang bahan-bahan mentah ini terutama sekali balak dan sebahagian besarnya *sawmill* kita mengalami kekurangan kayu balak untuk digergaji maka saya ingin mengetahui, pertama, tadi saya mengatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan terus pengeksporan kayu balak, kemudian adakah kerajaan bercadang supaya kita mengurangkan pengeksporan kayu gergaji kerana kita hendak menumpukan kayu-kayu gergaji itu dijadikan bahan perabot di negara kita. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Buat masa ini kementerian belum ada satu cadangan untuk mengharamkan pengeksporan semua kayu tetapi kita memang kita menggalakkan tambah nilai di negara kita dan boleh kata kita telah mencapai dalam bidang ini. Kalau kita mengharamkan pengeksporan, buat masa ini negara kita masih mengimport kayu balak dan kayu gergaji dari negara jiran kita juga. Ini adalah satu perdagangan yang walaupun kita berharap kita tidak mengeksport, kita terhad. Kalau kita tengok kayu getah, kayu getah kita ada satu kuota tidak melebihi 10% untuk dieksport. Sekian, terima kasih.

[Soalan nombor 7 - Y.B. Dato' Mohd Sarit bin Yusoh (Temerloh) tidak hadir]

8. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam merealisasikan Malaysia sebagai pusat menimba ilmu, pusat perdagangan yang efisien, pusat pelancongan yang menarik serta pusat perkongsian pintar di kalangan negara-negara Islam khususnya yang bernaung di bawah OIC.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi OIC, Malaysia telah dan akan terus memainkan peranan aktif dan penting di dalam OIC. Dalam melaksanakan tugas dan peneraju dalam OIC, Malaysia telah berjaya mengeratkan perhubungan di antara negara anggota-anggota OIC. Ini telah secara langsung memberi kesan positif dan memperkenalkan lagi negara di kalangan negara-negara serantau dunia. Kita boleh berbangga bahawa semenjak merdeka dengan pemimpin-pemimpin negara yang berwibawa dan komited, negara telah dapat mempertahankan hak dan kedaulatan negara dengan berkesan. Ini secara langsung telah menjadi pemangkin (*catalyst*)

untuk negara terus membangun dan menjadi maju. Ini membolehkan kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di komuniti antarabangsa.

Malaysia kini telah menjadi negara yang dihormati di mata dunia. Negara-negara anggota OIC telah mula melihat Malaysia sebagai negara Islam contoh. Malaysia telah mula dikenali sebagai pusat pendidikan yang bertaraf antarabangsa, pusat perdagangan yang mula dikenali dan sebuah negara mesti dilawati oleh rakyat asing kerana negara kita begitu cantik dan begitu menarik untuk dilawati oleh pelancong-pelancong. Malaysia juga telah memperkenalkan Multimedia Super Corridor (MSC) dan Siberjaya sebagai pusat IT dan perkongsian pintar.

Kementerian Luar Negeri akan terus bekerjasama dengan semua agensi dan kementerian seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang akan terus memainkan peranan penting dan utama dalam merealisasikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi, perdagangan, pelancongan dan perkongsian pintar di kalangan negara-negara Islam. Sekian.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita sedia maklum bahawa Malaysia sebagai sebuah negeri Islam dan sememangnya mempunyai kedudukan yang istimewa di kalangan ahli-ahli OIC. Keistimewaan tersebut telah membolehkan negara kita membawa keluar kepakaran dalam pelbagai bidang ke negara-negara tersebut. Oleh itu, kita semestinya mengambil satu insentif yang drastik dan efisien ke arah memantapkan lagi ilmu, perdagangan, ekonomi umat Islam sedunia. Soalan saya, bagaimanakah *mindset* pegawai-pegawai yang terlibat serta kriteria dan langkah-langkah pengawalan supaya kita dapat mencapai atau merealisasikan cita-cita kita tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan. Ramai pegawai kerajaan kita berada di sini, di Parlimen hari ini, berbanding dengan dua puluh tahun dahulu kita kurang keyakinan. Tetapi sejak akhir-akhir ini hasil daripada sikap dan pengaruh bekas Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Perdana Menteri kini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, pegawai-pegawai kerajaan kita telah mempunyai *mindset* yang lebih terbuka. Mereka beroleh keyakinan yang tinggi bahawa Malaysia sekarang lebih dikenali, suara kita telah lebih didengar, malah di

forum-forum antarabangsa setiap pandangan dan cerita yang dibawa oleh Malaysia diberi perhatian oleh banyak negara. Jadi saya rasa kita sekarang berada di satu *platform* yang baik untuk terus memastikan negara dapat dipertingkatkan dalam semua bidang ekonomi, pelancongan, perdagangan di persada yang lebih tinggi di dunia antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri kerana berjaya menjadi sebuah negara contoh dan juga negara yang cukup bersabar dalam menghadapi apa jua cubaan dan juga dugaan yang mendatang. Bercakap tentang OIC ini, kita sedia maklum negara-negara Islam hari ini walaupun tadi Yang Berhormat mengatakan mereka bersatu padu tetapi pada hakikatnya mereka tidak bersatu padu. Kalau mereka sudah bersatu padu ekonomi dunia boleh dikuasai oleh negara Islam. Politik dunia juga akan dikuasai oleh dunia Islam, apatah lagi dari segi soal ketenteraan tetapi disebabkan perpecahan sesama negara Islam maka kita menjadi lemah.

Saya hendak tanya, sejauh manakah OIC ini telah memainkan peranan mereka untuk memanggil tok-tok Arab, negara Islam seluruh dunia duduk dan berbincang secara serius tentang kehancuran negara Islam yang sedang berlaku pada hari ini, itu yang pertama. Yang kedua, apakah hasil bumi ekonomi yang Tuhan bagi kepada negara Islam ini dijadikan alat kepada negara-negara Barat terutama sekali orang-orang Yahudi untuk menguasai ekonomi yang begitu besar yang ada di dalam tangan negara-negara Islam ini.

Kedua-dua perkara pokok ini kalau kita berbincang saya ingat negara-negara boleh berdiri di atas kaki sendiri dan boleh menghadapi apa juga tekanan daripada Barat dan Malaysia akan menjadi sebuah negara yang ekonominya yang cukup kuat kalau semua negara-negara Arab ini melaburkan, habis tidak pun dalam 5% daripada hasil kewangan mereka di dalam negara kita ini. Tidak payah kita mengharap Tumasek datang ke Malaysia kerana mereka negara yang tidak mengenang budi yang dulunya bersama dengan kita hari ini apabila mereka keluar daripada Malaysia, mereka pula *action* dengan kita. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang pandangan saya ini? Boleh sampaikan ke tok-tok Arab semua?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Jerai yang bukan sahaja tahu tentang isu-isu dalam negara tetapi juga cukup arif tentang isu-isu

di peringkat antarabangsa. Saya yakin kalau ada tok-tok Arab yang datang ke Malaysia kena jumpa Yang Berhormat Jerai, mereka akan lebih seronok berada di negara kita. *[Ketawa]*

Sebenarnya cabaran di peringkat OIC yang paling penting adalah untuk mewujudkan satu wawasan yang mantap sama ada dalam aspek ekonomi atau politik bagi menggerakkan negara-negara Islam untuk memajukan dan mewujudkan perpaduan dan membangunkan ummah. Masalah besar yang kita hadapi yang semua orang tahu negara-negara Islam ini mereka tidak tahu sebab apa, tidak berapa suka hendak bersatu. Berpecah belah antara satu sama lain. Kalau kita bersatu dan mewujudkan perpaduan dan membangunkan ummah, negara-negara Islam akan jadi cukup kuat dan cukup berwibawa.

Oleh itu, banyak negara Islam dan orang Islam berpendapat adalah perlu untuk terus mengadakan hubungan erat antara negara-negara Islam dengan negara-negara maju selagi ini mereka fikir akan menguntungkan negara mereka, maka mereka akan terus berusaha dan perhubungan erat dengan negara-negara Barat dan ini secara tidak langsung merenggangkan hubungan antara negara-negara OIC kerana mereka saling bergantung antara negara-negara mereka dan negara-negara Arab.

Begitu juga untuk menjawab soalan Yang Berhormat, dalam keadaan OIC sentiasa bergolak daripada masa ke semasa, OIC sebenarnya tidak boleh berdiam diri dan mengambil sikap tidak apa dengan membiarkan agenda negara-negara Islam OIC ditentukan oleh negara-negara lain. Negara-negara OIC perlu bekerjasama dengan lebih rapat dan erat dalam memantapkan perpaduan bagi menangkis cabaran-cabaran masa kini yang boleh memecahbelahkan negara Islam dan OIC. Negara-negara Islam mesti mempunyai agenda sendiri dan keutamaan diberikan dalam melaksanakannya bagi memenuhi objektif OIC dan menyatupadukan ummah. Terima kasih.

[Soalan nombor 9 – Y.B. Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) tidak hadir]

10. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh pengguna dengan menggunakan perkhidmatan kad kredit di dalam dan luar negara pada tahun 2003.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan yang diterima daripada institusi perbankan jumlah keseluruhan perbelanjaan menggunakan kad kredit di dalam dan di

luar negara oleh pengguna Malaysia pada tahun 2003 adalah sebanyak RM29.4 bilion. Dari jumlah keseluruhan ini, jumlah transaksi kad kredit di dalam negeri adalah sebanyak RM27 bilion, manakala transaksi kad kredit di luar negara bernilai RM2.4 bilion. Pemegang kad kredit dari luar negara pula telah membelanjakan sebanyak RM3.6 bilion dengan kad kredit mereka di Malaysia.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, kita nampak bahawa begitu banyak wang yang digunakan melalui pembayaran kad kredit dan pengguna juga menghadapi masalah kesulitan dan kerumitan kerana apabila menggunakan kad kredit ini telah adanya pemalsuan kad kredit. Apakah pihak Kementerian Kewangan dapat memberi satu garis panduan yang lebih ketat menambahkan lagi ciri-ciri keselamatan ke atas kad kredit supaya tiap-tiap bank ini akan mematuhi ciri-ciri keselamatan tersebut supaya mengurangkan kerumitan dan kesulitan yang dihadapi oleh pengguna kerana bagi menanggung masalah pemalsuan kad kredit ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang bank, memang kita pihak bank menerima banyak aduan dan setakat ini jumlah *fraud* memang tinggilah. Pada tahun 2003 jumlah *fraud* berjumlah RM60.6 *million* dan tahun ini sahaja sudah meningkat RM54.5 bilion dan Bank Negara memang berusaha membuat langkah yang baru di antaranya ialah supaya kad menjadi lebih *secure* dengan menggunakan *chip card*. Kad dia sekarang kalau kita lihat, saya pernah tunjuk dalam Dewan yang lepas bahawa ada dua jenis kad, hari ini yang lama yang tidak ada *chip*, yang baru ada *chip*. Bermakna semua maklumat ada di situ dan ini dapat mengurangkan *fraud* yang akan berlaku. Dan dijangka pada penghujung tahun 2005 semua kad kredit akan ditukar kepada kad yang ada *chip*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu kad kredit ini adalah satu kemudahan untuk meminjam. Ini bererti bahawa lebih banyak orang menggunakan kredit, lebih banyaklah orang yang berhutang. Persoalannya di sini apakah dasar kerajaan dalam soal berhutang? Adakah kita mahu lebih ramai rakyat kita yang berhutang? Maksudnya *we have already spent the future* seperti mana juga rakyat Amerika sekarang, sebahagian besar rakyat mereka telah berhutang. Dalam soalan di sini selain daripada insiden-insiden *fraud* tadi, penipuan dan sebagainya, kad kredit ini juga mengakibatkan ada kesannya terhadap ekonomi negara, ekonomi rakyat dan sebagainya. Apakah dasar kerajaan,

adakah kita sebenarnya menggalakkan untuk menggunakan kredit atau adakah kita mahu supaya rakyat mengurangkan daripada menggunakan kredit? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, di sini ada sedikit dilema. Kita hendak menggalakkan pertumbuhan ekonomi bermakna kita hendak menggalakkan supaya rakyat berbelanja duit dalam negara dan kalau kita sekata penggunaan kad kredit, maka ramai di antara kita tidak boleh hendak belanja. Sebab itu, itu satu perkara, maknanya dia akan dapat menjejaskan ekonomi kita sedikit sebanyak. Yang keduanya, kerajaan tidak hendak keadaan ke arah menuju ke arah *cashless society* bermakna kita tidak mahu banyak gunakan *cash* sangat ataupun cek, kita hendak ke arah menjadikan masyarakat ini *cashless society*.. Dalam hari ini seperti saya katakantadi kita dalam dilema. Kita hendak *promote* ekonomi, hendak ke arah *cashless society at the same time*, pada masa yang sama rakyat akan berhutang dengan kerana menggunakan kad kredit itulah. Jadi di sini saya ingat rakyat sendiri, pengguna sendiri akan membuat keputusan sama ada mereka hendak menggunakan kad kredit ataupun menggunakan *cash*, Tuan Yang di-Pertua.

11. **Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** minta **Menteri Kesihatan** menyatakan keberkesanan kempen anti merokok "Tak Nak" dan adakah kerajaan bersedia mengkaji semula kaedah kempen tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab secara bersekali pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Padang Serai yang bernombor 19 pada bertarikh yang sama pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat kempen anti merokok "Tak Nak" ini telah dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan pada 9 Februari 2004, kempen secara besar-besaran di seluruh negara ini telah dilaksanakan meliputi segenap lapisan umur masyarakat Malaysia dan sehingga setakat ini adalah terlalu awal untuk kita menilai dan melihat keberkesanan kempen ini.

Pada masa ini Kementerian kesihatan Malaysia sedang menjalankan kajian tentang keberkesanan kempen "Tak Nak". Kajian ini akan dijalankan di enam buah negeri dan ia dijalankan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia. Objektif kajian

ini adalah untuk menilai impak kempen “Tak Nak” di dalam mengubah sikap, pengetahuan dan tingkah laku masyarakat Malaysia tentang kesan buruk akibat daripada perbuatan rokok. Laporan awal keberkesanan kempen ini dijangka akan dapat diperolehi pada bulan Februari 2005, sementara laporan penuh dijangka akan dapat diperolehi pada bulan April 2005 akan datang. Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam soalan saya, saya ada tanya berhubung dengan apakah kementerian akan mengkaji semula kaedah kempen termasuk media yang digunakan. Kerana pada masa sekarang sasarannya ialah kepada orang ramai dengan menggunakan *billboard* sama ada kementerian akan mengarahkan pihak yang tertentu untuk memastikan bahawa kempen di sekolah dan juga di media elektronik dapat diperhebatkan. Minta penjelasan.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat, untuk tahun ini kempen kita adalah tertumpu kepada *media campaign* dan *billboard* itu adalah di antara satu cara kita adakan kempen ini. Kita sudah mengadakan banyak iklan, kita buat dengan media cetak, dengan televisyen dan sebagainya.

Kita memang ambil maklum berkaitan dengan cadangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dan kita akan mengadakan kempen dengan lebih meluas lagi untuk tahun-tahun yang akan datang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Masa bagi jawab lisan sudah selesai.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (PINDAAN) 2004

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. ***[7 Disember 2004]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Menjawab.

11.07 pagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, belum habis semalam. Saya telah di"interrupt" oleh orang liar yang menjerit-menjerit itu [Ketawa] sebelum saya habis semalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Boleh saya gulung ya? Saya sangat terperanjat terhadap perangai Ahli-ahli Yang Berhormat yang sangat ghairah untuk mempertahankan nama baik Menteri JKR yang mempunyai banyak skandalkebelakangan ini. Baru satu bulan dahulu...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, *Standing Order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya merujuk kepada 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: "Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan Rang Undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang sahaja dibenarkan bercakap dan tidak perkara yang melibatkan perkara lain."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Dan satu lagi nombor (4), belum habis lagi ya, Tuan Yang di-Pertua, belum habis lagi, "Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan untuk menggunakan bahasa kurang sopan" dan satu lagi, "Seseorang ahli yang tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain". Ini adalah satu sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Suruh tarik balik, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat teruskan perbahasan kepada yang asal.

Tuan Chong Chieng Jen: Okay, okay. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerana sebelum dua bulan yang lalu atau satu bulan yang lalu terdapat banyak Ahli

Yang Berhormat di Dewan ini *including the Backbencher* juga *criticized* Kementerian Kerja Raya sehinggakan ada seruan supaya Menteri itu dipecat daripada jawatannya. Tetapi selepas sebutan PMC, semua orang diam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ..

Tuan Chong Chieng Jen: Itu, itu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen: Itu adalah berkenaan perangai yang sangat ajaib.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak ada apa hendak diucap, saya minta Yang Berhormat berhenti..

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, saya akan gulung, saya akan gulung. Sebagai kesimpulan, saya ingin menyeru kementerian yang berkenaan menyiasat penubuhan Syarikat Sacofa Sdn. Bhd. yang telah saya sebutkan kelmarin terhadap penubuhannya, operasinya dan penganugerahan konsesi yang sepanjang 15 tahun untuk mengeluarkan lesen kepada sesiapa yang ingin membina menara telekomunikasi kerana kewujudan Syarikat Sacofa Sdn. Bhd telah melambatkan pembinaan menara telekomunikasi di Sarawak dan ia juga meningkatkan kos-kos terhadap syarikat telekomunikasi yang ingin membina menara telekomunikasi kerana caj *service fee* yang dia kutip itu adalah amat tinggi dan akhirnya kos itu akan disalurkan kepada para *consumer* yang akan membebankan *additional cost* itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okay, cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dijemput.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: ...rang undang-undang mengenai multimedia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya boleh bagi, tidak lebih daripada lima minit ya. Jerai, sila duduk ya.

11.11 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam apabila kita mendengar perbahasan, kita dapati bahawa sebenarnya sungguhpun dekat sepuluh tahun *Multimedia Super Corridor* dilancarkan supaya Malaysia boleh diletakkan di *cutting edge*, dengan izin, dalam dunia *information technology* tetapi di negara kita termasuk dalam Dewan yang mulia ini adalah *digital divide*.

Ramai antara kita yang tidak begitu fasih mengenai bidang *information technology*. Memang untuk generasi kita ini, ini adalah satu bidang yang baru tetapi kita perlu dengan sikap dan budaya *life-long learning process* dan mungkin ini membayangkan satu kegagalan *parliamentary leadership* di mana saya percaya, bukan seorang sahaja Ahli Parlimen yang menunjukkan tidak tahu bahawa adanya *internet access* di dalam Dewan yang mulia ini, saya percaya ramai Ahli-ahli Parlimen tidak tahu oleh kerana mereka pun tidak guna.

Saya percaya kalau ada satu *survey* diadakan, majoriti Ahli-ahli Parlimen tidak guna *internet access*, mungkin IT *literate*. Saya percaya Parlimen perlulah membuat satu teladan untuk negara kita bahawa kita mulakan semua belajar dalam perkara ini, boleh menjadi *computer literate* supaya *ambition* kita menjadi satu IT *power* boleh berjaya.

Sebenarnya semalam ada banyak kompelin mengenai *access* sama ada *mobile phone* ataupun *internet access* dan ini kita boleh bayangkan daripada kedudukan kita yang begitu mundur khasnya mengenai *broadband access*. Semalam ada Ahli-ahli Parlimen yang mendesak Streamyx, kita semua tahu. Begitu ramai pemohon-pemohon yang menunggu begitu lama termasuk Yang Berhormat bagi Kepong yang tidak boleh dapat Streamyx dan *broadband* mustahak oleh kerana ia akan menjadi satu ujian sama ada kita boleh menjadi *knowledge economy* dan boleh buat satu *quantum leap* dalam bidang ekonomi. Apa kedudukan *broadband* kita? Kita ada dengar *National Broadband Plan*. Di mana *National Broadband Plan*?

Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyebut bahawa *National Broadband Plan* sudah dilaksanakan dan tujuannya ialah sampai 2006 - 5% isi rumah (*household*) adalah *access broadband* dan 2008 - 10% *household* yang boleh

menikmati kemudahan-kemudahan *broadband*. Apa kedudukannya sekarang, baru 8% sahaja. Baru-baru ini saya ada access Malaysia Communication Multimedia Commission (MCMC) *web site* yang menunjukkan hanya 0.8% sahaja, bagaimana akan buat satu *quantum leap* menjadi 5% pada 2006 dan 10% pada tahun 2008, bagaimana? Apa caranya? Kenapa *National Broadband Plan* itu tidak dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini untuk satu perbahasan? Adakah Ahli-ahli Parlimen tahu apa itu *National Broadband Plan*? Adakah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tahu betapa pentingnya IT? Apa *National Broadband Plan* ini, adakah dia tahu? Saya percaya dia pun tidak tahu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang: Saya berharap dia boleh beritahu kepada kita.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ini di bawah *Standing Order*, jangan buat sangkaan buruk, saya datang bukan kerana...

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya hendak tanya, tahukah? Beritahu kepada saya, saya hendak tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Minta dia *withdraw*...

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu, saya mahu tahu, adakah Menteri tahu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat tanya

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tidak guna berdiri kata *Standing Order*, tahu atau tidak tahu? Kalau tahu, beritahu, kalau tidak beritahu, tidak tahulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila gulung, sila gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Mengapa *National Broadband Plan* ini tidak diletakkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat, cukup ya.

Tuan Lim Kit Siang: Baru mula sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, tidak apalah.

Tuan Lim Kit Siang: Ini mustahak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Yang ini, *National Broadband Plan*, kalau kita hendak menjadi *First World*...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa, masa sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Itu mustahak, saya tahu Yang Berhormat Menteri ada usul. Nanti sekejap, oleh kerana saya bukan *go round the world*, itu khasnya menumpukan ...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang: Pindaan ini mengenai apa? Mengenai *network facility provider*, mengenai *application service provider*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, sila duduk, ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tahu, sama ada Kabinet sudah luluskan *National Broadband Policy* dan kenapa *National Broadband Policy* tidak dikemukakan bukan sahaja di Dewan ini tetapi diumumkan kepada orang ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cukup, masa sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya harap akhirnya, bukan sahaja kita boleh *access internet* di sini, saya harap ini boleh diluaskan untuk Parlimen, *the whole Parliament* kenapa tidak boleh di Tower Block? Saya percaya tidak lebih daripada RM300 ribu atau RM400 sahaja belanjanya oleh kerana sudah ada di sini. Saya harap kita mahu *techno- service Parliament* pun. Saya harap inilah mustahak, MCMC oleh kerana MCMC ada tanggungjawab untuk menjayakan IT *plan* kita termasuk *National Broadband*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi Jerai, selepas itu Menteri menjawab.

11.18 pagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih. Saya pendek sahaja, pendek sahaja iaitu berkenaan dengan talian telefon kita. Yang

Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat tertidur tadi, tidak ya? [*Sambil bertanyakan kepada Yang Berhormat bagi Tampin*] Tidak, tidak, dia tidak tidur, dia sandarkan kepala, dia tengah memikirkan bagaimana hendak menjawab masalah Ipoh Timor yang tidak bermasalah itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong bangun Yang Berhormat. Santubong bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Agaknya Timbalan Menteri itu *boring* dengar pembangkang bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai, teruskan Jerai.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Jerai, teruskanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Santubong kata dia tidak faham, jadi saya kena beritahu sebab *floor* saya sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, teruskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya minta Timbalan Menteri, kerana pada hari ini kita ada banyak syarikat telekomunikasi ini tetapi...

Tuan Chong Chieng Jen: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bandar Kuching diam-diamlah, awak jangan menyampuklah Yang Berhormat bagi Kuching. Ya? Ya.

Jadi kita hendak begini, sekarang ini kita dapati bahawa banyak syarikat telekomunikasi ini, mereka ada tetapi tidak *cover* keseluruhannya. Contohnya kalau di Kota Kinabalu, 012 tidak *clear* tetapi 019 boleh masuk. Apakah tidak boleh kementerian memanggil semua syarikat telekomunikasi; MAXIS, DiGi dan sebagainya, duduk, kita buat macam kita pakai *tools* ini, *you can use any tools* dengan menggunakan sistem itu. Maknanya kalau saya guna 012, saya masuk ke kawasan 019 di mana 012 tidak boleh masuk, maknanya kita pakai *line* 019 dan depa tolak dan kira, bil itu hantar ke mari, sudahlah, cara itu. La ni zaman moden takkan tidak boleh.

Jadi, kerajaan kena panggil ini. Jangan hari ini, besok saya ada duit, saya hendak minta lesen telekomunikasi, saya buka lagi satu, dia kata saluran Code Bad,

bukan DiGi, tapi Bad, jadi dapat lesen, kemudian saya ini boleh ambil setakat Alor Setar sahaja. Jadi, yang ini kita kena lihat. Kadang-kadang negara yang mundur pun, dia pakai satelit masuk bawah terowong pun boleh bercakap. Kita masuk bilik air PWTC pun sudah *miss*. Masuk Dewan sekarang ini pun sudah *banned*, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh.

Saya hendak mintalah dibuka balik *Bar* dalam Parlimen ini, kerana kadang-kadang, apa-apa terjadi dalam kawasan, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh hendak tahu apa hendak jadi. Jadi, kadang-kadang mereka telefon rumah terbakar. Kelmarin di Yan, orang mati dikorek balik, tanam pula balik. Mati sekali, tanam dua kali. Jadi, kalau tidak ada *line* ini, kita susah sebab kita di Dewan Rakyat. Jadi, saya harap pihak kementerian Yang Berhormat, panggil duduk elok-elok.

Kemudian satu lagi berkenaan dengan dia punya *transmitter*. Saya difahamkan dulu kerajaan bercadang untuk mengadakan satu sistem, satu syarikat ataupun satu organisasi yang buat *transmitter* itu, *transmission power*. Tapi, sekarang ini kita dapat lihat masih ada lagi dan *transmission power* ini kita letak di atas kedai-kedai, di atas bumbung-bumbung. Saya hendak *confirm* sama ada betul, tak betul dia orang kata, *transmission power* ini kadang-kadang boleh mendatangkan *side effect* kepada kita.

Seorang Ahli: Bukan *front effect*?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Bukan *front effect*, tapi *side effect* kepada kita kerana dia punya *current* itu. Bukan rambut gugur, dia pendengaran kurang dan kadang-kadang membuatkan orang itu terlupa kerana tekanan daripada *power* yang ada itu.

Satu lagi, Yang Berhormat, saya hendakkan bahawa syarikat-syarikat ini janganlah memperalatkan perniagaan mereka. Saya faham tiap-tiap syarikat yang berniaga ini hendak mencari keuntungan. Kalau orang niaga tidak mencari keuntungan, dia tidak cerdik. Dia hendak cari keuntungan tetapi jangan eksloit perniagaan mereka itu sampai melibatkan anak-anak sekolah, melibatkan penipuan. Macam Yang Berhormat bagi Kalabakan kata itu. Menggunakan SMS, buat satu *show*, untung bermilion-milion.

Kemudian yang menggunakan ini adalah anak-anak sekolah. Hendak tengok Bobkah, apakah yang dari Sabah. Siapa namanya? Itu nyanyi-nyanyi, apakah nama itu? *[Disampuk] Akademi Fantasia*. Linda semua itu, apa itu. Aku tidak tahu, aku dengar macam itu. Jadi, benda-benda macam ini tidak patut buat. Orang kata apa?

Morally not very good. [Disampuk] Morally wrong. Incorrect, Tuan Yang di-Pertua, the perfect word is incorrect.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dengan izin, saya faham. Saya belum habis cerita. Inilah Tanjong! Tidak sabarlah! Apa ini, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur? Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, siapa masuk pun dia tidak sabar. Menteri luar, masuk mahu buat usul, terus kacau dia. Buat apa macam ini? Ini bagus punya Menteri. Yang Berhormat Menteri pun bawalah dia ke luar negara, dia tidak marahlah lain kali. *[Ketawa]* Tetapi kalau bawa pun dia kacau. Kita kata Malaysia bagus, dia kata tidak bagus. Ini yang susah! Tidak usah bawa Yang Berhormat, bawa ahli *backbenchers* dahulu. *[Ketawa]*

Jadi, saya berharap kepada Menteri supaya benda ini diambil kajian. Apabila budak-budak sekolah, budak-budak universiti ini, konsentrasi mereka terbawa-bawa ke arah hiburan dan berapa banyak syarikat itu untung sampai millions, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, duit ini disalah guna, bukanlah kata disalahgunakan, tapi merosakkan wang ringgit yang tidak sepatutnya. Di dalam Islam dia kata "membazir". Tidak begitukah, Yang Berhormat? *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Ketereh pun tak ada. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh? Membazir, dan Tuhan, Dia marah kepada orang-orang yang suka membazir. Betul atau tidak? Amalan syaitan, membazir ini.

Jadi, yang ini saya berharap Menteri, Timbalan Menteri yang muda, yang saya tahu petah bercakap. Sekejap lagi dia pandailah, dia ini pun *pot-pet-pot-pet* juga ini pun. *[Ketawa]* Dia pandai, dia pandai, dia lebih kurang Kak Dah kitalah. Jadi, sampai Menteri memberi kepercayaan. Menteri tak pernah mari jawab, Yang Berhormat Kota Tinggi, Menteri tak pernah mai, dia beri Timbalan Menteri, sebab Timbalan Menteri ini bagus jawab, alhamdulillah.

Jadi, itulah perkara yang saya hendak bawakan supaya Yang Berhormat tolong memastikan bahawa *stop* dahulu syarikat-syarikat telekomunikasi yang ada, perbetulkan hak yang ada ini, bagi kita selalunya Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kata, *First World class, First World telecommunication*. Itu Yang Berhormat bagi Ipoh Timur selalu kata. Yang Berhormat bagi Kepong tak apa. Dia *last* sekali. *[Ketawa]* Dia orang yang terkepung, dia gunakan telefonnya sendiri, dia tak payah pakai Maxis ataupun DiGi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Menteri jawab.

11.26 pagi.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian di dalam membahaskan satu pindaan Rang Undang-undang atas Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998. Saya lihat banyak pandangan-pandangan telah diutarakan oleh lebih kurang seramai 16 Ahli Parlimen yang mengambil bahagian bermula daripada Ahli Parlimen bagi Santubong sehinggalah penutupnya tadi, Yang Berhormat bagi Jerai. Cuma sebelum saya menjawab, saya cuma hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Jerai, yang kata boleh tukar-tukar itu dipanggil "*Roaming*", Yang Berhormat. Maksudnya, Celcom boleh pakai Maxis, Maxis boleh pakai DiGi, dia boleh kongsi-kongsi. Kalau besok ada di Jerai, ada nama Telefon CelBad, kita pun boleh *roaming* dengan CelBad. Itu namanya "*roaming*".

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya faham, "*roaming*" itu bahasa Inggeris. Bahasa Melayu dia kata melilau.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Merayau-rayau!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Melilau, melilau! [*Ketawa*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Melilau. Okay, melilau. [*Ketawa*]
Walaupun banyak isu yang dibangkitkan, dua isu utama yang menjadi perhatian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bermula daripada perbahasan semalam adalah isu dari segi liputan telefon mudah alih dan juga isu-isu dari segi wang, *Universal Service Provision Fund*, iaitu wang perkhidmatan sejagat. Oleh itu saya akan menyentuh dua isu utama ini terlebih dahulu sebelum saya menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Suka saya maklumkan dari segi perkembangan perkhidmatan. Perkhidmatan telekomunikasi di negara terutamanya perkhidmatan *cellular* ini telah berkembang dengan pesat sejak tahun 1998. Daripada jumlah 2.5 juta pelanggan pada akhir tahun 1998, kini kita telah ada hampir 13 juta dan bilangan ini sedang berkembang lagi. Satu peningkatan yang begitu banyak. Kalau dahulu rupa telefon itu agak-agak seberat batu-bata, hari ini rupanya canggih-canggih belaka. Perkhidmatan talian tetap sebaliknya kekal di paras 4.5 juta talian dan terus kekal dan tidak menunjukkan peningkatan.

Isu liputan dan mutu berkhidmatnya *cellular*. Perkembangan perkhidmatan *cellular* yang pesat dan penggunaannya secara luas telah menimbulkan soalan mutu dan liputan perkhidmatan terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Masalah ini kerap dibangkitkan bukan sahaja orang ramai tetapi juga daripada pihak kerajaan. Daripada orang swasta, suri rumah, sehinggalah Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri sendiri, kerana Perdana Menteri juga agak kecewa, banyak kawasan-kawasan di multimedia, kawasan-kawasan di Putrajaya, termasuk di kawasan-kawasan *parking* di Pejabat-pejabat Menteri di Putrajaya, tidak mendapat liputan yang sepenuhnya. Jadi, ini adalah masalah yang sama-sama dirasai oleh pelbagai pihak di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini memandang berat isu mutu dan liputan perkhidmatan *cellular* dan telah pun ambil tindakan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan sejak tahun lepas. Pada bulan Jun tahun ini, kementerian ini telah meminta semua pemberian perkhidmatan *cellular* atau Celco supaya meningkatkan mutu dan liputan perkhidmatan di seluruh negara. Di bawah program yang dinamakan Time One atau T-One, dengan izin, Celco telah disasarkan untuk menyediakan liputan penuh kepada seluruh kawasan MSC termasuk lebuh raya ke KLIA, Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur sebelum akhir Disember 2004.

Pelaksanaan T-One melibatkan pemasangan 290 *base station*, dengan izin, di atas 262 tapak. Sehingga kini 111 tapak telah disempurnakan, 42 tapak dalam proses pembinaan dan 100 dalam proses perolehan. Suka saya maklumkan juga kepada Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, sebagai statistik untuk kita lihat sama-sama. Pada penghujung tahun 2002, jumlah menara yang ada di negara ini adalah sebanyak 8,086; pada penghujung 2003, kita ada 8,861 peningkatan sebanyak lebih kurang 75 *tower* sahaja daripada tahun 2002 ke 2003.

Tetapi setelah kementerian ini menekankan akan kepentingan liputan pada 2004 sehingga bulan yang lalu kita telah ada 8,993 *tower* iaitu sebanyak 132 *tower* peningkatan berbanding dengan peningkatan pada 2002 ke 2003 iaitu hanya sebanyak 75 *tower*. Ini menunjukkan peningkatan yang lebih 100% daripada 2002 Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sila.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang pertambahan *tower* ini saya rasa kalaulah sekiranya kementerian ini boleh menyuruh Syarikat-syarikat Celco ini ia *share tower* apakah salahnya misalnya Maxis dengan Digi, di sesuatu tempat ia *share tower* itu mungkin mereka boleh kira atas tahap sewaan sesuatu *tower* yang hendak dibina. Yang kedua tentang bentuk estetika *tower* yang disentuh oleh Batu Pahat semalam. Saya tengok ada kawasan-kawasan yang dibuat *tower* itu macam pokok, bermakna kalau kita sekali lalu nampaknya seperti pokok, adakah boleh kita mensyaratkan mereka mengubah nilai estetika *tower* itu tidaklah nampak besi berceragah ataupun boleh dicuri oleh orang seperti mana yang berlaku kepada kabel elektrik, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menjawab ini saya akan sampai ke topik itu dan Yang Berhormat kalau ada dan rasa ingin penjelasan boleh bangun dan bertanya, terima kasih.

Selain daripada kawasan T1 Celco juga telah diminta untuk menyediakan liputan kepada seluruh negara terutamanya bandar-bandar utama, laluan jalan raya, laluan kereta api dan pusat-pusat pelancongan utama di bawah program TIME 2 ataupun di panggil T2. Program T2 akan dilaksanakan selama tempoh dua tahun dan akan melibatkan pembinaan 1,650 menara baru di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. T2 dibahagikan kepada dua peringkat iaitu ada dua:

- (a) yang meliputi kawasan priority seperti bandar-bandar yang mempunyai lebih daripada 5, 000 penduduk.
- (b) Lebuhraya dan jalan raya termasuk kawasan 20 kilometer dari bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak dan 100 pusat pelancongan utama.

Kawasan-kawasan lain termasuk dalam program 2B untuk dilaksanakan pada tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, perolehan tapak untuk menara telekomunikasi merupakan masalah utama dalam pembinaan infrastruktur. Di kawasan T1 masih terdapat 109 daripada 262 tapak yang diperlukan yang belum diperolehi kerana tuan punya tanah enggan menjual, sewanya atau harga jualan kadar sewaan terlalu tinggi. Tanpa tapak dan menara adalah sukar untuk mengembangkan liputan. Pihak SKMM sedang membantu pemberi perkhidmatan untuk mengatasi masalah ini.

Langkah-langkah lain yang telah diambil atau dicadangkan oleh pihak SKMM melalui kementerian ini adalah melesenkan syarikat sokongan negeri. Ini untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Pendang tadi. Melesenkan Syarikat Sokongan Negeri (*State-Backed Companies*) untuk menyediakan kemudahan rangkaian baru. Syarikat *State-Backed Company* ini dikehendaki membina kemudahan baru dan bertindak sebagai *one stop center* untuk memudahkan proses perolehan tapak dan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan. Syarikat *State-Backed Companies* ini tidak mempunyai kuasa eksklusif di mana-mana negeri sebaliknya dikehendakki melicinkan proses perolehan tapak dan sebagainya oleh Celco lain. Senarai tapak yang diperlukan telah disediakan dan akan dikemukakan kepada negeri-negeri yang berkenaan supaya memudahkan proses perolehan oleh Celco.

(c) menyeru Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi ada Yang Berhormat Pendang mengatakan masalah kita mendapat tapak dan kerana banyak sangat syarikat-syarikat Celco ini memohon tapak berasingan. Jadi pandangan daripada Pendang mengatakan bahawa apakah tidak boleh tower itu atau pemancar itu dikongsi bersama di satu tapak, jadi tidak payahlah memerlukan banyak tapak, itu satu. Saya hendak tanya sedikit lagi kepada Yang Berhormat siapakah selalunya yang akan membuat *some sort of inspection* supaya tower itu terjamin selamat. Kita takut kadang-kadang kita buat dalam setahun dua, *platformnya* tidak kuatkah, tower itu mungkin akan jatuh. Jadi tentu kerajaan akan mengadakan ataupun syarikat Celco ini akan mengadakan agensi-agensi dan syarikat-syarikat untuk menyenggarakan menara-menara ini. Adakah ini berlaku? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Jerai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berkongsi pandangan sama dengan Yang Berhormat daripada Jerai yang mana sepatutnya Celco ini mempunyai menara-menara yang boleh digunakan secara berkongsi. Oleh itu kementerian ini telah memberi saranan kepada syarikat-syarikat ini supaya menara-menara akan datang perlu digunakan secara bersama tetapi bagi menara-menara yang telah sedia ada yang telah didirikan terlebih dahulu daripada ini, kita benarkan

supaya mereka terus menggunakan *tower* yang telah sedia ada. Berhubung dengan yang kedua Yang Berhormat bimbang dari segi keselamatan *tower*.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Jerai dan juga rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini menjalankan *inspection* berkala untuk memastikan bahawa *tower* ini dan menara ini berada dalam keadaan yang kukuh dan selamat digunakan supaya tidak akan memberikan kemudaratan kepada orang ramai.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Padang Serai.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *share tower* ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya masih ingat pada Dewan yang lepas kita pernah bangkitkan masalah ini dan saya telah difahamkan bahawa kementerian telah membuat keputusan dan pernah mengumumkan bahawa semua Celco kena menjual atau *share tower* itu tetapi nampaknya syarikat-syarikat Celco ini yang enggan mematuhi ataupun ada masalah untuk mereka berkongsi.

Jadi sebenarnya kerajaan sudah membuat keputusan dan telah disuruh mereka berbuat demikian, tetapi hingga sekarang mereka tidak boleh berbuat demikian, apakah masalah yang mereka tidak mahu *share tower* itu? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata akan jawab kemudiannya?-

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tidak, saya boleh jawab perkara ini sebab berkaitan dengan daripada Jerai tadi yang dikatakan bermasalah ini *tower* yang telah didirikan terlebih dahulu yang mana 019 sudah berdiri di tempat lain, 012 sudah berada di tempat lain kalau kita hendak pindah gabungkan itu bermasalah tetapi untuk pada masa akan datang kawasan-kawasan baru kita tidak mempunyai masalah yang besar untuk meminta syarikat-syarikat Celco ini menggunakan satu *common tower*. Ini juga akan sebenarnya bukan sahaja memudahkan orang ramai tetapi menguntungkan Syarikat-syarikat Celco ini kerana kos bagi mereka untuk menyediakan *tower* ini akhirnya menjadi murah kerana mereka dapat berkongsi dengan rakan-rakan saingan mereka dan pembinaan *tower* ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat *tower* yang lama tidak boleh guna bersama.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kalau sudah ada memang masing-masing ada di tempat itu berlainan, kalau kita buka pun ia tidak ada guna untuk tempat lain lagi. Susahlah hendak diminta dan di robohkan *tower* yang ada itu.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ada sedikit mengenai *tower*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, mengenai dengan *tower* ini lagi, saya telah dihubungi oleh pihak rakyat terutama di Kelantan, Kuala Krai tempat saya sebab benda ini tidak diberitahu oleh kementerian berkenaan. Boleh atau tidak pihak kementerian ini memberitahu terutama sekali kepada kawasan Parlimen yang ada sebab kita telah dihujani dengan soalan-soalan dan mengapa tidak didirikan dan sebagainya. Jadi kalau kira ada dalam pengetahuan di Parlimen masing-masing sudah tentu kita dapat memberi jawapan kepada rakyat dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai mana yang saya nyatakan tadi kementerian ini bekerjasama dengan kerajaan negeri dari segi pengambilan tapak-tapak untuk mendirikan *tower* ini. Sekiranya di masa yang akan datang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili Parlimen masing-masing ingin mengetahui masalah pengambilan tapak di kawasan-kawasan yang Ahli Yang Berhormat wakili, saya yakin saya boleh meminta pihak menteri meminta SKMM supaya memberitahu sekiranya ada terdapat masalah dari segi pendirian *tower* atau pengambilan tapak untuk mendirikan *tower* di mana-mana kawasan yang diwakili oleh Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Negeri Kelantan itu lain Tuan Yang di-Pertua sebab itulah saya pohon.....

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kita beritahu Ahli Yang Berhormat nantilah. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: (c) kita menyeru Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meminda *Unified Building By-Laws*, dengan izin.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Puchong.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Puchong, ya.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini ada dua isu, yang pertama

mengenai *tower* juga iaitu saya difahamkan bahawa di sepanjang Lebuh Raya Pantai Timur itu *coveragenya* masih tidak berapa bagus dari segi semua Celco dan saya hendak bertanya sebagai satu penjelasan mengenai apakah kerjasama di antara kementerian Yang Berhormat ataupun Celco dengan Kementerian Kerja Raya ataupun konsesi lebuh raya itu bahawa mengapa lebuh raya itu siap tetapi *tower* belum naik lagi. Itu saya hendak sedikit penjelasan.

Yang kedua mengenai *tower* di atas bumbung. Pagi ini saya baru berunding dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya *officer* yang mengatakan mereka ini tidak ada kuasa untuk meroboh dan sebagainya *tower* di atas bumbung yang telah dibina secara haram iaitu tidak ada kebenaran daripada majlis ataupun *local council*. Boleh saya minta sedikit penjelasan bagaimana kita hendak selesaikan isu ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Pertamanya berhubung daripada segi *coverage* di Lebuh Raya Pantai Timur. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa di sepanjang Lebuh Raya Pantai Timur, *coveragenya* amatlah tidak bermutu sekali, amat susah kerana itu apabila hendak mendirikan *tower* ini memerlukan kawasan tapak-tapak. Maka dengan itulah kementerian ini meminta kerjasama kerajaan negeri supaya melantik sendiri syarikat *state-backed company* supaya memudahkan pengambilan tanah-tanah untuk kegunaan pendirian *tower* ini. Ini yang dilakukan oleh kementerian ini. Mungkin ketika pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur ini kementerian terlepas pandangan bahawa apabila ada lebuh raya sudah pasti perlu ada liputan. Mungkin ini telah terlepas pandang dan tidak bekerjasama dengan *state-backed company* pada ketika itu. Tetapi atas kerana kesedaran ini kita mula melakukannya.

Berhubung dengan *tower* ataupun pemancar di atas bangunan-bangunan kedai ataupun atas bangunan-bangunan, sebenarnya untuk mendirikan pemancar-pemancar di bangunan-bangunan ini terlebih dahulu perlulah ia memenuhi spesifikasi-spesifikasi yang ditetapkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, setelah dipersetujui barulah boleh didirikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sekiranya tidak dipersetujui, tidak disahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan maka ini dianggap sebagai *tower* haram dan tindakan boleh diambil.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hebat Timbalan Menteri ini. Orang muda, hebat. Saya cuma hendak bertanya, sekadar bertanya. Kalau boleh jawab, jawab. Kalau tidak boleh jawab, apa hendak buat. Telefon bimbit ini sudah menjadi sesuatu keperluan. Macam tidak sahlah seseorang nampaknya kalau tidak ada telefon bimbit ini. budak-budak sekolah pun sudah bawa telefon bimbit ini. Orang lelaki bawa, orang perempuan juga. Orang lelaki kadang-kadang ada tiga empat telefon bimbit ini, macam-macam kegunaannya. Ada nombor yang dirahsiakan, ada nombor yang diberitahu. Termasuk Timbalan Menteri agaknya dua tiga telefon.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Hai! Sangkaan buruk. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Harga telefon bimbit ini siapa kontroll? Siapa kontrolharga? Apakah dibebaskan sahaja. Model telefon bimbit ini setiap minggu keluar yang baru. Keluar baru... keluar baru... keluar baru.... Lebih canggih... lebih canggih... lebih canggih.... Boleh tangkap itu, boleh tangkap ini, boleh dapat itu boleh dapat ini, macam-macam. Harganya siapa kontrol? Apakah dibiarkan begitu sahaja sehingga kompeni-kompeni ini boleh membuat keuntungan begitu lumayan. Kita tidak tahu macam mana agaknya kawalan. Ini satu. Lagi satu pelik, ini pelik. Kita pelik, pelik bin ajaib.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, minta Tuan Yang di-Pertua sabarlah sahaja ya. Harga panggilan ini, kadar panggilan ataupun kadar SMS antara satu kompeni dengan satu kompeni berbeza-beza. Ada yang tinggi, ada yang rendah. Maknanya syarikat-syarikat telefon ini dia memang buat duit betul. Memanglah nanti jawapan bebaslah masing-masing boleh buat ketentuan kadar masing-masing tetapi kerajaan harus melindungi rakyat supaya rakyat yang ramai ini jangan tertipu oleh sebab keghairahan rakyat hendak mempunyai telefon bimbit ini, maka kompeni-kompeni yang berkenaan mengambil kesempatan.

Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat saya yang hebat ini, kalau boleh jawab, jawablah. Tidak boleh apa hendak buat. *[Ketawa]* Itu Tuan Yang di-Pertua, lebih kuranglah. Tuan Yang di-Pertua pun agaknya ada pertanyaan begitu. Saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. *[Ketawa]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya walaupun soalan itu tidak begitu bersangkutan dengan akta ini tetapi saya akan cuba jelaskan kepada Yang Berhormat Sri Gading apatah lagi sebagai kakanda saya yang lama.

Pertamanya, saya juga ingin menyangkal Yang Berhormat Sri Gading kata saya simpan telefon dua. Satu sorok, satu tidak sorok. Itu tidak baik Sri Gading. Saya tidak buat kerja-kerja macam ini. Dua-dua telefon saya Yang Berhormat boleh hubung kerana 012 satu, 019 satu untuk memudahkan orang ramai sebagai wakil rakyat seperti Yang Berhormat. Kita ada dua telefon kadang-kadang memudahkan. Kalau tidak ada *roaming* kita kena pakai dualah. Esok kalau sudah ada *roaming* mungkin kita pakai satu sahaja. Jadi kita pakai dua hari ini. Itu yang pertama yang paling penting sekali mesti saya jelaskan. *[Ketawa]*

Seterusnya, Yang Berhormat nyatakan tadi dari segi harga telefon bimbit. Suka saya nyatakan kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain. Kalau kita imbas kembali tujuh atau lapan tahun yang lalu, masyarakat di negara kita ini hanya boleh dikira dengan jari yang boleh pakai telefon. Saya ingat lagi pada zaman telefon ATUR yang besar itu. Kalau dia bawa telefon sebesar beg itu lambangnya orang kayalah kerana tidak ramai orang mampu pakai.

Tetapi oleh sebab *market force*, teknologi yang canggih harga itu makin lama makin turun. Apatah lagi Yang Berhormat kata telefon itu sebahagian daripada hidup kita, sahabat kita. Kalau tertinggal telefon di rumah, kelam kabut kita pergi balik. Isteri kita boleh tinggalkan di rumah, telefon kita tidak berani tinggal di rumah. Itu lebihnya telefon daripada isteri kadang-kadang. *[Ketawa]* Jadi, kita balik takut isteri jawab telefon sebab itu tidak berani tinggal telefon di rumah. *[Ketawa]* Sebab itu kalau telefon tertinggal di rumah kita balik. Itulah pentingnya telefon ini. Tetapi harganya makin lama makin turun.

Hari ini bukan itu sahaja, bukan sahaja harganya telah turun malah telah mula boleh *trade-in* pula. Kalau dahulu beli RM1,000 sudah pakai dua tiga bulan, ada model canggih sedikit, ada keluar gambar, boleh *trade-in* yang lama. Jual dengan harga lebih kurang 60% atau 50% kita beli yang baru pula. Ini menunjukkan *market force* juga membantu menurunkan harga telefon. Ini Yang Berhormat jangan bimbang kerana ini menguntungkan rakyat. Kalau tidak untung saya pasti kementerian ini akan mengambil tindakan supaya mengawal harga telefon.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terkilan lagi mengenai dengan negeri Kelantan dan di kawasan saya. Walaupun Setiausaha Parlimen menyatakan dia ada dua tetapi di kawasan saya kalau ada hanya untuk pameran sahaja. Hendak guna tidak boleh. Jadi tidakkah ada satu perancangan di pihak kementerian sendiri mengenai dengan tanah untuk dibuat sebab bila kerajaan PAS ini memerintah katakanlah satu *term* pun tidak dapat lagilah, maka itulah keseksaan rakyat.

Saya berharap pihak kementerian sendiri ada satu cara untuk mengatasi masalah pengambilan tanah. Kalau tidak sampai bila pun tidak boleh selesai. Saya telah dihubungi dan dihujani dengan perkara ini oleh rakyat di kawasan sana, sudah 47 tahun merdeka tetapi hendak menggunakan telefon tidak boleh. Habis rata-rata, satu kilometer sahaja dari bandar sudah tidak dapat, sedangkan kita dengar adakah pihak Setiausaha Parlimen mengetahui sedikit lagi kita akan memakai *handphone* ini di dahi, tidak perlu dibimbit lagi.

Adakah kita ada perkara ini, [*Disampuk*] duduk di dahi semua ini? Saya rasa Yang Berhormat bagi Sri Gading pun tahu, dia hendak pakai di dahi sedikit masa lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di dahi?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya. Jadi, semuanya tidak payah tertinggal lagi. Apakah perkara ini betul telah berlaku di negara Barat? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Berhubung dengan pengambilan tanah, walaupun jika mendapat kesukaran, kementerian boleh menggunakan akta-akta lain untuk meminta kebenaran kerajaan negeri supaya memberi laluan untuk digunakan bagi kemudahan orang ramai. Sebab tidak ada mana-mana kerajaan akan menyusahkan orang ramai dari segi pembangunan infrastruktur. Insya-Allah kita ada cara lain untuk menyelesaikan masalah dari segi pengambilan tanah.

Cuma apa Yang Berhormat bangkitkan mengenai telefon di dahi, itu saya pun belum melihat lagi, walaupun saya Timbalan Menteri di kementerian ini, saya belum jumpa lagi. Yang dipasang di telinga itu saya sudah tengok, yang di dahi itu belum. Kalau Yang Berhormat bagi Kuala Krai ada dua nanti, beri saya satu.

Berkenaan dengan perkara 'C' saya menyeru Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meminda *Unified Building By-Laws* (UBBL) supaya kemudahan rangkaian disediakan di semua kawasan perumahan dan pembangunan sebagai kemudahan asas untuk memudahkan lagi pengambilan tapak-tapak.

Apa yang dimaksudkan di sini adalah kerana kadang-kadang di dalam kawasan perumahan-perumahan yang besar, yang ratusan ekar, ribuan ekar, dia ada kawasan-kawasan yang telah digazetkan untuk *substation*, yang telah digazetkan untuk taman permainan. Mengapa tidak kawasan ini kita meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan digazetkan juga satu tapak untuk didirikan *tower* agar memudahkan diberi *coverage* untuk kawasan-kawasan perumahan, ini yang kita cadangkan.

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, Yang Berhormat bagi Mambong hendak bertanya soalan okey, silakan.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang teknologi canggih tadi, berkaitan dengan telefon bimbit, model bermacam-macam, kecil atau besar. Tidak adakah teknologi baru, teknologi yang lebih canggih lagi untuk menggantikan *tower* yang besar dan yang tinggi ini, kerana kalau ada teknologi yang lebih canggih, ada kemungkinan satu sistem yang kecil dan hanya boleh digantung di tiang elektrik ataupun di tiang telefon.

Ini bermakna kita tidak payah lagi membina *tower* yang besar dan yang lebih tinggi. Kalau kita pergi ke negara Barat, Tokyo umpamanya, kita tidak melihat *tower* yang besar. Di manakah stesen pemancar ataupun stesen liputan ini? Sebagai contoh, telefon satelit, telefon satelit kita boleh membawanya ke mana-mana dan *SIM card*nya dikeluarkan oleh syarikat Celcom juga. Tetapi kalau kita tidak mahu menggunakan telefon satelit dan membawanya ke mana-mana, jika ia digunakan di dalam rumah ia tidak boleh menerima liputan tetapi kalau kita minta satu *disc* yang kecil itu dipasangkan di bumbung rumah kita, baru kita boleh menerima liputan telefon satelit.

Disk ini kecil, saya rasa ada tiga inci garis pusatnya ataupun diameter. Saya ada memasang satu di rumah saya di kampung, kerana tidak ada *fixed line*. Jadi, inilah teknologi. Tidak adakah teknologi yang lebih canggih sekarang, daripada kita membina *tower* yang lebih besar. Saya rasa kawan saya yang lebih muda ini memang

ada satu visi untuk melihat perkara dan memberi cabaran kepada syarikat untuk membuat R&D, supaya stesen liputan ini lebih canggih lagi. Jadi, kita tidak payah lagi memohon geran tanah ataupun apa-apa, gantung sahaja di mana-mana. Sekian terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Setahu saya kita masih lagi menggunakan teknologi pemancar yang ada pada hari ini. Walau bagaimanapun bagi kawasan-kawasan yang memerlukan estetika seperti kawasan-kawasan pelancongan, kawasan-kawasan berhampiran dengan pejabat, kita cuba macam menyorok di mana hendak meletakkan pemancar itu supaya tidak nampak buruk sangat bangunan itu dan tidaklah menjejaskan pandangan kawasan pelancongan. Ini yang kita lakukan, kita mengambil berat dan sekiranya ada teknologi-teknologi termaju dan mampu dimiliki oleh syarikat-syarikat Celco yang ada di negara ini, saya yakin mereka sudah pasti akan menukar untuk kebaikan pemandangan dan juga keadaan persekitaran di negara.

Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong kerana datang, baru sempat sampai semalam banyak pandangan-pandangan Yang Berhormat bagi Santubong...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Mambong membangkitkan satu perkara yang sangat penting. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan bahawa di Jepun tidak perlu ada *telecom tower*. Adakah itu benar? Kalau begitu kenapa amalan ini atau perkara ini kita ikuti di tanah air kita supaya mengelakkan begitu banyak masalah yang timbul. Adakah benar di Jepun dan di negara-negara yang membangun bahawa tidak perlu ada *telecom tower*?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Setakat hari ini saya tidak dapat mengesahkan lagi kenyataan Yang Berhormat bagi Mambong. Setahu saya teknologi yang ada pada kita masih menggunakan pemancar dan perlu diletakkan di *tower*. Tetapi sekiranya pegawai saya dapat membekalkan saya yang boleh mengesahkan kenyataan Yang Berhormat bagi Mambong saya akan memberi pengetahuan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang

berada di Dewan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong kerana semalam banyak memberikan pandangan-pandangan yang amat bernas untuk kebaikan industri di negara ini.

(d) - Kementerian ini juga membentangkan kertas di mesyuarat-mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Majlis Tanah Negara mengenai isu-isu berkaitan pembinaan infrastruktur di negeri-negeri. Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi telah dan akan menulis kepada semua Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri mengenai cabaran-cabaran yang di hadapi oleh Celco dan cadangan-cadangan penyelesaian.

(f) - Meneliti Akta Pengambilan Tanah 1960 bersama agensi yang berkaitan dengan agensi lain berkaitan dengan tujuan memasukkan kemudahan dalam tafsiran *public utility* dan dengan itu membolehkan kerajaan mengambil alih tanah untuk tujuan membina menara telekomunikasi. Ini saya nyatakan tadi sebagaimana yang telah saya terangkan bahawa kalau kita lihat di negara kita, kalau seperti Tenaga, kalau dia hendak meminta tanah untuk membuat *substation* ataupun hendak membuat *transmission tower*, akta ini membolehkan kerajaan mengambil tanah dengan mudah ataupun Telekom untuk membuat *substation*, dia ada kebenaran-kebenaran ini, tetapi untuk mendirikan *tower* belum ada lagi di dalam akta ini untuk memudahkan kerajaan negeri untuk mengambil tanah.

Maka, kita dalam rangka program untuk membolehkan kerajaan mengambil tanah untuk mendirikan *tower* untuk kegunaan orang ramai. Ini yang cuba kita lakukan. Terima kasih Yang Berhormat...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dijemput Yang Berhormat bagi Larut duduk dahulu. [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila undang-undang *privatization* telekom dibahaskan di Dewan ini dahulu saya telah menjangka perkara ini akan berlaku. Bahkan saya sebut dalam perbahasan saya, persoalan tanah-tanah khususnya di negeri-negeri yang tertentu yang mana tanah ini kepunyaan kerajaan negeri dan telekom ini pula satu badan yang di "*privatize*" oleh kerajaan. Saya juga mengetahui bahawa ada masalah-masalah yang berbangkit

daripada penggunaan tanah, pendapatan tanah untuk digunakan sebagai membuat *tower* kepada telekomunikasi infrastruktur ini, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tadi.

Jadi ini perlu diatasi oleh pihak kementerian. Jangan letakkan perkara ini sebagai agenda Telekom sahaja, tetapi sepatutnya agenda kementerian membawa perkara ini kepada pihak-pihak kerajaan negeri supaya memberikan kemudahan yang khusus. Kalau tidak nanti akhirnya yang terkena dan teraniaya ketinggalan dan kebelakangan ialah masyarakat di negeri itu sendiri. Ini yang penting. Bukan soalan untung, bukan soalan apa tetapi tugas dan tanggungjawab kementerian sebagai badan yang mengawal selia telekomunikasi di negara ini.

Jadi kita kena berunding dengan kerajaan negeri dan kerajaan negeri sepatutnya juga jangan hendak tengok *bottom line* sahaja, keuntungan. Jangan tengok keuntungan sahaja walaupun Sacofa walaupun Dywer, walaupun apa nama syarikat dia mestilah kemudahan asas telekomunikasi ini untuk masyarakat mereka sendiri diutamakan. Jangan *bottom line*. Jadi saya berharap pihak kementerian menggunakan semua kebijaksanaan mereka mengatasi masalah ini.

Sebelum itu saya hendak tanya satu, sebab sebelum pilihanraya Parlimen berlaku, saya memikirkan saya akan mewakili kawasan Batang Lupar. Kawasan Batang Lupar sebutlah 016, 012, 019 memang tidak boleh digunakan. Jadi saya belilah *handphone satellite*. Harga satu *handphone satellite* ialah RM4,000 lebih. Orang kata satelitnya di Indonesia, kita tidak ada. Jadi saya beli satu kerana kemudahan pilihan raya. Guna duit poket sendiri, bukan senang hendak cari RM4,000 itu, Dato', sebab Ahli Parlimen berapa sahaja elaun kita. Sudah beli RM4,000 itu, jangankan pakai dalam rumah, di bawah pokok pun tidak boleh pakai, apabila *heavy dark cloud* pun tidak boleh pakai. Saya hendak tanya kenapa mesti gunakan satelit Indonesia. Tidak adakah satelit kita sendiri? Kenapa perkara ini berlaku? Kenapa Indonesia lebih *advance* daripada kita dan berhubung dengan satelit ini? Bahkan kalau kita dengar orang di mana-mana, Dato' saya baru balik dari Islamabad jumpa 27 buah negara. Dia kata "*Malaysia is a model state and a good example in economic prosperity.*"

Tetapi kalau kita sudah pandang dalaman ini, *handphone* itu tidak ada liputan, Indonesia punya satelit pula kita pakai. Mungkin buluh yang pergi ke udara pun tidak boleh sambung ke *handphone* kita. Jadi teraniayalah pembeli-pembeli macam saya,

beli *handphone* tidak boleh pakai. Sekarang saya simpan dalam *drawer* tidak boleh pakai.

Jadi Dato', saya berharap perkara ini boleh diatasi supaya masyarakat Malaysia boleh menggunakan kecanggihan telekomunikasi ini. Dato', minta jawab.

Seorang Ahli: Jawab.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, pertamanya saya ingin menyentuh dari segi pandangan Yang Berhormat dari segi *coverage* tadi. Saya yakin Yang Berhormat baru sampai Parlimen mungkin tercicir apabila saya mula menggulung jawapan saya tadi yang mana untuk pengetahuan Yang Berhormat kita tidak memandang remeh, malah saya katakan tadi awal-awal lagi saya akan memberi penerangan dari segi *coverage* dan USP Fund.

Dari segi *coverage*, pihak Kementerian telah mengikut cadangan Yang Berhormat dari dahulu yang mana Kementerian ini telah bekerjasama dengan kerajaan negeri termasuk juga dengan Kerajaan Negeri Sarawak yang mana Yang Berhormat dari situ yang mana kerajaan ini telah meminta kerajaan negeri untuk menamakan sendiri syarikat dari negeri Sarawak yang hendak diberikan lesen NFP untuk mendirikan *tower* supaya lebih ramai orang mendapat liputan di negeri Sarawak.

Kita harap perkara ini..sekarang ini dalam proses mendaftarkan syarikat daripada negeri Sarawak ini dan saya yakin sekiranya syarikat kerajaan negeri ini diberi lesen dan akan memudahkan mendirikan *tower* di negeri Sarawak dan juga memudahkan pengambilan tanah-tanah di negeri Sarawak. Yang Berhormat dari Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa kementerian akan berbincang dengan Ketua-ketua Menteri, Menteri Besar berhubung dengan pengambilan tanah-tanah kerajaan. Sebenarnya tanah-tanah sudah banyak diberi kepada kementerian-kementerian. Kementerian Pendidikan dan banyak lagi tetapi tidak digunakan sebelum ini. Saya rasa apa salahnya tanah-tanah perseorangan individu digunakan dan mereka dapat pendapatan untuk disediakan kemudahan-kemudahan. Apa salahnya macam kawasan pendalaman, ini satu pendapatan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ulang, ulang, ulang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ulang, ulang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ulang balik. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa perjumpaan, pandangan telah pun diberikan syor kepada kerajaan-kerajaan negeri meminta Menteri-Menteri Besar, Ketua Menteri untuk memberi tanah-tanah bagi menyediakan kemudahan-kemudahan, sebagaimana yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi. Tetapi saya merasakan kemudahan ini ada baiknya digunakan ke atas tanah-tanah perseorangan, tanah-tanah individu.

Sebab tanah kita beri sudah banyak kepada Kementerian sebab kalau ikut Kanun Tanah, apabila tanah tersebut diberi kepada kementerian, ia akan menjadi satu tanah yang tidak boleh diambil balik oleh kerajaan negeri. Jadi apa salahnya saya hendak beri pandangan supaya pendapatan dapat kepada orang kampung yang ada tanah untuk dirikan *tower* sebagai contoh, pencawang atau apa juga yang kecil-kecil supaya ada satu mata pencarian di atas penyewaan tanah tersebut.

Seperti macam kawasan saya, contohlah kawasan luar bandar, lainlah kawasan Ipoh Timor, kawasan bandar semua dapat. Jadi saya minta kalau boleh dikaji balik apakah tanah-tanah persendirian yang boleh disewa, dipajak untuk tujuan tersebut. Ini akan dapat satu pendapatan tambahan kepada orang-orang luar bandar termasuk di kawasan Yang Berhormat Speaker iaitu di Pulau. Pulau pun kawasan bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup, cukup. Kalau tidak tahu tidak payah sebutlah. Bukan Pulau, Kulai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak tengok Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat perasan atau tidak perasan macam Kepong tadi sebut salah. Jadi itu saya minta kalau boleh kaji balik, tidak semestinya tanah-tanah kerajaan. Apa salahnya kita teruskan menyewa, memajak tanah-tanah perseorangan yang ada di kawasan luar bandar sebagai satu mata pencarian tambahan kepada pendapatan mereka. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut yang mana cadangan Yang Berhormat itu supaya kalau boleh syarikat-syarikat Celco ini mendirikan *tower-tower* ini di kawasan-kawasan pertanian, kawasan-kawasan orang kampung. Suka saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa sebelum mendirikan

mana-mana infrastruktur *tower-tower* untuk memberi liputan kepada orang ramai, terlebih dahulu pihak Celco perlu membuat kajian dari segi di manakah perlu diletakkan lokasi *tower-tower* ini. Sekiranya lokasi *tower-tower* ini perlu diletakkan di kawasan-kawasan milik kerajaan, agak mudah tetapi sekiranya diletakkan di kawasan individu, maka pihak Celco terpaksa berunding dengan pihak individu.

Hari ini terdapat juga *tower-tower*, menara-menara yang terletak di kawasan individu yang disewakan kepada Celco. Celco tidak menjadi masalah, cuma yang menjadi masalahnya kadang-kadang ada pihak-pihak individu yang tidak mahu menyewakan tanahnya kepada Celco untuk didirikan *tower*. Tidak menjadi masalah untuk kepentingan, kebaikan orang ramai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit Yang Berhormat. Kalau kawasan saya bila-bila masa.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, saya belum.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, Dato'....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Hendak sembang-sembang dalam kedai kopikah atau dalam Dewan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dalam Parlimen

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Dalam Parlimen, duduklah dahulu

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Biarlah saya berucap

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak habis lagi?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Belum habis berucap [*Ketawa*]. Hendak sembang, kita sembanglah dekat luar. Ini Yang Berhormat maknanya Celco tidak ada masalah untuk memberi peluang ini untuk orang ramai. Selepas ini terpulang kepada kerajaan negeri. Kalau kerajaan negeri rasa dia yakin dapat menggunakan tanah-tanah yang sesuai yang ada di kawasan-kawasan individu, dan diperlukan oleh Celco, ini boleh membantu orang ramai. Tujuan kementerian ini satu sahaja, untuk memastikan orang ramai, rakyat di negara ini mendapat liputan yang terbaik, yang semungkin-mungkinnya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mintalah walaupun Yang Berhormat telah menyebut dari segi *coverage*, di kawasan saya boleh sebut nama, saya sudah minta banyak kali sudah,

Mukim Ijok, tolonglah ambil perhatian, satu *line* pun tidak boleh masuk. Lupakanlah masalah dari segi perhubungan telefon biasa. Mereka pun hendak juga rasa kecanggihan telefon bimbit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Satu hari jemput Timbalan Menteri pergi ke kawasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya pun tidak mahu menyusahkan Timbalan Menteri juga. Dia pun banyak juga program yang dia hendak pergi. Jadi yang mana boleh selesai di sini, saya minta tolong selesaikan. Lepas ini terus masuk buat *coverage* di kawasan ini. 013 kah, 012 kah, zero apa juga tak ada satu pun yang masuk. Jadi tiada masalah, tentang ini saya boleh bagi jaminan. Bahkan Pejabat UMNO di bahagian saya pun kita benarkan dua pencawang didirikan, bangunan tidak runtuh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Panjang lagikah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Pukul 4.00 bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Suka hati

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okay. TSaya rasa bergantung kepada permintaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau bijak punya, setengah jam boleh selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, teruskan

Datuk Shaziman Abu Mansor: Saya rasa saya telah menjelaskan dari segi isu liputan *tower* dengan seluas-luasnya sebentar tadi dengan rakan-rakan tadi yang mengambil masa lebih satu jam berhubung dengan isu *tower*.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Labuan bangun.

Datuk Shaziman Abu Mansor: Jadi kini saya hendak beralih kepada isu USP. Jadi sebelum saya beralih kepada isu USP, saya beri kepada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi kita banyak dengar tentang *tower*, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma

hendak tanya kementerian di samping masalah tanah melibatkan kerajaan negeri ataupun individu, apakah benar, saya mendapat maklumat bahawa pengendali-pengendali sistem telefon mudah alih ini, seperti MAXIS dan sebagainya, sebenarnya mereka mungkin tidak serius untuk menaiktarafkan kualiti perkhidmatan mereka kerana, MAXIS, contohnya, untuk menjadi kontraktor kepada MAXIS bagi membina *tower*, dia buat *payment* sampai dua tahun. Dia hendak suruh orang buat untuk dia dulu. So, banyak kontraktor tak hendak buat kerja. Macam DIGI, CELCOM semua ini, mengambil masa sampai enam bulan baru hendak bayar duit kepada kontraktor. So *most of the contractors*, bila bagi *out-letter* pun tak hendak buat.

Kalau ini masalahnya, apakah tindakan kementerian? Saya terbaca beberapa bulan yang lalu Yang Berhormat Menteri bertegas mengatakan bahawa jika dalam tempoh enam bulan masih berlaku lagi kepincangan perkhidmatan telefon mudah alih ini, beliau akan membatalkan lesen syarikat-syarikat telefon mudah alih ini. Apakah kementerian betul-betul boleh bertindak jika sekiranya bukan punca tanah, bukan punca kerana tak ada tanah tetapi kerana pemilik-pemilik syarikat-syarikat telefon mudah alih ini lebih ghairah untuk meraih keuntungan daripada meningkatkan kualiti perkhidmatan? Itu pertanyaan saya, Yang Berhormat.

Datuk Shaziman Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Sukalah saya jelaskan secara berterus terang, sebenarnya punca utama untuk pembinaan *tower* ini adalah dari segi tanah, mendapatkan tapak-tapak yang sesuai. Sekiranya nanti, seandainya bermasalah setelah dapat tanah, kementerian ini mempunyai kuasa yang penuh untuk mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat ini dari segi lesen-lesen mereka dan kita yakin mereka juga telah berjanji dengan pihak kementerian, termasuk dengan Menteri, untuk memberi kerjasama supaya *towers* ini dapat didirikan dengan secepat mungkin sekiranya mereka mendapat tapak-tapak yang mana telah dipersetujui secara bersama.

Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa masalah liputan, masalah *tower* dan sebagainya adalah masalah teknologi. Setakat ini saya rasa kita bergantung kepada pengeluaran teknologi. Teknologi liputan ini adakah ia timbul daripada negara kita ataupun daripada negara-negara lain?

Oleh itu saya ingin membangkitkan tentang *R&D*. *R&D* dibuat dengan pesatnya oleh pembekal *handset*. Mereka mengeluarkan *handset* pelbagai bentuk. Ini adalah hasil-hasil daripada *R&D*, pembekal *handset*, tetapi *R&D service provider* ini setiap tahun ini mendapat keuntungan yang banyak – *Telco, Celco* - mendapat keuntungan yang banyak. Adakah mereka membuat *R&D* dari segi liputan? Dari segi teknologi yang saya sebut tadi yang lebih canggih supaya kita tidak mendirikan *tower* yang banyak ataupun *tower* yang tinggi dan besar. *R&D* ini adalah penting. Bilakah kita boleh melihat hasil *R&D* daripada *service provider (Celco dan Telco)* ini? Dihasilkan daripada negara kita? *Indigenous technology*. Ini semuanya pemikiran, semuanya daripada hasil-hasil *R&D*. Ini adalah penting, saya rasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Dr. James Dawos Mamit: Cukup?

Datuk Shaziman Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Untuk makluman, dari segi teknologi ini kita boleh bantangan kepada syarikat-syarikat *Telco* sekiranya ada teknologi yang sesuai kita akan minta *Celco* menggunakannya. Cuma saya hendak respons kepada soalan Yang Berhormat bagi Mambong dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebentar tadi Yang Berhormat Ipoh Timur ada di sana? *[Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Ipoh Timor]* Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tadi menanyakan negara maju seperti Jepun, sama ada mereka menggunakan menara ataupun tidak. Mereka masih lagi menggunakan *tower* tetapi kebanyakan *tower* mereka, mereka *is concealed* supaya tidak kelihatan, tetapi mungkin pemancar mereka lebih kuat daripada kita. Jadi mereka kurang *tower* daripada kita. Itu jawapan yang ada pada saya. Mereka *conceal their tower*. Terima kasih.

Saya rasa saya sudah menjawab dari segi *coverage*, cuma sedikit saya ingin menyentuh dari segi *USP*. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada liputan perkhidmatan selular, isu penyediaan perkhidmatan talian tetap melalui pemberian perkhidmatan sejagat ataupun *USP* juga telah dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai jawapan Timbalan Menteri, kalau *tower is concealed*, bukan bererti bahawa *tower* itu tidak begitu tinggi,

ertinya tidak begitu tinggi dan mungkin itu satu perkara yang kita boleh ambil perhatian sama ada kita boleh ikut cara itu. Terima kasih.

Datuk Shaziman Abu Mansor: Kita mengambil perhatian berhubung perkara itu dan sekarang perkara pembaharuan kepada teknologi, kementerian ini mengharapkan syarikat Celco yang ada di negara ini mengikuti perkembangan teknologi-teknologi yang ada di negara-negara maju.

Berhubung dengan isu USP, masa ini terdapat dua program *USP – Universal Service Provision Fund* iaitu program USP yang diwujudkan oleh kementerian, USP kerajaan dengan menggunakan peruntukan pembangunan kerajaan dan dilaksanakan oleh kementerian dan program USP di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia, seksyen 204, 1998. Program USP industri dibiayai melalui sumbangan daripada industri dan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Program USP kerajaan, di bawah USP kerajaan, peruntukan sebanyak RM293.39 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk menyediakan rangkaian komunikasi asas bagi sekolah-sekolah rendah, klinik dan klinik desa serta perpustakaan desa di samping penyediaan latihan asas komputer.

Di bawah fasa pertama program ini, sebanyak 110 sekolah di Sabah dan 110 buah lagi sekolah di Sarawak telah dilengkapi dengan kemudahan komputer dan sebagainya. Di bawah fasa kedua pada tahun 2003, program ini telah dilaksanakan di 226 lokasi merangkumi 176 perpustakaan desa dan 50 klinik kesihatan dan klinik desa. Setiap lokasi dibekalkan dengan talian *internet ADSL* dengan keupayaan *64 kilobytes per second* bagi *uplink* dan *4 megabytes per second* untuk *downlink*, dua komputer, talian *internet*, talian telefon, pejabat dan dua talian bagi telefon awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberikan banyak masa atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau sudah habis, boleh duduklah. *[Ketawa]*

Datuk Shaziman Abu Mansor: Tidak, kalau Tuan Yang di-Pertua hadkan masa, saya tidak bagi gangguan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berikan 15 minit.

Datuk Shaziman Abu Mansor: Okay, terima kasih. Bagi fasa ketiga yang sedang dilaksanakan pada tahun ini, 500 lokasi merangkumi 200 perpustakaan dan 300 klinik kesihatan dan klinik desa di seluruh negara, yang mana kawasan *penetration rate* ataupun *fixed line is less* daripada *national penetration rate* iaitu 17.5, dengan izin.

Program *USP Industry* – Tuan Yang di-Pertua, selain daripada program USP kerajaan, satu tabung perkhidmatan sejangat yang telah diwujudkan mengikut seksyen 204 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Setiap pemegang lesen kecuali pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan yang mempunyai pendapatan kasar melebihi RM2 juta adalah dikehendaki untuk menyumbang kepada tabung USP atas kadar enam peratus daripada pendapatan bersih yang ditentukan. Tabung ini adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Komunikasi Dan Multimedia 2002 dan diuruskan oleh SKMM. Sumbangan tahunan adalah dianggarkan sebanyak RM400 juta. Tabung ini tidak boleh digunakan untuk tujuan selain daripada yang dibenarkan oleh perundangan ini.

Program *USP industry* adalah dilaksanakan di kawasan yang mempunyai liputan 20 peratus atau lebih kurang daripada kadar penembusan nasional, iaitu 17.5 pada hari ini. Kadar penembusan bagi perkhidmatan talian 17.5 bagi setiap 100 penduduk. Setakat ini sejumlah 89 kawasan telah dikenal pasti sebagai sasaran USP bagi tujuan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan telekomunikasi asas merangkumi 500 talian telefon dan 30 telefon berbayar awam. Perkhidmatan yang disediakan di bawah USP termasuk perkhidmatan telefon asas, *voice and data* dan capaian kepada *internet*.

Daripada 89 kawasan di atas, program USP telah pun dilaksanakan di 46 kawasan termasuk 22 kawasan di Sabah dan 11 kawasan di Sarawak, 13 kawasan lagi adalah di Semenanjung. Baki 43 kawasan, urusan tender dan sebagainya telah selesai dan tawaran akan dibuat kepada penender berjaya pada suku pertama tahun 2005. Tabung USP digunakan untuk membiayai kos modal dan kos operasi perkhidmatan USP sehingga pendapatan di sesuatu kawasan sasaran USP dapat menampung kos operasi untuk tiga tahun berturut-turut dan kawasan dikeluarkan daripada senarai USP.

Tabung USP kini mempunyai jumlah wang sebanyak RM805 juta. Anggaran kos untuk melaksanakan USP pada tahun ini ialah sebanyak RM305 juta untuk perbelanjaan modal dan kos operasi anggaran perbelanjaan bagi Sarawak dan Sabah ialah sebanyak RM102.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran fee profesion lesen individu ASP. Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan isu deposit bagi permohonan lesen ASP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemohon untuk lesen individu

sama ada ASP, NFP, NSP ataupun CASP tidak dikehendaki membayar deposit. Bayaran RM10,000 yang dikenakan ialah bayaran pemprosesan. Bayaran ini dikenakan atas prinsip *cost recovery* dan tidak dipulangkan sekiranya permohonan tidak berjaya. Ia juga adalah untuk memastikan supaya hanya mereka yang benar-benar serius dan mempunyai keupayaan pelaksanaan memohon untuk sesuatu lesen individu, Berbanding dengan lesen individu, pemegang lesen kelas hanya dikenakan bayaran RM2,500 bagi setiap tahun.

Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat ada mencadangkan supaya melantik seorang ahli agama, budayawan dan bahasa menjadi ahli kepada SKMM. Untuk pelantikan ini, kita rasa tidaklah perlu kerana untuk pengetahuan, Jawatankuasa Pemantauan yang ada pada hari ini telah terdiri anggotanya daripada JAKIM sendiri, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan dan Kesenian. Ini, saya yakin dapat menyelesaikan masalah yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Tumpat juga menanyakan sama ada kerajaan merancang untuk mengawal Astro. Kerajaan mempunyai kuasa yang mencukupi untuk mengawal Astro melalui syarat-syarat lesen, Akta Komunikasi dan Multimedia dan garis panduan penapisan filem untuk MEASAT *broadcasting* yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat juga menanyakan sama ada perlu diwujudkan saluran-saluran khas untuk masyarakat yang berbangsa Cina dan juga untuk masyarakat orang India dan juga satu siaran untuk orang Melayu. Cadangan ini sebenarnya telah pun berlaku di saluran-saluran TV Astro yang ada pada hari ini, yang mana kita lihat Ria banyak menyiarkan siaran-siaran untuk orang Melayu, *Vaanavil* untuk orang India dan Wah Lai Toi untuk masyarakat berbangsa Cina. Syarat-syarat lesen juga telah menentukan agar slot maklumat untuk masyarakat disediakan. Yang Berhormat juga membangkitkan dari segi apakah kerajaan menyediakan perlindungan kepada *crew* televisyen yang membuat liputan di kawasan berisiko seperti di selatan Thailand.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan juga rakan-rakan lain, kerajaan walaupun tidak melindungi *crew* televisyen yang membuat liputan di kawasan yang berisiko tinggi, tetapi kementerian boleh membantu untuk menyenangkan urusan *crew* ini ketika mereka bertugas di luar negara dengan pihak stesen TV ini memaklumkan

kepada kementerian sebelum mereka pergi ke mana-mana tempat sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik kepada Astro. Tuan Yang di-Pertua, menjadi suatu kerisauan dan menjadi suatu keresahan rakyat Malaysia terhadap Astro. Sering kali bila kita membahaskan tentang perkara ini di dalam Parlimen, kadang-kadang saling tolak menolak. Kementerian Penerangan mengatakan ini bukan bidang kuasa mereka dan Kementerian Telekomunikasi dan Multimedia mengatakan ini bukan bidang kuasa kementerian tersebut.

Saya tidak mahu terjadi seperti mana isu tuduh menuduh ini yang akan melibatkan dan menjadi mangsanya rakyat Malaysia. Tentang rancangan-rancangan yang saya sebut yang tidak berakhlak yang ditonjolkan oleh Astro. Jadi, adakah benar-benar Astro ini menerima pandangan dan nasihat daripada pihak kementerian? Jadi kita tidak mahu berlaku, isunya adakah kementerian takut dengan Astro ataupun Astro yang takut kepada kementerian. Diharapkan benda ini tidak berlaku. Tetapi, sejauh yang telah berlaku pada hari ini, memandangkan Astro seolah-olah tidak menghiraukan segala pandangan dan nasihat, apatah lagi suara-suara yang dilahirkan oleh Ahli-ahli Parlimen bila kita debatkan dan kita bahaskan perkara ini dalam Parlimen. Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, lesen Astro memang terletak di bidang kuasa kementerian yang saya wakili ini. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kementerian ini telah pun menubuhkan sebagaimana yang saya nyatakan terlebih dahulu, telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemantau Siaran TV yang mana ahli-ahlinya bukan sahaja daripada kementerian ini, termasuk juga daripada Kementerian Penerangan, JAKIM, Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk sama-sama melihat bagaimanakah mutu siaran TV, radio di negara ini. Ini supaya tidak ada tarik menarik sebagaimana kata Yang Berhormat

tadi, mungkin nanti kementerian ini kata ini di bawah Kementerian Penerangan. Kementerian Penerangan kata bawah Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi.

Maka, dengan itu kementerian ini telah mengambil satu inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pemantau TV-TV swasta dan radio yang ada di negara ini. Kita yakin dengan adanya Jawatankuasa Pemantau ini, kita akan dapat satu hala tuju siaran-siaran TV bagaimanakah yang hendak kita adakan di negara ini.

Yang Berhormat bagi Bera juga menanyakan adakah SKMM berupaya memantau siaran televisyen yang sudah jauh dari landasannya. Kerajaan mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk memantau siaran televisyen swasta. Selain daripada Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Penapisan Filem 2002, kod kandungan syarat-syarat lesen penubuhan Jawatankuasa Pemantauan sudah mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas pemantauan televisyen swasta.

Yang Berhormat bagi Sri Aman menanyakan ketiadaan perkhidmatan *broadband* di kawasan berhampiran Kuching. Tumpuan utama *focal point*, pelan jalur negara untuk mewujudkan paras kritikal *mess* sebanyak lima peratus bagi 100 penduduk atau 2.8 juta sambungan pada tahun 2008. Sebuah jawatankuasa pemandu dan tiga pasukan bertugas telah ditubuhkan untuk menghasilkan pelan terperinci dan merancang untuk pertimbangan kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. T2 langkah-langkah lain liputan perkhidmatan selular.

Yang Berhormat bagi Sri Aman meminta kerajaan negeri untuk menamakan satu syarikat untuk menyediakan kemudahan telekomunikasi baru di peringkat negeri, telah menamakan syarikat '*State Back Company*'. Diharap syarikat ini akan mempercepatkan proses mendapatkan tapak-tapak daripada Majlis Perbandaran tempatan. Di masa yang sama, sekiranya *coverage* ini masih lagi menjadi masalah, kementerian juga akan mencadangkan kepada syarikat-syarikat Telco ini supaya diadakan *domestic roaming* sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai nanti, yang mana kawasan-kawasan yang ada 012, tidak ada 019 mereka boleh bercakap antara satu sama lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulunglah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kita akan perkenalkan *domestic roaming*. Disebabkan Tuan Yang di-Pertua tidak mengizinkan saya memanjangkan jawapan saya, saya akan menjawab mana-mana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat secara bertulis dan kita akan sampaikan dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Beliau menjawab mengenai *broadband*. Satu perkara yang meliputi segala kemudahan-kemudahan, *broadband* polisi itu.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi, memang pihak kementerian telah melancarkan *national broadband plan* dan untuk membanyakkan penggunaan *broadband* ini, maka kerajaan memulakannya dahulu iaitu kita menggunakan *Telehealth*, *SchoolNet*, kita gunakan *LibraryNet*. Ini sebagai *jump start* untuk mempercepatkan *broadband* di negara ini, sebelum dapat diambil alih oleh pihak swasta untuk menjadi pemangkin kepada *broadband* ini. Kalau Yang Berhormat perlukan penjelasan terperinci berkenaan *national broadband plan* ini, saya akan dapatkan satu salinan untuk saya bekalkan kepada Yang Berhormat supaya Yang Berhormat dapat mengetahui dengan lebih jelas. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya Yang Berhormat? *I can't hear you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia minta satu taklimatlah.

Tuan Lim Kit Siang: Adakan satu taklimat untuk Ahli-ahli Parlimen yang berminat mengenai perkara ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *Thank you. I agree with your suggestions and I will inform my Minister about it. Thank you.*

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*] [*Memegang sehelai kertas*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong, itu kertas apa?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *Streamyx exchange*, saya rasa saya jawab nantilah Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia jawab, baik.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Okey sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata, Yang Berhormat sudah jawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sudah jawab bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Haa, bertulis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*].

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, dijemput.

USUL OLEH YANG BERHORMAT MENTERI LUAR NEGERI DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 27(3)

Konflik Israel-Palestin

12.32 tgh.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan Rakyat, saya mohon mencadangkan satu Usul seperti berikut:

BAHAWA, Dewan ingin mengambil maklum mengenai isu situasi konflik di Palestin setelah Presidennya iaitu Allahyarham Yasser Arafat meninggal dunia.

BAHAWA, Dewan ini menekankan kehilangan Allahyarham dilihat sebagai suatu kerugian besar dalam sejarah Asia Barat. Isu konflik antara Palestin dan Israel telah terlalu lama menjadi sebatian dengan hal ehwal antarabangsa manakala nama Yasser Arafat telah sinonim dengan perjuangan rakyat Palestin.

BAHAWA, Malaysia kini diberi tanggungjawab yang penting selaku Pengerusi Sidang Kemuncak OIC dan NAM untuk terus membantu mencari penyelesaian kepada konflik tersebut bagi mencapai keamanan di Palestin. Oleh itu, Parlimen Malaysia harus berdiri sebaris dengan Parlimen-parlimen masyarakat sedunia yang lain dalam memperjuangkan hak kebebasan rakyat Palestin yang semakin ditindas oleh Israel.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) menggesa semua pihak menyokong hak rakyat Palestin untuk mencapai kedaulatan Negara Palestin yang merdeka dan juga menyokong pemimpin baru mereka yang dilantik selepas 9 Januari 2005;
- (2) mengutuk dan mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan Israel yang terus menindas dan membunuh rakyat Palestin yang tidak berdosa serta merobohkan rumah-rumah kediaman mereka; dan
- (3) mendesak ahli Quartet (iaitu Amerika Syarikat, Rusia, Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) untuk mengambil langkah seterusnya untuk memastikan Pelan Damai dibawa segera ke landasan yang benar dan untuk memastikan Israel dihalang daripada mengeksploitasi situasi di Palestin selepas Allahyarham Yasser Arafat meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, konflik Israel Palestin merupakan suatu isu yang sentiasa hangat dibangkitkan di dalam forum-forum serantau dan antarabangsa. Setelah lebih

daripada 34 tahun, ianya didebatkan di Persidangan PBB masih tidak ada penyelesaiannya.

Segala usaha yang dibuat setakat ini gagal mencapai apa-apa keputusan yang diharapkan. Sikap Israel yang tidak mahu bertolak ansur dan degil dan tidak mahu melaksanakan komitmennya di bawah beberapa perjanjian yang dicapai membantutkan lagi usaha mencari kedamaian.

Israel masih lagi menggunakan kekuatan ketenteraan yang melampaui batas melakukan kezaliman dan membunuh rakyat Palestin. Harta benda dan rumah kediaman rakyat Palestin juga dimusnahkan. Ini mendatangkan kesusahan dan kesengsaraan kepada seluruh penduduk Palestin. Tidak ada tanda-tanda yang keadaan akan menjadi baik. Kita perlu terus mengecam, mengutuk dengan keras tindakan Israel ke atas Palestin. Keganasan dan penindasan ke atas rakyat Palestin mesti diberhentikan kerana ia bertentangan dan norma dan prinsip undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia.

Bila Presiden Yasser Arafat meninggal dunia pada 11 November lalu, ia merupakan satu kerugian yang besar kepada rakyat Palestin dan rantau Timur Tengah. Beliau adalah merupakan simbol kepada perjuangan rakyat Palestin mempertahankan hak mutlak mereka. Pemergian beliau telah membuka lembaran yang baru di dalam sejarah Palestin.

Kita berharap dengan terbentuknya kepimpinan baru selepas pilihan raya presiden pada 9 Januari 2005, rakyat Palestin akan diberi ruang dan peluang baru untuk mengecap keamanan dan kesejahteraan untuk menikmati penghidupan yang lebih baik. Tidak wajar bagi kita berdiam diri dan melihat dengan berpeluk tubuh membiarkan kezaliman dan penyeksaan terus berlaku di bumi Palestin. Perjuangan rakyat Palestin adalah suatu perjuangan untuk menegakkan keadilan yang sekian lama telah dinafikan kepada mereka.

Oleh itu adalah penting bagi Malaysia selaku Pengerusi OIC dan NAM menggesa masyarakat antarabangsa terutamanya Amerika Syarikat yang mempunyai pengaruh ke atas Israel bagi mengambil langkah yang lebih tegas menangani konflik tersebut sehingga kejayaan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya dengan sokongan padu yang berterusan oleh masyarakat antarabangsa, penyelesaian akan dapat dicapai, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) itu tadi terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya benarkan empat orang dan seorang 10 minitlah. Tumpat.

12.38 tgh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Luar kerana telah membentangkan usul itu. Kerisauan saya yang awal-awal sekali ialah nampak dengan pembentangan dan cara perbahasan yang di bawah oleh Yang Berhormat Menteri itu sebagai suatu *formality* sahaja bahawa oleh kerana pemimpin Yasser Arafat telah meninggal dunia dan kita sebahagian daripada OIC dan NAM dan sebagainya maka kita perlulah bawa ke Parlimen ini.

Saya harap masa-masa yang akan datang usul yang sepenting ini dibawa awal-awal lagi di Parlimen ini dan kita membentangkannya dengan suatu ketegasan yang lebih berani supaya benar-benar membawa wajah bahawa Malaysia adalah pemimpin dalam gerakan untuk membawa pembebasan dan kemerdekaan dan terwujudnya sebuah negara yang bernama Palestin itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin bahawa usul ini akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Saya pun berdiri untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri ini. Kita yakin bahawa usul ini akan diluluskan kerana rakyat Malaysia semuanya saya rasa menyokong akan wujudnya sebuah negara Palestin yang merdeka, yang bebas dan yang demokrasi.

Walaupun badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mempunyai usul-usul seperti ini jika dibawa ke Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan kuasa veto Amerika Syarikat, satu sahaja ianya akan menggagalkan segala usaha masyarakat dunia untuk membawa pembebasan dan kemerdekaan kepada negara Palestin.

Dengan sebab itu, saya juga ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Luar supaya meneruskan usaha kita untuk merombak dan membawa *reformasi* di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya tidak ada lagi hanya satu negara yang boleh menguasai pembuatan dasar di peringkat tertinggi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Allahyarham Yasser Arafat adalah seorang pemimpin yang dihina sedemikian rupa oleh negara Israel dan rakan sekutunya. Kita tahu Allahyarham Yasser Arafat selama hampir-hampir lebih kurang empat tahun yang akhir sebelum peninggalan beliau terpaksa berkurung di Ramallah dan tidak dibenarkan keluar daripada situ dan jika beliau keluar, Israel memberi amaran beliau tidak akan dibenarkan pulang ke bumi Palestin lagi.

Kita tahu juga betapa sedihnya apabila beliau akhirnya pulang ke Rahmatullah (meninggal dunia), beliau tidak dibenarkan untuk dikebumikan di bumi Palestin khususnya di Baitulmaqdis di Jerusalem itu. Ini adalah suatu penghinaan yang kita sebagai sebuah negara, sebagai satu Parlimen mesti mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan Israel menghalang Allahyarham itu daripada dikebumikan di Baitulmaqdis.

Tuan Yang di-Pertua, Israel kita tahu ada rakannya. Kalau Presiden Bush menyebut bahawa Korea Utara, bahawa Iraq, bahawa Iran adalah *exist of evil* maka Parlimen ini mesti menamakan bahawa Amerika Syarikat dan Israel adalah juga *exist of evil* yang membawa berbagai-bagai jenis kezaliman terhadap rakyat yang tidak berdosa bukan sahaja di Palestin tetapi di tempat-tempat lain di muka bumi dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa tentera Israel dengan zalim, dengan kejam membunuh orang-orang awam dengan sewenang-senang. Insiden-insiden yang terakhir ini menunjukkan betapa misalnya beberapa hari yang lalu tentera Israel membunuh dengan jelas seorang anak sekolah belasan tahun yang berjalan dengan pakaian sekolah (*in school uniform*) ditembak dengan sebegitu mudah oleh tentera Israel. Kita tahu beberapa minggu yang lalu, tentera Israel mengebom sebuah van yang jelas mempunyai tanda Palang Merah (*Red Cross*) ataupun Bulan Sabit Merah

saya kurang pasti, tetapi dengan jelas mengebomnya dan menuduh bahawa ini adalah pasukan Palestin yang menyamar sebagai pasukan daripada Bangsa-Bangsa Bersatu, pasukan Palang Merah ataupun Bulan Sabit Merah.

Ini sekali lagi menandakan bahawa tentera Israel dengan zalim tanpa mempunyai pertimbangan kemanusiaan sedikit pun dengan sewenang-wenangnya membunuh rakyat daripada kalangan orang-orang Palestin. Dan beberapa hari yang lalu juga tentera Israel telah menembak tentera-tentera daripada Mesir yang sedang melakukan tugas mereka di negara Mesir itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bukti yang akhir ini yang jelas menunjukkan bahawa Israel tanpa peduli tentang masyarakat dunia, tanpa peduli tentang usul-usul kemanusiaan dengan sebegitu mudah membunuh rakyat jelata yang bukan daripada kalangan orang-orang Israel. Ini tidak bermakna bahawa kita menyokong perbuatan-perbuatan keganasan yang dilakukan oleh mana-mana pihak sama ada dari pihak Israel dan juga dari pihak orang-orang yang menentang Israel, keganasan-keganasan yang melibatkan kematian orang-orang awam sudah tentu kita sebagai parti politik yang berasaskan kepada Islam dan kemanusiaan tidak menyokong perbuatan-perbuatan keganasan yang berbentuk *terrorisme* itu. Tetapi yang jelasnya ialah pembentukan Israel lebih daripada setengah abad yang lalu di bumi Palestin dengan membuang rakyat Palestin ke tempat-tempat pelarian adalah kezaliman, keganasan, *terrorisme* yang terulung sekali yang dilakukan oleh mana-mana kumpulan manusia.

Terrorisme ini diteruskan apabila mereka mendiami bukan sahaja Israel tetapi kawasan di luar Israel yang diiktiraf sebagai tempat-tempat kediaman untuk rakyat Palestin yang berbentuk pelarian itu. Mereka sekarang ini mendiami tempat-tempat ini dan sekarang ini mendirikan tembok pula. Suatu *wall*, 'Berlin Wall' yang baru. Berlin Wall yang di Berlin telah kita runtuhkan dalam arus kegiatan kita ingin melihat demokrasi wujud dalam dunia ini tetapi Israel sekarang mewujudkan *wall* mereka, tembok mereka yang baru.

Dunia mengutuknya, Mahkamah Dunia mengisytiharkan bahawa ia adalah haram dan tidak sah di sisi undang-undang tetapi Israel terus dengan pembentukan dan pembinaan tembok tersebut. Saya mengharapkan bahawa Kerajaan Malaysia dengan lebih tegas lagi mengutuk dan mengkritik perbuatan-perbuatan seperti ini dan mengambil tindakan-tindakan yang tegas untuk memastikan bahawa kita diketahui di hadapan dalam penentang ini.

Saya bimbang dengan istilah-istilah seperti dalam paragraf awal bahawa Malaysia kini diberi tanggungjawab penting selaku Pengerusi OIC dan NAM, oleh itu Parlimen Malaysia harus berdiri sebaris dengan Parlimen-Parlimen masyarakat sedunia yang lain dalam memperjuangkan hak kebebasan.

Saya tidak berpuas hati dengan istilah 'sebaris'. Saya mengharapkan bahawa dalam rangkap yang ada ini istilahnya bukan 'sebaris'. Istilahnya ialah 'oleh itu Parlimen Malaysia harus berdiri di hadapan Parlimen-parlimen masyarakat dunia yang lainnya, bahawa kita pemimpin OIC, kita pemimpin NAM dan kita terkenal dengan perjuangan kita menyokong Palestin.' Tetapi tiba-tiba kita hanya menamakan diri kita, meletakkan diri kita sebaris sahaja dengan dunia dan negara-negara yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya hendak menyarankan supaya kita sebut bahawa kita di hadapan dalam perjuangan seperti ini. Maka dengan sebab itu saya ingin mencadangkan kepada kementerian dan Parlimen ini untuk menunjukkan kita di hadapan bahawa Parlimen ini bersetuju untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas Parlimen tentang isu Palestin ini dan jawatankuasa khas Parlimen ini apabila diwujudkan tidak akan ditamatkan khidmatnya sehinggalah negara dan rakyat Palestin mendapat kebebasan sebagai sebuah negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman.

12.46 tgh.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Tuan Yang di-Pertua, pemergian Presiden Yassir Arafat adalah kehilangan besar bukan sahaja kepada penduduk di negara Palestin yang diduduki oleh kuasa negara pengganas Israel tetapi juga adalah kehilangan kepada semua umat Arab, umat Islam dan seluruh manusia yang cintakan kepada keamanan dan kedamaian.

Beliau bukan sahaja sebagai suatu simbol perjuangan pembebasan tanah yang diduduki tetapi adalah simbol ketahanan dalam memperjuangkan sesuatu yang hak dan menentang kebatilan. Beliau dianggap sebagai pemimpin yang dikenali oleh setiap lapisan masyarakat di dunia baik yang muda ataupun yang tua, yang kecil ataupun yang besar, yang miskin ataupun yang kaya. Beliau adalah *centrifugal leader*

yang menjadi penyatu kepada satu perjuangan yang tidak berkesudahan sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya penyelesaian kepada konflik Timur Tengah seharusnya dan sememangnya wajib dijadikan keutamaan kepada masyarakat dunia pada hari ini. Keupayaan dunia untuk hidup aman dan damai akan terus terancam sekiranya kita tidak mampu untuk membantu dan untuk menjadikan agenda utama kepada penyelesaian masalah di Timur Tengah.

Kita tahu bahawa pada hari ini dunia diancam oleh pelbagai ancaman yang dikaitkan dengan ancaman keganasan dan kita tahu salah satu daripada punca kepada konflik keganasan ialah masalah di Timur Tengah yang tidak berkesudahan sehingga hari ini. Kita sepatutnya berterima kasih kepada usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia antara negara yang awal yang memberikan pengiktirafan kepada Pertubuhan Pembebasan Palestin dengan memberikan taraf kedutaan di sini. Ia adalah suatu kebanggaan kita bahawa di saat dunia yang dikuasai oleh kuasa besar dan memberi sokongan kepada pihak-pihak yang menentang PLO, Malaysia adalah antara negara yang pertama memberikan pengiktirafan kepada PLO, kepada perjuangan Palestin dan memberikan hak kepada mereka di sini dan menaikkan taraf mereka sebagai duta di sini.

Kita juga mesti berterima kasih dan kita mesti mengiktiraf bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara yang sentiasa memperjuangkan hak Palestin dan juga telah menekankan tentang soal isu keganasan dengan menekankan soal definisi keganasan mesti diberikan pentakrifan yang jelas. Keganasan bukan sekadar orang yang meletupkan bom ataupun membunuh diri mereka sendiri di tempat orang ramai tetapi kita mesti mempersoalkan tentang soal isu-isu punca keganasan, tentang apakah di kalangan pejuang-pejuang pembebasan yang tidak ada cara lain dalam menyuarakan hak mereka adalah dianggap sebagai pengganas juga. Walaupun negara yang menggunakan kekuatan mereka sebagai negara yang disokong dan didukung oleh kuasa besar yang melakukan keganasan tidak dipanggil pengganas. Ini adalah antara isu-isu yang Kerajaan Malaysia di dalam forum-forum antarabangsa telah menyuarakan dengan lantang.

Malaysia, kita menyokong atas usaha yang telah ditunjukkan oleh Malaysia dalam memperjuangkan hak rakyat Palestin. Kita mesti memberikan perhatian kepada dinamik politik dalaman Palestin di bawah pimpinan baru. Kita mesti menyokong

mereka dan ada baiknya pada hari mulia, pada hari ini kita bersikap terbuka dan tidak bersikap emosi untuk sama-sama berada di belakang perjuangan rakyat Palestin dan sama-sama memberi Al-Fatihah dan bertafakur untuk Presiden Yasser Arafat. Alfatihah. *[Al-Fatihah dibaca].*

Dengan itu saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa ramai lagi? Kepong, selepas Kepong, keempat-empatnya boleh saya benarkan tetapi turunkan masa kepada lima minit setiap oranglah. Yang Berhormat bagi Kepong sepuluh minit, selepas itu yang lain lima minit.

12.50 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hari ini untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Adalah satu kesedihan di dunia dengan kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Presiden Yasser Arafat dan dengan ketiadaan beliau di dunia Palestin sudah tinggalkan satu *vacuum* yang susah hendak diganti.

Di sini, saya buat pertama kali menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke PBB bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri Luar untuk mengadakan satu kempen bagi mewujudkan resolusi semula kerana kita mempunyai banyak resolusi di PBB tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kedegilan beberapa pihak termasuk Amerika Syarikat.

Saya mencadangkan perkara ini kerana kita sebagai Presiden OIC, kita mesti menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia benar-benar menghendaki satu penyelesaian dan perdamaian di Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, tibalah masa – sebab orang-orang Palestin berada di situ lebih dua ribu tahun ataupun tiga ribu tahun kerana sejak 1920 mereka mempunyai sempadan politik Palestin. Dengan *Balfour Declaration* dan beberapa kejadian kemudiannya, kita dapati masalah-masalah pelarian Palestin yang jumlahnya lebih daripada 3.7 juta tetapi ada pihak yang mengatakan ada 2 juta lagi. Jadi, ini hampir 5 juta pelarian Palestin. Sememangnya kita mesti memberikan perlindungan kepada 3 atau 5 juta orang Palestin ini supaya mereka mendapat tempat kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali sejak Presiden Arafat mengadakan tandatangan perjanjian dengan Yitzhak Rabin pada tahun 1994 selepas beliau mengiktiraf Israel pada tahun 1993, kejadian demi kejadian kekerasan berlaku di Palestin. Masalah-masalah damai termasuk yang dipelopori oleh Bill Clinton dan juga oleh George Mitchell iaitu bekas Senator Amerika, tetapi cadangan ataupun rumusan demi rumusan yang dikemukakan malangnya tidak dapat dijayakan kerana pada kedua-dua pihak ini kita nampak sama ada isu pelarian ataupun isu Baitulmaqdis. –

Sebenarnya kekerasan baru-baru ini sejak tahun 2000 tercetus kerana lawatan Ariel Sharon ke tempat suci di Baitulmaqdis. Selepas itu bermulalah kekerasan termasuklah pengeboman berani mati (*suicide bombing*) dan sebagainya yang menjadikan konflik Palestin dan Israel itu lebih rumit.

Tambahan pula, pihak Israel hendak adakan satu tembak baru...tembok baru bukan tembak baru – banyak tembak menjadi tembok pula, tembok baru yang tidak dapat diterima kerana ini akan menyusahkan rakyat Palestin.

Di sini, kerana tidak cukup masa, saya berpendapatlah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mesti tumpukan perhatian kepada rumusan perdamaian kita dan ke atas isu-isu seperti pelarian Palestin di Baitulmaqdis kepada sama ada Gaza ataupun Tebing Barat, masalah-masalah Golan Heights dan juga masalah sempadan dengan Lebanon ini, keempat-empat masalah ini mestilah ditangani oleh semua pihak termasuk Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan NAM. Dengan itu kita dapat mewujudkan satu perdamaian tanpa kekerasan sebab bagi kita kekerasan dibalas dengan kekerasan, *suicide bombing* dibalas dengan tentera Israel tidak akan mewujudkan satu perdamaian.

Sebab itulah akhir sekali kita menyeru pihak Malaysia bersungguh-sungguh berusaha dan berikhtiar untuk mewujudkan satu perdamaian untuk selama-lamanya di Palestin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalabakan.

12.57 tgh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Persoalannya, Tuan Yang di-

Pertua, ialah diam dan peluk tubuh - Malaysia diam dan peluk tubuh, bukannya rakyat Malaysia diam dan peluk tubuh seperti mana yang dikatakan oleh Menteri Luar Negeri. Negara Malaysia diam dan peluk tubuh, OIC dan NAM peluk tubuh.

Persoalannya, mengapa usul yang begini penting baru sampai dalam Dewan Rakyat hari ini? Perkara ini sudah berlarutan begitu lama. Mungkinkah usul ini membela Yasser Arafat sahaja kerana dia sudah meninggal dunia? Atau usul ini membela rakyat Palestin? Ini persoalannya. Atau apabila usul ini diluluskan dengan sebulat suara, saya percaya hanya untuk sandiwara sahaja yang mengatakan negara ini negara Malaysia, pemimpin OIC dan NAM ini menunjukkan kepada dunia kita prihatin sahaja dan selepas itu tidak ada tindakan. Kita tidak mahu sebarisan seperti mana kata Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, kita mahu di hadapan kerana kita pemimpin OIC dan kita pemimpin NAM.

Tuan Yang di-Pertua, tanah Palestin diduduki dan kemudian tanah ini dirampas dan penghuni tanah dihalau keluar oleh Israel. Saya masuk rumah Ahli Yang Berhormat bagi Jerai, saya duduk di sana kemudian saya halau dia keluar dari rumah, apa pertimbangan dunia antarabangsa? Ini persoalannya. Apa pertimbangan kita juga sebagai pemimpin OIC dan NAM? Apa yang saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. Bolehkah sambung petang ini?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas itu sebagaimana yang saya telah katakan Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh boleh mohon berucap sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kalabakan sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, usul yang dikemukakan oleh Menteri Luar Negeri adalah satu usul yang mustahak melibatkan kepentingan seluruh dunia. Saya fikir kerana kita bahas dalam Parlimen Malaysia ini maka kita buka kepada ahli-ahli yang mahu bercakap walaupun keadaan apa juga sekalipun kita beri masa dan kita sambung untuk semua ahli mengeluarkan pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kata pepatah “Patah tumbuh hilang berganti”. Presiden Arafat meninggal dunia....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan boleh?

Datuk Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh: Belum bermula lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terpulang kepada Yang Berhormat kalau hendak beri.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, setujukah Yang Berhormat hendak menjadikan agenda Palestin ini sebagai satu agenda dalam Parlimen kita sampai isu Palestin ini selesai? Setujukah atau tidak?

Datuk Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh: Kalau agenda sepanjang-panjang memang tidak...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, maksudnya ia dijadikan satu agenda, setiap hari kita bincang.

Datuk Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh: Tiap-tiap hari mungkin tidak bolehlah, mungkin Ahli-ahli Parlimen mahu menimbulkan isu ini di satu-satu masa mungkin kita boleh dengar. Jadi..... ini mengganggu saya punya idea. “Patah tumbuh hilang berganti” ini bukan pepatah yang saya buat-buat, ia pepatah Melayu. Presiden

Arafat telah meninggal dunia, kita sudah pun membacakan Al-Fatihah, kita simpati kerana beliau telah berjuang begitu lama untuk menegakkan negara Palestin. Persoalannya sekarang, kita harus memberi sokongan yang padu kepada penggantinya pada bulan Januari yang akan datang ini dan kepada rakyat Palestin keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu Palestin ini sudah berpuluh tahun sehinggakan kanak-kanak pun tahu bahawa Palestin rakyatnya dizalimi oleh pihak Israel. Jadi apabila kita nampak di kaca-kaca TV kita dapati banyak anak-anak dan orang-orang Palestin mereka ini hingga sanggup membunuh diri mempertahankan negara mereka. Tetapi masalahnya apabila mereka berbuat demikian, mereka dianggap pengganas. Di mana kita dapat satu istilah 'pengganas' apabila orang mempertahankan negara mereka.

Bagi saya kalau sekiranya rumah saya dicerobohi maka saya fikir saya *join* pengganas kerana saya mempertahankan diri saya. Amerika atau negara-negara yang bersimpati dengan Palestin ini kadang kala tidak mahu dengar suara-suara antarabangsa sehinggakan membela diri dianggap pengganas. Mereka simpati kepada Israel, kononnya rakyat Palestin pengganas. Mempertahankan negara adalah pengganas. Ini tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada OIC, saya tidak mahu sebut NAM, saya mahu OIC. Berapa banyak negara-negara dalam OIC. Negara-negara yang menjadi anggota OIC semuanya Islam kalau saya tidak salah, yang saya tahu. Jadi saya minta Sabah sebahagian daripada Malaysia, ini satu negara sahaja. Kita minta negara-negara OIC yang mana kita menjadi Pengerusi membuat satu resolusi. Mungkin resolusi ini supaya kita menghantar tentera OIC untuk mengamankan Palestin. Bukannya kita hendak berperang tetapi kita mahu menunjukkan kepada dunia, kepada kuasa besar bahawa kita mahukan keamanan, kita tidak mahu orang Islam, negara Islam sebagai pengganas. Di mana juga ada keganasan jadi label Islamlah menjadi pengganas. Islam adalah satu negara yang saya ingat cukup aman, berbilang kaum, tiada persengketaan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa minggu yang lalu, askar Israel menembak mati tentera Egypt. Senang sahaja Israel, dia sudah bunuh kemudian dia kata "sorry", itu sahaja tetapi kalau kita membunuh dikatakan pengganas. Jadi apa istilah Amerika, dalam kamus mana yang dia orang tafsirkan kalau negara Islam 'pengganas', kalau bukan negara Islam itu membela diri.

Tuan Yang di-Pertua, kita dengar Iraq, Iran akan diserang. Amerika akan serang Iran. Pernah menyatakan ada senjata pemusnah, ada nuklear. Korea Utara ada senjata pemusnah, mengapa Amerika sesuka hati untuk menunjuk di mana negara yang ada senjata pemusnah sedangkan Amerika tahu Israel mempunyai kedua-keduanya sekali. Nuklear ada. senjata pemusnah ada. Kenapa Amerika tidak beritahu janganlah perang, beritahu Israel supaya memusnahkan senjata pemusnah ini kerana ada udang di sebalik batu. Jadi ini bermasalah bagi kita.

Saya minta kepada Parlimen, kepada negara kita Malaysia yang mengetuai OIC dan NAM, seperti mana yang saya katakan tadi ini bukan sandiwara, kita tidak bermain sandiwara di sini. Kita mahu suara ini, suara rakyat ini kerana saya faham semua Ahli Parlimen yang ada di sini mengutuk tindakan Israel, jadi suara negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh: Dua minit lagi saya gulung. Suara negara kita. Kita mahu suara negara kita ini kalau boleh termasuk yang bercakap di sini keluar di TV, keluar di CNN. Beritahu bahawa kita serius terhadap perkara ini, bukannya sandiwara sahaja.

Jadi kita minta pembawa usul, kebetulan Menteri Luar Negeri, berceritalah dengan lantang sedikit apabila dalam mesyuarat OIC atau NAM.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

2.40 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong Usul yang di bawa oleh Menteri Luar kita, iaitu mengutuk tindakan-tindakan yang tidak berperikemanusiaan oleh Israel dan juga Amerika Syarikat terhadap bukan sahaja Palestin sebuah negara Islam tetapi juga negara-negara Islam yang lain.

Seperti kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, umat-umat Islam dan negara-negara Islam serta negara-negara yang cintakan kedamaian harus mengambil iktibar. Tidak terfikir kepada kita bahawa di zaman yang moden seperti ini, berlaku

pembunuhan dengan tidak ada timbang rasa; berlaku kekejaman, berlaku penyeksaan yang tidak berperikemanusiaan, malah binatang sendiri pun sayangkan anak dan juga sejenis dengannya. Inikan manusia yang kita kata bertamadun, yang kita kata terpelajar, yang kita kata negara moden, negara besar dan negara yang kaya raya. Punca masalah di dunia hari ini ialah kerana Amerika Syarikat dan Israel itu sendiri.

Mereka kata hendak cari keamanan, tetapi mereka membunuh orang-orang yang tidak berdosa! Apa tinggal lagi kepada seorang rakyat Palestin kalau ibunya, bapanya, datuknya, saudaranya, abangnya, kakaknya sudah terkorban, terbunuh kerana mempertahankan tanah tumpah darah mereka! Itulah kita dapat lihat kadang-kadang mereka ini sanggup melilit bom dan berkorban diri kerana bagi mereka sudah tidak ada apa-apa lagi. Hidup bagi mereka sudah tidak ada erti, bumi milik mereka dikuasai oleh orang dan dunia hanya dapat mengeluarkan resolusi-resolusi. Bangsa-bangsa Bersatu hanya boleh bersidang, tetapi apakah tindakan yang boleh diambil untuk menghalangkan keganasan yang dilakukan oleh Israel dan Amerika?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Gombak bangun, Yang Berhormat.

Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat saya ingin mohon penjelasan Ahli Yang Berhormat daripada Jerai. Kita tahu bahawa pencabulan hak asasi kemanusiaan oleh Zionisme begitu jelas berlaku di negara Palestin ini. Mengapa, pada pandangan Ahli Yang Berhormat, Bangsa-Bangsa Bersatu tidak berkesan di dalam mencegah pencabulan yang begitu terang-terang ini? Mohon penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ibu pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri di Amerika, Bangsa-bangsa Bersatu sendiri tidak keterlaluan kalau saya kata berada di kelopak Amerika Syarikat. Walau pun Amerika Syarikat berhutang beratus juta kepada Bangsa-bangsa Bersatu, tidak bayar yuran dia dan sebagainya, malah dunia hari ini takut dan gentar terhadap Amerika Syarikat. Dan inilah peluang yang diambil oleh Israel, Israel dijadikan sebagai batu loncatan kepada Amerika Syarikat untuk menguasai dunia Arab dan mereka juga....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: akan menguasai Dunia Islam dan dunia-dunia yang lain..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Semangat macam tulah! Kalah tidak apa, fasal masih bersemangat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dengar dulu ni, hah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya. Tetapi tidak apa, ini kita main mulut, ya. Kita bukan main tangan.

Setujukah Yang Berhormat, kita mesti lihat kelemahan–kelemahan di kalangan negara-negara Islam itu sendiri kerana tidak bersatu padu, walau kita ada sumber kekayaan, ada minyak dan sebagainya. Maka sebab hari ini, Malaysia sebagai ketua OIC akan terus menjadi *role model* sebagai mengembalikan balik martabat “maruah sengat” orang kata, sengat Kedah, untuk melihatkan kepada dunia bahawa kita negara Islam mesti bersatu padu dalam apa jua untuk memenangi masalah ini. Bukan semacam PAS yang hanya menanggung di air yang keruh, ya. Setuju tidak, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang setuju, macam Yang Berhormat PAS tadi, dia marah fasal kita tidak bawa usul ini. Tetapi yang PAS dok lama tidak kata apa pun. Bila kita bawa, dia tegur kita pula. Tidak bawa tidak kena, bawa tidak kena. Jadi serba-serbi tidak kena!

Jadi Yang Berhormat, tak tidur, noo? Dak, tidak apa! Jadi kita mahu dunia hari ini memikirkan bahawa sampai bilakah kita hendak membunuh. Sampai bilakah kita hendak menyeksa? Sampai bilakah kita hendak mengambil tanah harta pusaka orang ini? Ini adalah hak mutlak sesebuah negara, tinggal Presidennya terkepung tidak boleh bergerak ke mana-mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, Jerai! Gulung, Jerai!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya Allah! *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, baru separuh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah, yang lain Ahli Yang Berhormat lain boleh tambah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak ini, saya hendak. Jadi, okay masa kecederaan. Fasal apa? Dalam sukan, bola pun dia ada masa kecederaan. Tadi kawan-kawan saya ganggu, tadi. Bukan ganggu, minta penjelasan.

Jadi saya minta negara kita negara Malaysia pada 22 April yang lalu telah kita adakan persidangan khas mesyuarat khas OIC, kita telah pun membuat deklarasi Palestin dan Iraq, maka saya berharap kepada Menteri kita yang bijaksana, Menteri kita yang berpengalaman ini dan juga yang ada sikit Arab supaya menyelesaikan masalah-masalah Arab ini. Arab ni, kena Arab dengan Arab juga! *[Ketawa]* Jadi eloklah Menteri kita pun Tok Arab dia boleh selesai bercakap bahasa Arab, macam-macam elok, *insya-Allah*.

Jadi kita hendak tahu keputusan deklarasi itu. Apakah tindakannya? Dan bagi rakyat Palestin, bagi rakyat Iraq, bagi rakyat Iran dan juga negara-negara Islam lain, percayalah Malaysia walau pun terdiri daripada berbilang kaum, agama dan bangsa, negara Islam ini akan bersama-sama dengan saudara-saudara di seluruh perosok dunia yang tertekan, yang terbunuh, yang terkorban untuk kami pertahankan bersama! Jangan bimbang, *insya-Allah*, walau Kerajaan Persekutuan kadang-kadang kami tidak kesampaian ke bumi Iraq, bumi Palestin *insya-Allah*, kami akan terus bercakap, kami akan terus berdoa dan kami akan terus menentang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ... Penjajah Amerika Syarikat dan Israel yang mempunyai fikiran binatang, hati binatang dan menghina makhluk *Allah subhanahu wataala* di atas muka bumi Allah ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh.

2.48 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup menghormati Menteri Luar Negeri kerana saya dapat peluang untuk bersama-sama pada petang ini dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat abang-abang yang bercakap tadi, Kalabakan, Jerai dan lain-lain. Yang tidak bercakap, izinkan saya orang baru ini untuk menyampaikan keluhan yang tidak terhingga dalam hati kecil saya selama ini.

Selepas 55 tahun Israel dengan Palestin tidak habis-habis bergaduh, saya menyatakan bahawa di sini, saya bangun untuk menyokong penuh isu yang dikemukakan oleh Menteri Luar dan mengecam sekeras-kerasnya atas kezaliman yang dilakukan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, yang tidak berperikemanusiaan, lebih daripada syaitan! Syaitan boleh mengacau tetapi dia tidak membunuh, tetapi ini membunuh! Tidak bermakna saya mengecam rakyat Israel. Rakyat Malaysia tidak memusuhi rakyat Israel. Kita tidak memusuhi rakyat Yahudi, tetapi kita memusuhi kerajaan Israel yang mempunyai kezaliman, yang tidak mempunyai peri kemanusiaan iaitu yang berfahaman Zionisme dan juga sekularisme!

Saya tidak menafikan kekuasaan Allah, maka kalau kita melihat kenapa umat Palestin menjadi begitu? Kalau kita baca dalam sejarah, Nabi Allah Ibrahim ada dua isteri; satunya ialah Siti Hajar dan yang keduanya ialah Siti Sarah. Siti Hajar ialah lahirnya Nabi Allah Ismail. Keturunan inilah Bani Israel sampai kepada Junjungan Besar Nabi kita, Muhammad S.A.W. Sarah ialah Ishak, Yaakob, Musa, Isa dan lain-lain.

Kalau kita membicarakan soal kita mengutuk Israel, sehabis-habisnya bukan rakyat Israel, *for self*, dengan izin tetapi kita mengutuk kerajaan dipimpin oleh Ariel Sharon yang tidak berperikemanusiaan yang membunuh mereka yang tidak bersalah; kanak-kanak, perempuan, orang tua, di hospital dan sebagainya. Cuba kita beri senjata kepada umat Palestin yang canggih sama dengan Israel, saya rasa nescaya Palestin boleh mengalahkan Israel kerana Islam berjuang, mati itu adalah manis kerana syahid tetapi orang yang bukan Islam; Palestin atau Israel, dia berjuang takut mati, dia upah orang lain untuk serang Palestin kerana dia takut mati, dia hendak hidup. Kita berperang hendak mati, dia berperang hendak hidup.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, Arab belum dapat, minta maaf, belum berpakat untuk bersatu. Arab berpakat, masih lagi berpecah termasuk kita Malaysia. Kalau kita bersatu, insya-Allah, kalau kita melihat Mesir tahun 1973, boleh mengalahkan Israel dengan mudah sehingga Amerika arahkan berhenti, jangan berperang kerana Israel kalah. Saya ada di Mesir, saya sendiri pikul senjata secara sukarelawan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ada yang bangun, Ketereh, kena bagi, saya hormat dia, tetapi jangan lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Sesungguhnya mereka berkata, “Tuhan yang aku sembah adalah Tuhan yang memerintah seluruh alam”. Itulah dosa orang Palestin sehingga mereka dibunuh kerana mereka berkata. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Apakah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bersetuju kalau saya katakan bahawa perjuangan Palestin ini sebenarnya bukan merupakan perjuangan orang Arab, ianya adalah perjuangan hak asasi manusia untuk membela dan mempunyai hak untuk menubuhkan diri sendiri. Apakah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bersetuju kalau saya katakan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sudah sampai masanya untuk mengadakan satu konvensyen mengenai definisi *terrorism* kerana ada perbezaan yang jelas antara *terrorism* dengan hak untuk mengadakan negara sendiri, hak untuk membela bangsa. Apakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya bersetuju sangat yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi *[Membaca sepotong Ayat Al-Quran]* tetapi mereka ini berkelahi bukan kerana agama. Mereka ini berkelahi kerana keturunan mereka telah berkelahi sejak Nabi Allah Ibrahim kerana menuntut pusaka, kerana bumi, kerana tanah. Israel tidak mempunyai tanah tetapi dia ambil Palestin, dia menghalalkan Palestin seolah-olah keluar daripada bumi Palestin, ini satu kezaliman.

Maka saya rasa perkara ini tidak akan selesai sampai kiamat, maka Kerajaan Malaysia sebagai mengetuai OIC dan NAM sudah sampai masanya pergilah gosok lutut Amerika, minta supaya Amerika berhenti supaya jangan bergaduh, itu sahaja. Kita hendak menangani Palestin, kita mesti menangani Yahudi Israel dengan cara kebijaksanaan, penuh psikologi kerana mereka ini sahaja yang boleh mendamaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menyebut panjang cerita ini, saya hendak menyatakan bahawa rakyat Palestin tidak boleh dicop *terrorist*, tidak boleh dicop pengganas kerana mereka berhak mempertahankan tanah air, nyawa, harta mereka. Dalam Islam ialah kewajipan kita untuk mempertahankan tanah air, harta kita, nyawa kita, kita dicop sebagai jihad. Adalah mujahid, mujaddid, orang yang ingin pembaharuan, inginkan kepada kemerdekaan.

Maka saya menyeru seluruh masjid di Malaysia; tidak ketinggalan, 9,000 lebih masjid, termasuk surau, sembahyang hajat, kemudian kita baca Qunut Nazirah, kita

mendoakan kepada Allah di samping Malaysia berusaha melalui OIC dan NAM. Kita hendak supaya masjid-masjid berperanan termasuklah ulama di kalangan UMNO dan ulama PAS, jangan berdiam diri. Kita berdoa kepada Allah supaya beri laluan mudah sebagaimana saya kalah dahulu, boleh menang kerana saya sembahyang Hajat, beri laluan mudah, jangan susah untuk menyelesaikan Palestin ini.

Saya menyeru kepada JAKIM, pihak agensi pusat di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya bertindak segera untuk meminta semua imam di seluruh negara membuat sembahyang hajat Qunut Nazirah supaya meredakan keadaan ini supaya Malaysia dapat menyelesaikan dengan cara mudah.

Sekian, saya menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong.

2.55 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Sanbutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usul daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan masalah Palestin. Kita telah melihat, sebagaimana yang telah disebutkan oleh semua rakan tadi, perjuangan Presiden Arafat selama 50 tahun lebih untuk memerdekakan negara mereka. Kita telah melihat bertahun-tahun keganasan yang telah dibuat oleh pihak Israel, yang disokong oleh pihak Amerika yang telah membangkitkan satu pergerakan di seluruh dunia dan datanglah satu tentera apa yang dikatakan pengganas.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sebab-sebab mengapa keganasan berlaku di dunia ini. Keganasan ini adalah benda ciptaan Amerika, benda ciptaan Israel, benda ciptaan yang disokong oleh dunia Barat tetapi sebab-sebab ini tidak pernah diambil kira oleh pihak Amerika, tidak pernah diambil kira oleh pihak Israel dan tidak pernah diambil kira oleh pihak Barat. Pada masa sekarang, selepas kemenangan Bush kali yang kedua, dengan semua yang ekstremis duduk di Rumah Putih, kita tidak tahu apa lagi perancangan, bersedialah umat Islam, bersedialah negara-negara yang tidak tunduk kepada Amerika. Kita tidak tahu di mana bom akan jatuh daripada Amerika sama ada di Iran atau pun di negara Islam-Islam lain; Saudi Arabia, mungkin di Malaysia. Amerika sedia untuk membuka peluang untuk mengebom siapa sahaja yang tidak bersetuju dengan Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, itulah kenapa Israel begitu ganas, begitu tidak berperikemanusiaan, tidak begitu bertimbang rasa membunuh masyarakat di Palestin tidak kira tua, wanita, anak-anak dan sebagainya; dibunuh, dihentam begitu sahaja kerana tidak ada kecaman, tidak ada cacian daripada Amerika, pengganas yang besar di dunia pada zaman ini tidak lain dan yang tidak bukan ialah Amerika, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gombak bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Gombak bangun? Sila.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Santubong. Selain daripada kita mengutuk tindakan yang dilakukan oleh Zionisme dalam melanggar dan mencabul hak asasi kemanusiaan dan di samping kita menghormati kedaulatan setiap rakyat Palestin, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa keadaan perbalahan yang begitu lama di antara pelbagai puak di dalam Palestin itu sendiri juga tidak mengukuhkan keadaan. Adakah kita rasakan bahawa OIC harus memainkan peranannya di dalam menyatupadukan pelbagai puak yang ada di Palestin ini?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau Yang Berhormat tidak tanya tadi, saya akan sampai ke tempat itu. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak sebut soal Malaysia menjadi Pengerusi OIC ini, gunalah kuasa semasa itu, gunalah peluang ini yang masih ada pada kita untuk menyatupadukan rakyat Islam ini. Sudah disebut oleh Tuhan sendiri yang mengatakan, kita ini dijadikan berpuak-puak, kita dijadikan beberapa bangsa untuk kita bersatu padu, untuk mengetahui satu sama lain tetapi mengapa pula orang Islam tidak tahu dengan Al-Quran ini?

Al-Quran telah memberitahu kita garis panduan kepada semua umat tetapi kita sendiri telah mengetepikan arahan Tuhan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, beritahu, ajarkan orang Arab macam mana hendak bersatu-padu, ajarkan mereka mengetahui agar jangan baca sahaja Al-Quran

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Mengetahui semua tujuan perpaduan untuk memperkukuhkan, mempereratkan perpaduan negara kita untuk memperkuatkan bangsa dan agama kita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut, Larut.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Larut lagi yang hendak bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat baru balik dari persidangan di Islamabad, negara Islam. Mungkin Yang Berhormat setuju, dahulu ramai pemimpin Islam yang lantang bercakap termasuk seperti Muammar Ghadafi dari Libya, kita ada pemimpin daripada negara Islam yang lain, tetapi akhirnya Allahyarham Yasser Arafat, tetapi kini jelas seolah-olah pemimpin-pemimpin negara Islam seperti terkepung, terkongkong, seolah-olah dalam ketakutan, walaupun adalah menjadi dasar perjuangan kita menegakkan Islam di mana-mana juga.

Yang Berhormat sendiri sedar bahawa baru-baru ini Yang Berhormat Perdana Menteri kita selaku pemimpin OIC sendiri telah mengadakan pendekatan, membuat lawatan ke Amerika, berjumpa dengan Presiden George Bush, berjumpa dengan beberapa orang lagi pemimpin negara-negara Barat. Tidak panjang, hendak bagi Yang Berhormat, setuju atau tidak setuju, itu sahaja, berjumpa dengan pemimpin-pemimpin negara-negara Barat untuk menjelaskan pendirian kita terhadap, ke atas agenda yang sedang dihadapi oleh negara-negara Islam terutamanya Palestin.

Dan hari ini ternyata bahawa Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menjadi satu pemimpin baru dalam dunia Islam ke arah untuk memberi ilham-ilham, idea-idea bagaimana supaya semangat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan panjang sangat, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hendak habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:supaya semangat di negara-negara Islam ini akan terus berkumandang dan akhirnya akan rasa insaf di kalangan negara-negara Barat. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya setuju, Yang Berhormat. saya setuju perpaduan di antara orang Islam, perpaduan di antara ummah, perpaduan di antara semua masyarakat, kita Islam mesti kita tunjukkan dahulu kepada masyarakat umum, kita tunjukkan dahulu kepada dunia yang kita boleh bersatu-padu,

yang Islam itu adalah agama perpaduan, Islam itu adalah agama yang tidak mengganas.

Keganasan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, kalau Amerika bunuh orang Iraq, Israel bunuh orang Palestin, bukan mengganas, tetapi kalau orang Islam lain yang membunuh dua, tiga orang, sepuluh orang, itu ganas. Di mana letakkan terminologi ganas ini, apa maknanya 'ganas' ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya banyak berbincang, saya semasa berada di Islamabad....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ... masyarakat- masyarakat Islam, wakil-wakil rakyat Islam yang datang ke Islamabad, yang bertanya berita di Malaysia. Saya kata, saya berharap Malaysia boleh dapat membimbing masyarakat Islam untuk bersatu padu supaya kita disegani dan dimalui oleh masyarakat lain di antarabangsa. **Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Semasa Yang Berhormat bagi Santubong mewakili persidangan *Association of Asian Parliament for Peace* (AAPP) di Islamabad baru-baru ini, saya telah diminta berada dalam *Drafting Committee*. Di antara resolusi atau deklarasi yang hendak dibuat oleh Jawatankuasa AAPP ini ialah mengutuk tindakan Israel menguasai dan menghina bangsa Palestin dan tidak membenarkan kemerdekaan di antara negara Palestin.

Wakil Parlimen daripada Singapura membantah deklarasi untuk mengutuk Israel ini. Saya dan pimpinan Yang Berhormat bagi Santubong telah menentang keras dan menyatakan bahawa Malaysia sebagai Presiden OIC meminta supaya deklarasi ini dimasukkan *condemnation on Israel*, dengan izin, ertinya mengutuk tindakan Israel yang tidak memberikan kebebasan hak untuk mendirikan negara oleh rakyat Palestin, tetapi Singapura mengatakan bahawasanya adalah tidak adil untuk kita mengutuk kerana Israel tidak diwakili dalam jawatankuasa ini.

Lalu saya mengatakan, dengan izin, ketua rombongan, saya mengatakan bahawa, kalau atas nama keadilan, Israel tidak hadir dalam Dewan ini, maka kita tidak boleh kutuk Israel, apa kata kalau saya katakan, saya bawa Osama bin Laden ke Dewan ini untuk menerangkan kepada dunia, apakah *terrorism* yang dilaksanakan oleh Osama bin Laden supaya dia boleh mempertahankan diri.

Alhamdulillah, resolusi ini selepas kita *argue* dan kita pertahankan resolusi ini *go through*. Apakah Yang Berhormat boleh nyatakan demikian?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Benar, saya menyokong Yang Berhormat bagi Ketereh semasa menjadi wakil Malaysia dalam *Draft Committee* yang mengatakan bahawa kalau Israel tidak boleh dikondem dalam persidangan itu, oleh kerana tidak ada diwakili di persidangan itu, kenapa pula kita mesti kondem Osama bin Laden kerana Osama bin Laden pun tidak ada di situ. Jadi, saya amat bersetuju dengan pandangan sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, gulung, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kita kena berjaga-jaga di kalangan kita, dahulu Israel dibuat sebegini juga. Di Singapura kena jaga-jaga, Malaysia ini tidak berapa jauh sangat. Kita kena jaga-jaga, ada ejen-ejen di dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: lubuk dan rantau kita ini sendiri. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seri Gading.

3.05 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, cerita bumi Palestin adalah cerita kesengsaraan, penderitaan dan ketidakadilan. Puluhan ribu anak tidak bersekolah, puluhan ribu orang Palestin lumpuh dan cacat anggota, puluhan ribu wanita menjadi janda, puluhan ribu anak-anak hilang tempat bergantung. Memang benar orang bijak pandai berkata, dalam dunia binatang, tidak ada binatang yang bertopengkan manusia, tetapi di dalam dunia manusia, ramai manusia yang bertopengkan binatang.

Perjuangan rakyat Palestin sejak sekian lama menuntut hak dan kedaulatan mereka telah menggugurkan ribuan perwira yang membasahkan tanah air mereka dengan air mata dan darah dan antara perwira dan pahlawan mereka ialah

Allahyarham Yasser Arafat. Selagi dunia membiarkan dan terus membiarkan kezaliman, keganasan dan ketidakadilan Israel, Israel terus bermaharajalela di bumi Palestin maka akan ada lagi ribuan, malah ratusan ribuan perwira dan pahlawan Palestin akan terus merelakan diri mereka dan darah mereka bagi membasahi bumi Palestin yang bertuah.

Tuan Yang di-Pertua, dunia harus mengingatkan sejarah. Dalam mewujudkan negara Palestin, negara Israel di bumi Palestin ini, Britain jangan lari daripada tanggungjawabnya kerana Britainlah pada bulan November, 84 tahun yang lalu telah mencatatkan satu sejarah kotor yang sangat keji di mana Britain telah menjanjikan kepada masyarakat Yahudi satu tanah yang dinamakan untuk negara mereka di bumi yang lain, di bumi Palestin.

Janji Britain kepada masyarakat Yahudi pada 2 November 1977 yang terkenal dengan Perisytiharan Balfour itu akhirnya bertanggungjawab merubah corak sejarah Timur Tengah sehingga hari ini, di mana tidak menghairankan apabila orang Palestin yang kehilangan tanah, telah kehilangan kampung halaman mereka bersatu dari peringkat awal lagi mencemuh perisytiharan ini sebagai orang Arab mengenalkannya 'Perisytiharan Celaka'.

Yang menghairankan, bagaimana dunia boleh menerima Perisytiharan Balfour ini, yang sangat keji kerana waktu itu Timur Tengah dan Palestin bukan tanah jajahan Britain, kecuali Mesir. Bukan tanah jajahan Britain, bagaimana Britain boleh menjanjikan kepada orang lain yang bukan haknya. Maksudnya Britain menjanjikan sesuatu kepada Yahudi bukan haknya. Dia tidak menjajah bumi Arab dan juga Palestin. Mengikut hukum alam, Tuan Yang di-Pertua, sesiapa pun tidak boleh memberi sesuatu yang bukan miliknya.

Oleh yang demikian, Perisytiharan Balfour ini adalah tidak sah kerana ianya bukan diresmikan oleh rakyat Palestin, malahan mereka menentang dengan sekeras-kerasnya. Pada tahun 1947, ini sejarah, dengan kemurahan Britain kepada masyarakat Yahudi seramai 600,000 orang-orang Yahudi telah masuk daripada negara Barat. Dengan kemasukan 600,000 ini telah mengasak dan menghalau orang Palestin dengan dasar mengembang dan merampas tanah orang Palestin termasuk pada tahun 1967, di mana Israel menyerang dan menawan Tebing Barat dan Gaza, yang menyebabkan 500,000 rakyat Palestin menjadi pelarian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Biasalah itu Yang Berhormat apabila sudah bercakap memang kena ada gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong perjuangan rakyat Palestin kerana kita memperjuangkan keadilan, memperjuangkan keamanan dan kita menentang kezaliman. Dunia harus kembali bertamadun. PBB yang mempunyai tanggungjawab memelihara hak asasi manusia keadilan, keamanan dan hak kesamaan dan kuasa menentukan hala tuju sendiri, harus menentukan semua pihak menyelesaikan peristiwa hitam yang menyelubungi rakyat Palestin ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perjuangan rakyat Palestin menuntut hak mereka, menuntut hak yang memang sebenar-benarnya hak mereka haruslah diberikan sokongan oleh semua negara-negara yang cintakan keamanan, cintakan kepada kedamaian, cinta kepada menghormati hak orang lain seperti yang dilakukan oleh negara Malaysia dengan pembentangan usul yang dibentangkan oleh Menteri Luar Negeri kita sebentar tadi. Mudah-mudahan usaha yang sebegini cantik dan molek, usaha yang begini murni akan menyedarkan pihak-pihak yang tertentu di seluruh dunia agar perjuangan rakyat Palestin bagi menuntut hak mereka akan tercapai tidak berapa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya tidak boleh memberi banyak lagi laluan. Saya beri Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, selepas itu Yang Berhormat bagi Tuaran dan selepas itu Menteri menjawab, lima minit sahaja.

3.12 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang bukan Islam, saya melihat masalah ini adalah masalah sejagat, bukan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam. Itulah masalah yang dihadapi oleh dunia dan saya rasa terpanggil sebagai orang bukan Islam, saya turut mengutuk kezaliman penindasan yang berlaku [*Tepuk*] dan apa yang berlaku di bumi Palestin.

Saya menonton paparan dalam sebuah dokumentari tidak lama yang lalu dan saya melihat dengan mata saya sendiri apa yang berlaku penindasan ke atas kanak-kanak dan kepada rakyat jelata biasa. Adakah Amerika Syarikat sedar masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata? Bagi saya, saya sentiasa melihat masalah ini adalah kerana Amerika Syarikat dengan kuasa-kuasa asing, mereka ini ada kepentingan ekonomi. Sebab itu mereka tidak berani untuk mengutuk Israel dan saya rasa ini adalah satu masalah. Kita lantang memperkatakan negara kita Malaysia, kita mahukan keamanan maka kita tidak benarkan apa jua bentuk pencerobohan dan penindasan ke atas rakyat mana-mana negara. Itulah

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak beri Yang Berhormat bagi Kudat?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Oh, okey!

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah apa yang telah dikatakan oleh Ahli Parlimen Ayer Hitam berkaitan dengan perjuangan rakyat Palestin. Sebenarnya apa yang kita dengar seolah-olah perjuangan rakyat Palestin ini adalah perjuangan Islam tetapi apa yang kita ketahui sebenarnya perjuangan ini adalah perjuangan hak asasi dan *territorial claim*, wilayah bertentangan wilayah kerana kalau kita lihat di dalam perjuangan PLO itu sendiri ramai daripada pemimpin-pemimpin PLO bukanlah terdiri daripada orang-orang Islam. Timbalan PLO satu ketika dahulu George Habash ialah seorang Kristian, perunding PLO yang begitu hebat, Hanan Ashrawi ialah seorang Kristian dan seorang aktivis Palestin yang terkenal dan yang telah berkempen ke seluruh dunia untuk mempertahankan hak Palestin, Prof. Edward Said ialah seorang Kristian. Dalam soalnya di sini perjuangan rakyat Palestin itu bukanlah hanya perjuangan Islam tetapi adalah perjuangan kemanusiaan, perjuangan hak asasi dan perjuangan territorial yang sepatutnya kita fahami di dalam soal ini. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Memang tepat Yang Berhormat bagi Kudat. Sebenarnya saya masih teringat satu lagi istilah konsep Asabiah yang diterap oleh Yahudi ini, mereka melakukan kezaliman ke atas manusia. Sebab itu saya kata mereka telah mencabuli hak asasi manusia dan saya melihat perkara ini satu yang serius dan kita tidak boleh sekiranya pencerobohan di atas Iraq itu berlaku dengan begitu cepat sekali, kenapa tidak boleh ambil tindakan terhadap Yahudi? Ini juga satu

penindasan dan saya melihat ini sebagai satu perkara yang *double standard*, pilih kasih kerana kuasa-kuasa asing ini mereka menganggap itu tidak ada kepentingan, barangkali tidak ada telaga minyaklah. Itulah saya melihat dan saya mintalah supaya kerajaan kita, Menteri Luar Negeri kita lantang memperkatakan pendirian kita, segenap masyarakat majmuk Malaysia kita mengutuk perbuatan keji ini.

Maka kita mahulah menyokong kedaulatan negara Palestin yang telah diperjuangkan sekian lama oleh masyarakat di situ dan saya juga melihat perkara ini adalah satu masalah dan satu perkara yang memang perlu kita membuat *follow-up* yang cepat. Kalau tidak saya takut perkara ini sudah jadi satu isu yang tidak akan diendah ataupun tidak akan dipandang oleh masyarakat-masyarakat, terutamanya kuasa-kuasa Barat ini. Saya rasa sedih kerana rintihan tidak didengar dan tangisan tidak dilihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung, Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Inilah satu realiti cengkaman. Kita kena mengutuk mereka, mereka jangan lagi zalim. Kita bertindak di atas dasar berperikemanusiaan. Kita mintalah supaya negara-negara di dunia ini, kita sama-sama berjuang untuk melihat dan kita berdoa bukan sahaja orang Islam, orang bukan Islam pun kita berdoa dan bertafakur agar satu hari lagi kita akan mencapai kestabilan di bumi Palestin.

Saya dengan itu menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tuaran.

3.17 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri, ketiga-tiga ketetapan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Pertamanya apabila dinyatakan tentang soal Palestin ini di Malaysia ini, satu gambaran datang ke pemikiran. Rakyat mengatakan ia perjuangan Islam dan sebenarnya memang benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kudat tadi. Sebenarnya tidak banyak yang kita ketahui tentang PLO, berapa orang tahu tentang PLO? PLO sebenarnya macam Barisan Nasional. Ada beberapa organisasi di

bawah PLO ini dan salah satu daripada organisasi di bawah PLO ini ialah *Public Front for the Liberation of Palestine* dan orang-orang di sana bukan beragama Islam.

Begitu juga kita dalam Barisan Nasional ini beberapa organisasi bukan semuanya Islam tetapi kita menyokong apa yang dinamakan gagasan perjuangan Barisan Nasional yang dibuat oleh orang Islam dan begitu juga di Palestin. Dalam soal ini yang paling penting yang kita lihat di sini ialah soal *territorial*. Soal kawasan, ini tanah Palestin. Hanya masalah Yahudi di Eropah dahulu dibawanya orang-orang Yahudi ini diletakkan oleh British seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Dan tersingkirilah orang-orang Palestin ini dan sehingga pada hari ini sejak tahun 1948 sehingga pada hari ini berjuang untuk mendapatkan tanah.

Persoalannya ialah pada hari ini seperti mana dalam usul ketetapan nombor tiga ini menyatakan bahawa memastikan pelan damai ini dibawa segera supaya dorongan *for peace* ini dapat berjaya, bagaimana? Hanya satu perkara saya ingat yang saya ingat yang boleh menjayakan *road map* ini ialah *peace for co-existence* dengan Israel barangkali. Dan dalam hal ini mudah-mudahan selepas ini dapatlah diselesaikan. Palestin wujud, yang Israel pun wujud.

Jika sekiranya kita hapuskan terus, kita berjuang sehingga seluruh tanah Palestin ini diberikan kepada Palestin, saya ingat konflik ini akan berterusan. Itu yang pertama kita dapat selesaikan. Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan juga NAM mempunyai peranan yang penting dalam hal ini.

Dalam ketetapan nombor tiga ini, Malaysia mempunyai kedudukan untuk boleh membuat desakan. Selepas selesai masalah ini saya berharap Malaysia bukan sahaja dapat membuat peranan tetapi dengan situasi setelah pemergian Yasser Arafat, mudah-mudahan *road map* ini dapat diselesaikan. Selepas itu masalah yang lebih besar lagi ialah soal Jerusalem.

Jika sekiranya Yasser Arafat cuba disembunyikan dan dikebumikan dan disemadikan di Jerusalem tempoh hari, saya ingat akan berlaku satu kekecohan yang amat besar. Persoalannya di sini, kedudukan Jerusalem. Kalau bolehlah Malaysia sebagai Pengerusi NAM boleh mencadangkan supaya Jerusalem itu dijadikan sebagai tanah untuk semua, tanah untuk seluruh dunia sebab agama-agama yang besar duduk di sana dan mempunyai rumah-rumah ibadatnya di sana. Yang Islamnya ada masjid, yang Yahudinya ada tempat beribadat di sana dan yang Kristiannya pun ada.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Silakan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih. Saya pernah melawat bandar Jerusalem, pernah melawat Hebron dan pernah melawat Baitullaham sebanyak tiga kali. Saya telah menyaksikan bagaimana rakyat Palestin dihina, rakyat Palestin hilang hak mereka. Kita di sini rakyat Kelantan boleh pergi ke Terengganu tetapi bagi rakyat Palestin mereka penduduk yang berada di Baitullaham tidak dibenarkan pergi ke Jerusalem. Mereka yang berada di Jerusalem tidak boleh pergi ke Hebron. Mereka untuk berjalan dalam negara mereka pun hak mereka ditolak oleh pemerintah Yahudi. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa kita berdoa sudah, berbunuh pun sudah, berusul pun sudah hari ini.

Sekarang adalah masa untuk kita mendesak Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengotakan resolusi yang dibuat sendiri oleh Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Resolusi 242 di mana resolusi ini rakyat Palestin dan Israel ada hak untuk *co-exist*. Kalau dahulunya perjuangan Palestin ialah *the destruction of Israel* iaitu penghancuran negara Israel, tetapi pada masa ini rakyat Palestin telah menerima bahawa Israel juga boleh wujud, Palestin juga boleh wujud *side by side*, sebelah-menyebelah supaya aman negara ini, supaya aman dunia ini, supaya hak manusia untuk ada negara sendiri ini ditentukan. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya amat bersetuju. Itulah sebenarnya resolusi yang sepatutnya dilaksanakan oleh PBB. Tetapi PBB sendiri mempunyai kelemahan dan mudah-mudahan dalam masa yang akan datang ini perkara ini dapat diteruskan dan saya tidak bersetuju dengan Ketereh kalau kita mahu *give up* dari segi doa. Semua kita masih mahu terus berdoa sehinggalah masalah Jerusalem dan Palestin dapat diselesaikan. Kita mahu berdoa sebab yang akhirnya Tuhanlah yang Maha Berkuasa yang akan memberikan kita kedamaian dan sebagainya di dunia ini. Walau bagaimanapun.....

Tuan Liow Tiong Lai: [Bangun]

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, ya.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuanan. Kita masih menaruh harapan pada PBB. Tetapi kita lihat apabila Jawatankuasa Keselamatan berbincang dan masih selalu di veto oleh Amerika Syarikat dan ini orang kata PBB telah diperalatkan. Saya

rasa tibalah masa kita cadangkan Malaysia kena berdiri tegas bahawa kita kena rombaklah PBB ini. Kita perlu pastikan bahawa PBB kena pulih perjuangan asasnya. Janganlah benarkan Israel ataupun Amerika Syarikat terus menggunakan *terrorism*, keganasan ini sebagai alasan untuk mengganas lagi di dunia ini. Kita minta penjelasan daripada Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan tidak boleh. Menteri yang buat penjelasan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tetapi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau:saya bersetuju bahawa PBB ini sudah kehilangan moral. Apabila dibiarkan Amerika menyerang Iraq tempoh hari PBB tidak boleh buat apa-apa. Dia tidak boleh buat apa-apa, PBB. Jadi PBB ini buat apa? Ini persoalannya hari ini dan Amerika yang kononnya menjadi pemimpin dunia ini sekarang sendiri melawan. Dia *attack* Setiausaha Agung PBB. Apa ini? Kofi Annan. Persoalannya hari ini Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan NAM, apakah kita tidak boleh gembelngkan seluruh negara-negara di dunia ini untuk menyatakan kepada Amerika tolong, cukuplah. Di sinilah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Tuaran. Sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, ya. Saya gulung. Saya minta kepada pihak media dan juga pihak kerajaan supaya kita memberi gambaran yang menyeluruh tentang Palestin ini. Jangan sesetengah pihak melihat isu ini dalam satu sudut sahaja, perjuangan Islam dan sebagainya tetapi soal kemanusiaan itu, soal perjuangan rakyat Palestin dan hak mereka untuk mendapatkan sebuah negara, hal-hal ini dan juga semua kumpulan-kumpulan terlibat itu perlu diperlihatkan pada umum di Malaysia.

Saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila jawab.

3.24 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sama ada secara langsung ataupun tidak langsung di dalam membahaskan usul mengenai konflik Israel-Palestin setelah kembalinya ke Rahmatullah Yasser Arafat baru-baru ini.

Saya menghargai segala pandangan dan pendapat yang diberikan. Yang pentingnya bagi kita mengetahui ini bukanlah satu usul yang dibawa bermatlamatkan politik tetapi untuk menentukan kita membuat pendirian di atas asas keadilan dan kemanusiaan. Ini bukan perjuangan satu-satu agama ataupun satu-satu kaum tetapi oleh kerana ada penafian keadilan, kezaliman dilakukan dan penindasan menjadi cara untuk menghalalkan kedudukan Israel bagi menduduki wilayah-wilayah Palestin secara tidak sah.

Sebagaimana yang kita ketahui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa negara Palestin masih lagi diidam-idamkan oleh rakyat Palestin. Tetapi yang membayar di atas dosa yang dilakukan oleh Eropah ke atas orang-orang Yahudi adalah negara dan rakyat Palestin. Maka tertubuhnya pada tahun 1948 melalui usul Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebuah negara Israel janjinya adalah sebuah negara Palestin juga akan ditubuhkan tetapi sehingga hari ini ia masih lagi tidak tercapai.

Oleh itu menjadi amat penting sekali bagi kita di dalam kita mengenang, dalam kita bersedih dengan kepulangan ke Rahmatullah Yasser Arafat untuk kita tentukan supaya perjuangan rakyat Palestin senantiasa berada di landasan utama dalam perjuangan antarabangsa kerana ini perjuangan untuk menentukan keadilan menjadi asas untuk melahirkan sebuah dunia yang lebih seimbang, yang tidak *double standard*, yang tidak memilih kasih.

Oleh itu usul ini dibawa, Tuan Yang di-Pertua, dengan niat yang bersih, yang baik untuk kita bersama-sama memberikan semangat dan memberikan roh kepada perjuangan orang Palestin, rakyat Palestin untuk melihat sebuah negara Palestin terbentuk dan tertubuh. Selagi negara Palestin tidak terbentuk dan tertubuh maka selagi itulah perjuangan kita sebagai ahli masyarakat antarabangsa belum lagi selesai.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, banyak tindakan yang telah diambil oleh Malaysia. Di antaranya ialah kita sentiasa memberikan suara kita, memberikan pandangan kita secara lantang dalam soal-soal yang melibatkan keganasan yang dilakukan oleh Israel terhadap Palestin dan rakyatnya.

Keganasan yang dilakukan oleh Israel kita anggap sebagai satu keganasan negara iaitu dengan izin, *state terrorism*. Apakah bezanya di antara *terrorist* yang dilakukan oleh orang biasa dengan dilakukan oleh negara. Kesannya lebih buruk dan mendalam oleh kerana mereka mempunyai persenjataan dan peralatan yang amat dahsyat untuk memusnahkan bukan sahaja harta benda tetapi nyawa dan manusia. Sebab itu kita memandang serius tindakan-tindakan yang diambil.

Saya tahu ada Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya Bangsa-Bangsa Bersatu disusun semula. Ini satu perkara yang akan dibincangkan pada tahun hadapan apabila selesainya laporan yang akan dibuat oleh *High Level Panel* yang ditubuhkan oleh Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Namun demikian, ingin saya mengatakan bahawa segala penyusunan semula Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan kuasa veto tidak mungkin dan tidak dapat dilakukan melainkan negara-negara yang mempunyai kuasa veto bersetuju dengan penukaran kuasa veto ataupun untuk dihapuskan.

Oleh itu sistem dunia yang ada pada masa ini memang tidak seimbang dan memang kita terperangkap, terbelenggu dengan suasana di mana kita tidak dapat mengubah keadaan itu tetapi untuk membetulkan dan membuat pengubahsuaian yang akan menjadikan dunia ini lebih adil, lebih saksama dan perjuangan yang berasaskan kepada keadilan dan kesaksamaan dapat ditegakkan dan diperjuangkan dengan sebaik-baiknya.

Sebab itu saya berasa amat bangga sekali apabila Ahli-ahli Parlimen Malaysia melalui *collective wisdom* ataupun kebijaksanaan bersama memberikan pandangan dan memberikan pendapat bukan secara emosional, bukan secara kita mahu berkonfrontasi dengan mana-mana pihak tetapi kita memperjuangkan sesuatu yang hak ke atas yang batil.

Inilah saya fikir perkara yang amat penting sekali untuk menunjukkan kematangan Ahli-ahli Parlimen kita, Ahli-ahli Yang Berhormat dari semua parti yang berada di Parlimen ini membincangkan sesuatu perkara yang amat mustahak, yang amat penting bagi melihat sesuatu yang seharusnya menjadi gagasan dunia, satu visi....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya minta penjelasan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Baik saya habiskan ayat ini.

....satu visi yang seharusnya menjadi visi dunia untuk kita mencapai secara bersama.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah dan syabas Yang Berhormat, seorang Menteri yang begitu gigih menyuarakan hasrat negara kita, negara yang membangun, yang tidak pernah berputus asa dalam menyelesaikan masalah antarabangsa.

Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak ada kuasa veto untuk memenangi masalah ini, apatah lagi piagam bangsa-bangsa bersatu seperti macam *rubber stamp*. Oleh itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat mengatakan tadi bukan budaya kita untuk menyerang secara hilang akal. Tidak adakah satu jalan penyelesaian? Apakah perlu kita memberi kata dua? Kalau negara-negara Islam bersatu, berani ke depan dengan segala sumber yang ada, memberi kata dua kepada mereka yang terlibat, saya rasa ia mungkin akan menjadi satu peringatan setidak-tidaknya ke arah jalan penyelesaian masalah ini. Terima kasih Yang Berhormat, buat sementara.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun tadi dalam membentangkan usul saya menyebut peranan kita sebagai pemimpin OIC, tetapi ingin saya menjelaskan bahawa ini bukan perjuangan OIC. Ia seharusnya menjadi perjuangan global, perjuangan semua masyarakat antarabangsa. Sebab itu kita telah mengadakan pelbagai pendekatan untuk mempengaruhi kuasa-kuasa besar untuk mempengaruhi masyarakat antarabangsa supaya mereka lebih menyokong hasrat dan cita-cita murni untuk melihat sebuah negara Palestin terbentuk sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi.

Bila saya berjumpa dengan Setiausaha Negara Amerika dan berjumpa dengan Kesatuan Eropah, berjumpa dengan Setiausaha Agung, saya mengatakan negara-negara Islam, juga negara-negara di dalam NAM dan juga negara-negara Arab, kalau satu masa dahulu mereka mahu menghapuskan negara Israel, tetapi pada masa ini mereka telah menerima bahawa Israel sudah wujud sebagai satu hakikat dan realiti yang tidak dapat kita nafikan. Oleh itu kita menerima Israel tinggal sebelah menyebelah di dalam damai dengan Palestin.

Walau bagaimanapaun, setelah kita menerima dan Palestin menerima itu, apakah balasan yang diberikan oleh Israel? Tidak ada balasan yang diberikan oleh Israel. Israel terus mengganas, terus melakukan segala-galanya untuk menentukan

kedudukan wilayah mereka terus diperbesar. Ada seorang pemimpin Barat mengatakan kepada saya bahawa tidak mungkin untuk ditubuhkan sebuah negara Palestin kerana Israel mahu menubuhkan kereta Israel di mana orang-orang Palestin hendak dipindahkan kepada satu kawasan supaya mereka dapat dinyahkan dan wujudlah cita-cita Zionis bagi melahirkan sebuah kereta Israel.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Bukan kita menentang orang-orang Yahudi, kita punya penentangan ialah ke atas Zionisme dan juga Israel sebagai satu rejim yang zalim yang tidak mengendahkan undang-undang antarabangsa ataupun usul-usul yang dibawa di Bangsa-bangsa Bersatu. Baru-baru ini Perdana Menteri kita ...

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [*Bangun*]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya habiskan sedikit sahaja.

Perdana Menteri kita telah bertemu di Tepian Persidangan APEC iaitu *Asia Pacific Economic Cooperation* yang bermesyuarat di Santiago, Chile. Di dalam mesyuarat tepian itu beliau mengatakan mahu melihat Presiden Bush setelah dipilih bagi kali kedua akan bersungguh-sungguh bukan semata-mata dengan hujah dan kata-kata tetapi untuk merealisasikan pembentukan sebuah negara Palestin. Dan Presiden Bush berjanji yang beliau akan mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh. Perdana Menteri kita mengutus surat untuk merekodkan janji beliau kepada Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tahu bahawa Israel begitu berdegil dan berkeras adalah kerana sokongan padu daripada Amerika Syarikat. Dan kita telah mendesak Amerika untuk mengubah pendirian memberi sokongan kepada Palestin dan sebagainya, tetapi hingga akhir ini tidak ada perubahan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri kalau misalnya desakan tidak menjadi, kita rayu, lobi habis-habisan, Presiden Amerika Syarikat dan semua Ahli Kongres Amerika Syarikat supaya mereka sedar tentang masalah sejagat ini, kerana kalau masalah ini tidak diselesaikan, keganasan dan kekejaman akan terus berlaku di bumi Palestin. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Parit.

Memang kita tahu kita tidak mempunyai pilihan untuk menggunakan kekuasaan, kekerasan ataupun ketenteraan untuk memenangi konflik ataupun peperangan di Timur Tengah. Sebab itu pendekatan kita bertemu dengan pelbagai kelompok pemimpin-pemimpin di seluruh dunia, sama ada di Eropah, tetapi apabila kita bertemu dengan Eropah, Eropah lebih dekat pandangannya dengan kita, lebih bersimpati dengan kita, tetapi akhirnya Eropah memberitahu kita untuk menentukan kejayaan perjuangan kita ini kita memerlukan sokongan daripada Amerika Syarikat, sebagai pendukung utama Israel.

Sebab itu dalam kita mengutuk, kita mesti menentukan kita bijak melalui apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tuanan tadi, kita mesti menggunakan pendekatan hikmah dan juga pendekatan doa. Itu akan menjadi penentu kepada kejayaan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa keganasan dunia ini adalah sebenarnya berpunca daripada bermulanya gerakan menubuhkan negara Israel? Saya bacakan satu *quotation* dari sebuah buku: "*Six Days of War: June 1967 and The Making Of the Modern Middle East*", "*The War Of Attrition*", "*The Yom Kippur War*", "*The Munich Massacre*", "*Black September*", "*The Lebanon War*", "*The Controversy Over Jewish Settlements and The Future of Jerusalem*", "*The Camp David Accord*", "*The Oslo Accord*", "*The Intifada*", "*11 September*", are all about the result of this Six days war in the Middle East in June 1967. Maksud saya, sehingga hari ini dunia masih gagal mencari punca dan mengenal pasti *terrorism*. Dan kebanyakan *terrorists* atau pengganas ini, kononnya datang daripada orang Arab, seolah-olah ianya datang daripada orang Islam, sedangkan sebenarnya apa yang mereka perjuangkan adalah hak untuk membela nasib dan masa depan untuk ada sebuah negara. Hanya sebuah negara yang kecil di Tebing Gaza dan di Tebing Barat Jordan! Itu sahaja! Tidak lebih daripada itu! Tetapi dunia masih belum mengenal pasti, belum boleh membezakan di antara *terrorism* dengan hak untuk mengadakan sebuah negara.

Apakah Yang Berhormat bersetuju yang Kerajaan Malaysia akan terus menekan dan terus meminta Bangsa-bangsa Bersatu supaya mulai pada hari ini

dengan kadar yang amat segera memberikan definisi tertentu mengenai apa itu *terrorism* dan apa itu *the right of having a country*? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ketereh di atas pembacaan beliau di dalam buku yang menyebutkan punca. Tetapi pada masa ini, apabila kita melihat, pendekatan dunia tidak lagi semacam dahulu. Malaysia membincangkan bahawa untuk mengatasi *terrorism*, kita perlu melihat kepada punca *terrorism* dan sebab musabab *terrorism* berlaku.

Pada hari ini persoalan itu tidak lagi timbul. Mereka bersetuju bahawa punca *terrorism* menjadi satu pendekatan yang mustahak kalau kita hendak mengatasi soal *terrorism*. Mereka juga bersetuju bahawa soal Palestin adalah satu soal yang menjadi sentuhan hati masyarakat antarabangsa. Selagi perkara itu tidak dapat diselesaikan, *terrorism* akan sentiasa dapat subur dan disuburkan, oleh kerana ada ketidakadilan, ada penindasan dan ada kezaliman. Sebab itu kita amat yakin sekali bahawa *insya-Allah* kita terus berusaha dengan bersungguh-sungguh, akhirnya *insya-Allah* satu hari kita akan dapat mencapai dan melihat penubuhan negara Palestin.

Apa yang penting ialah bila Yang Berhormat bagi Ketereh mengatakan bahawa kita perlu kepada definisi. Buat masa ini kita belum dapat mengadakan satu *convention* antarabangsa untuk mengadakan satu persidangan antarabangsa bagi membincangkan soal memuktamadkan apakah sebenarnya definisi *terrorism* kerana apa yang berlaku pada hari ini ialah perjuangan untuk mendapatkan wilayah, untuk menyingkir mereka yang menduduki wilayah secara tidak sah mengikut keputusan dan resolusi Bangsa-bangsa Bersatu. Kumpulan ini dianggap sebagai *terrorists* dan kumpulan yang menduduki diberikan penghalalan dan seolah-olah mereka mengambil tindakan yang sah. Oleh sebab itu saya fikir kita secara berterusan memperjuangkan kepentingan yang berasaskan kepada keadilan dan kesaksamaan. Jadi saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan Malaysia, *insya-Allah* akan menentukan perkara ini akan terus dibincangkan.

Saya bercakap dengan Saeb Erekat baru-baru ini, apakah mereka menentang berkenaan Israel ini. Mereka mengatakan mereka boleh hidup dalam sebuah negara di mana Arab dan Israel dalam satu negara tetapi Israel tidak mahu terima. Dia satu-satunya negara yang ditubuhkan berasaskan sistem *Apartheid*, berasaskan sistem

kaum dan inilah yang menjadi punca kepada keadaan yang tidak ada kesamaan untuk mencapai sesuatu yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran

Tuan Wildred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perjuangan Palestin ini dan juga perjuangan rakyat kita sesuatu yang memerlukan sokongan dari banyak pihak, bukan sahaja rakyat Malaysia, tetapi juga negara-negara lain. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat selaku Menteri Luar Negeri negara kita. Sejauh manakah tindakan, langkah-langkah kita untuk memberi penerangan, memberi penjelasan kepada rakyat dan juga negara lain tentang perjuangan Palestin ini. Saya fikir tuntutan keadilan dan perjuangan kita untuk mencapai perdamaian di Timur Tengah, khususnya di Palestin, akan mendapat lebih banyak sokongan. Jika sekiranya mereka mendapat maklumat yang benar tentang bagaimana kedegilan Israel ini berterusan untuk memperbesarkan tanah dia, sedangkan soal resolusi PBB yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi. Persoalan di sini ialah dari segi maklumat-maklumat, informasi ini supaya lebih ramai yang dapat supaya kita akan mendapat lebih banyak sokongan perjuangan Palestin. Terima kasih

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung sekejap ini Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir soalnya Yang Berhormat bagi Tuaran, bukan soal kurang maklumat. Banyak maklumat, tetapi banyak maklumat yang ditutup. Banyak perkara yang tidak dapat disampaikan oleh kerana penguasaan secara mutlak terhadap media cetak dan media elektronik oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Jadi ia mempunyai dinamikanya yang tersendiri, penguasaan Israel. Kalau seorang Presiden dalam kuasa negara besar, tidak boleh memenangi pilihanraya tanpa sokongan daripada kumpulan-kumpulan tertentu, ini menunjukkan kuasa mutlak yang ada adalah kuasa yang tidak ketara di hadapan tetapi kuasa yang memberikan kekuatan kepada pertandingan dalam pilihanraya yang diadakan di Amerika Syarikat sendiri.

Jadi, kita kena berhati-hati di dalam kita mengatakan kurangnya, dan dalam masa sekarang ini pun dalam Internet, saya fikir tidak kurang maklumat dengan

gambarnya, visualnya cukup berkenaan perjuangan dengan hujah-hujahnya perjuangan rakyat Palestin. Dan kita mahu ialah dunia lain mendengar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Bera.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sila

Datuk Ismail Sabri bin Yaacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya secara jujurnya, secara ikhlasnya adakah Yang Berhormat yakin akan wujud Negara Palestin ini. Sebab kalau kita lihat kuasa besar tidak pernah berminat untuk mewujudkan negara Palestin? Kalau kita lihat Bangsa-Bangsa Bersatu juga, setiap kali usul dikeluarkan, biasanya secara majoritinya semenjak dari tahun 1978 hingga 1987 hampir 150 usul kalau saya tidak silap.

Dua negara sahaja yang menentang, Amerika, Israel - dua sahaja. Walaupun seluruh dunia bersetuju dengan usul, tetapi dua negara sahaja yang menentang iaitu Amerika dan Israel dan resolusi tidak pernah dapat dijalankan. *Security Council* juga meluluskan usul tetapi tidak pernah diikuti oleh Israel malah diveto oleh Amerika. Baru-baru ini Mahkamah Dunia telah membuat keputusan *injunction*, menyekat Israel untuk meneruskan pagar keselamatan. *But yet* Israel masih juga tidak menghiraukan apa sahaja keputusan yang dibuat oleh dunia.

Jadi saya tidak salahkan OIC atau NAM, kalau tidak ada keputusan ataupun tindakan konkrit dibuat kerana Bangsa-Bangsa Bersatu juga, seluruh dunia berhimpun untuk membuat keputusan tentang Israel masih lagi Israel tidak menghiraukan keputusan.

Kalau kita lihat di negara Arab Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah menerima Israel tetapi akhirnya berkompromi sekarang mereka sudah menerima negara Israel dan sanggup hidup sebelah menyebelah. Jadi apakah sebenarnya dari segi pandangan Yang Berhormat Menteri Dato' Menteri secara jujurnya. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, suka saya tegaskan setiap pandangan yang saya berikan secara telus, jujur dan tidak pernah cuba menyimpang daripada kebenaran. *[Ketawa]* Tetapi di dalam kita memperjuangkan sesuatu, kita mesti mempunyai ilham dan cita-cita. Kalau perjuangan itu dimatikan semata-mata, ianya gagal pada hari ini, maka tidak akan lahir perjuangan yang luhur. Sebab itu kita perlu terus, walaupun kita fikir sedikit peluangnya, yang sedikit peluangnya itulah perlu kita gunakan dengan sebaik

mungkin. Jadi saya berharap Yang Berhormat tidak usah putus asa. Kita bukan hidup dalam bercinta tetapi kita berhadapan dengan dunia realiti. *[Disorak] [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa sebenarnya, banyak kita berharap dengan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Mahkamah Keadilan Antarabangsa mendengar kes ini pun di tolak oleh Amerika Syarikat, tidak diterima dan dia punya keputusan itu adalah hasil daripada keputusan yang dibuat oleh Usul Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Usul ini dibuat sebagai satu keputusan penghakiman nasihat. *Advisory opinion* yang *Non binding*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu kita telah mengadakan *10th Emergency Special Session Of The United Nations General Assembly On Illegal Israeli Actions In Occupied East Jerusalem And The Rest Of The Occupied Palestinian Territory* untuk memberikan ia pengesahan terhadap keputusan yang dibuat secara nasihat, tetapi malangnya saya bersetuju bahawa kekuatan Israel mengatasi dan saya sentiasa menganggap Israel ini adalah 'anak istimewa'.

Dan anak istimewa ini tidak boleh disentuh oleh Usul-usul

Seorang Ahli: Anak emas.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: anak emaskah anak apa pun, dialah yang terbaik. Jadi saya berharap kita akan teruskan perjuangan kita dan saya ingin mengatakan bahawa pada bulan Mac ini Tuan Yang di-Pertua, tahun depan Malaysia akan mengadakan satu mesyuarat peringkat antarabangsa Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan. Kalau kerajaan sahaja mengambil tindakan mungkin ada kepentingan politik dilihat. Tetapi kita akan mengadakan pada bulan Mac tahun depan NGO, dengan izin akan mengadakan Persidangan Antarabangsa yang akan menjemput ahli-ahli bukan kerajaan daripada Israel sendiri, daripada Palestin, daripada Amerika Syarikat, daripada Eropah, daripada Asia dan tempat-tempat lain. Insya-Allah dengan ini kita berharap suara dan kehendak masyarakat antarabangsa dapat didengar dengan jelas dan nyata.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menyentuh dan apa-apa perkara yang saya tidak saya sentuh, saya ambil catatan untuk kita perbetulkan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan Usul ini, saya suka membuat beberapa pembedulan kepada usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk para dua dengan ini berkenaan dengan 'kematian' itu, berkenaan para pertama kita tukar 'kematian' kepada 'kembali ke Rahmatullah'. Selepas itu dengan menekankan 'kematian' lagi sekali kita tukar 'kembalinya Allahyarham Yasser Arafat'. Selepas itu di atas permintaan Ahli-ahli Parlimen, kita mahu berada di barisan hadapan dengan Parlimen-Parlimen lain di seluruh dunia.

Jadi saya berharap dengan kita membuat penekanan dan saya juga akan melihat kepada permintaan Ahli-ahli Parlimen supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa khusus untuk Palestin. Ini akan kita pertimbangkan bagi kita menentukan bahawa usaha untuk memperjuangkan kepentingan rakyat Palestin akan sentiasa di dalam ingatan dan pandangan kita. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

BAHAWA, Dewan ingin mengambil maklum mengenai isu situasi konflik di Palestin setelah kembalinya ke Rahmatullah Presidennya iaitu Allahyarham Yasser Arafat.

BAHAWA, Dewan ini menekankan kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham dilihat sebagai suatu kerugian besar dalam sejarah Asia Barat. Isu konflik antara Palestin dan Israel telah terlalu lama menjadi sebatian dengan hal ehwal antarabangsa manakala nama Yasser Arafat telah sinonim dengan perjuangan rakyat Palestin.

BAHAWA, Malaysia kini diberi tanggungjawab yang penting selaku Pengerusi Sidang Kemuncak OIC dan NAM untuk terus membantu mencari penyelesaian kepada konflik tersebut bagi mencapai keamanan di Palestin. Oleh itu, Parlimen Malaysia harus berdiri sebaris dengan Parlimen-parlimen masyarakat sedunia yang lain dalam memperjuangkan hak kebebasan rakyat Palestin yang semakin ditindas oleh Israel.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) menggesa semua pihak menyokong hak rakyat Palestin untuk mencapai kedaulatan Negara Palestin yang merdeka dan juga menyokong pemimpin baru mereka yang dilantik selepas 9 Januari 2005;
- (2) mengutuk dan mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan Israel yang terus menindas dan membunuh rakyat Palestin yang tidak berdosa serta merobohkan rumah-rumah kediaman mereka; dan
- (3) mendesak ahli Quartet (iaitu Amerika Syarikat, Rusia, Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) untuk mengambil langkah seterusnya untuk memastikan Pelan Damai dibawa segera ke landasan yang benar dan untuk memastikan Israel dihalang daripada mengeksploitasi situasi di Palestin selepas Allahyarham Yasser Arafat kembali ke Rahmatullah.

**RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN
SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang undang-undang bernama Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2004 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai jabatan kerajaan pada 1 Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Selaras dengan akta itu, PERKESO mentadbirkan dua jenis skim keselamatan sosial, iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Skim-skim ini memberi perlindungan kepada para pekerja yang ditimpa

malang di luar jangkaan seperti bencana pekerjaan termasuk kemalangan semasa perjalanan, keilangan dan kematian.

Objektif Skim Keselamatan Sosial ini adalah untuk menjamin pembayaran faedah kepada pekerja dan orang tanggungannya apabila pekerja berkenaan ditimpa malang. Perkhidmatan rawatan perubatan pemulihan jasmani dan vokasional juga disediakan. Kemudahan pemulihan adalah bertujuan untuk membolehkan pekerja terbencana kembali bertugas secepat mungkin di samping menikmati kesejahteraan sosial. Sejak PERKESO ditubuhkan, faedah-faedah di bawah skim-skim insuransnya telah diperluaskan dan kaedah bayaran faedah telah ditingkatkan secara berkala berlandaskan kajian aktuari bagi menampung peningkatan dalam kos sara hidup orang berinsurans.

Baru-baru ini PERKESO telah mula membiayai rawatan *dialysis* untuk orang-orang berinsurans PERKESO yang mengalami penyakit buah pinggang yang serius, iaitu pada *end-stage renal failure*, dengan izin, di samping menerima mesin-mesin hemodialisis kepada badan-badan amal yang merawat orang berinsurans PERKESO. PERKESO juga telah mewujudkan satu kemudahan pinjaman pendidikan dengan Tabung Pendidikan sebanyak RM60 juga untuk menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan bagi membolehkan anak-anak penerima faedah PERKESO melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu PERKESO juga berusaha sama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, persatuan-persatuan majikan dan kesatuan-kesatuan pekerja dalam membendung kemalangan yang melibatkan golongan pekerja. Ini dilaksanakan dengan membiayai program yang bertujuan meningkatkan kesedaran berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja dan majikan. Program ini telah berjaya mengurangkan kadar kemalangan dari segi jangka panjang di samping membantu meningkatkan produktiviti perusahaan.

Semua ini dilaksanakan selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah masyarakat penyayang. Pada tahun 2003, seramai 247,790 penerima faedah telah menikmati pelbagai manfaat daripada skim-skim insurans PERKESO. Nilainya berjumlah RM754 juta. Dalam tujuh bulan pertama tahun ini, amaun ini meningkat sebanyak 9.5 peratus kepada RM467.8 juta berbanding dengan RM427.4 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan PERKESO dapat terus memainkan peranan yang lebih berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja dan keluarga mereka, kerajaan sentiasa mengkaji peruntukan-peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja dan membuat pindaan dari semasa ke semasa di mana perlu. Akta ini telah dipinda sebanyak tujuh kali, yang mana kali yang terakhirnya dipinda adalah pada tahun 1997.

Selaras dengan perkembangan sosioekonomi negara dalam beberapa tahun kebelakangan ini serta bagi meningkatkan lagi keberkesanan PERKESO dalam meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja dan orang tanggungan mereka, Kementerian Sumber Manusia telah mencadangkan kepada kerajaan supaya beberapa pindaan dibuat kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Pada 8 September 2004, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang dibentangkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Pada umumnya, sebanyak 27 seksyen serta Jadual Pertama, Ketiga, Keempat, Kelapan dan Kesepuluh di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dicadangkan untuk dipinda, manakala 11 seksyen baru dicadangkan diperkenalkan dan sebanyak dua seksyen yang sedia ada dicadang dimansuhkan. Pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk:

- (a) memperbaiki lagi faedah-faedah yang diperuntukkan kepada pekerja yang berinsurans dengan PERKESO;
- (b) memperkemas dan memperkukuhkan penguatkuasaan akta;
- (c) meningkatkan lagi kualiti sistem penyampaian perkhidmatan PERKESO dengan mengadakan peruntukan yang mencerminkan 'praktisme' serta kepekaan kepada kemajuan teknologi;
- (d) meningkatkan siling gaji bulanan dari RM2,000 kepada RM3,000 sebulan bagi tujuan caruman dan pembayaran faedah di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, dan
- (e) memperkenalkan pindaan-pindaan yang membolehkan PERKESO berbelanja secara lebih berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan yang dicadangkan dan pewujudan peruntukan baru adalah bagi memperbaiki lagi struktur faedah-faedah yang

diperuntukkan kepada orang berinsurans demi meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja yang berinsurans dengan PERKESO serta orang tanggungan mereka. Bagi tujuan ini, seksyen 23 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 telah dipinda supaya duta layak untuk mendapat faedah orang tanggungan atau pencen penakan tanpa syarat kebergantungan.

Pada masa ini, untuk mendapat faedah orang tanggungan atau pencen penakan, seseorang duta hendaklah bergantung sepenuhnya atau sebahagian besar sara hidupnya kepada pendapatan orang berinsurans pada masa kematian. Selaras dengan amalan masyarakat Malaysia dalam mana suami-isteri saling gantung-bergantungan dan demi menyokong usaha kerajaan membangunkan masyarakat penyayang, adalah wajar duta diterima sebagai orang tanggungan tanpa apa-apa syarat kebergantungan.

Selain dari itu seksyen 17(3A) yang baru membolehkan orang berinsurans yang telah lama mengalami keilatan tetapi beliau lewat mengemukakan notis keilatan kepada PERKESO, layak juga untuk menerima faedah Pencen Ilat. Pindaan ini jelas menunjukkan bahawa PERKESO bertindak adil kepada orang berinsurans yang tidak tahu tentang peruntukan undang-undang hingga menyebabkan beliau secara tidak sengaja mengemukakan notis keilatan tersebut lewat.

Seksyen baru 17(3B) juga turut diperkenalkan untuk mengambil kira "*Period of Record*", dengan izin bagi tujuan syarat kelayakan caruman untuk pencen ilat. Pada masa ini bulan-bulan di mana caruman tidak dibayar kerana pekerja itu menerima faedah hilang upaya sementara akibat bencana kerja dan majikan tidak bayar gaji tidak diambil kira bagi tujuan syarat kelayakan caruman untuk pencen ilat. Pindaan ini mencadangkan supaya bulan-bulan sedemikian diambil kira bagi tujuan syarat kelayakan caruman untuk pencen ilat.

Bagi mencapai hasrat untuk memperbaiki lagi struktur faedah-faedah yang diperuntukkan kepada orang berinsurans, seksyen 20A yang sedia ada telah dipinda supaya bayaran faedah orang tanggungan atau pencen penakat kepada balu atau duda dibayar seumur hidup.

Pada masa ini bayaran faedah orang tanggungan atau pencen penakat diberi kepada balu seumur hayat atau sehingga berkahwin lagi dan kepada duda selagi dia tidak berkahwin dan selagi dia tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk menanggung dirinya. Pindaan ini mencadangkan supaya bayaran faedah sedemikian

kepada balu atau duda adalah seumur hidup. Bagaimanapun jika balu atau duda layak mendapat kedua-dua faedah itu atau lebih daripada satu faedah itu, balu atau duda itu hanya akan dibayar satu faedah atas kaedah yang tertinggi.

Seksyen 34 yang sedia ada juga telah dipinda bagi mengurangkan tempoh untuk mengulang kaji tafsiran mengenai takat hilang upaya kekal akibat bencana kerja. Pada masa ini tempoh untuk mengulang kaji tafsiran mengenai takat hilang upaya kekal akibat bencana kerja sama ada bertambah buruk atau sebaliknya adalah lima tahun. Pindaan ini mencadangkan supaya tempoh itu dikurangkan kepada tiga tahun, yang mana tempoh ini adalah lebih munasabah.

Pada masa ini PERKESO juga menanggung pencen ilat orang berinsurans jika dan selagi orang berinsurans itu mengambil bahagian dalam apa-apa pekerjaan dan kerananya dia perlu diinsuranskan di bawah akta. Pindaan telah dicadangkan kepada seksyen 49 sedia ada supaya penanggungan sedemikian hanya dibuat jika orang berinsurans itu mendapat lebih dari satu pertiga daripada gaji puratanya sebelum keilangan berlaku. Ini akan menggalakkan orang berinsurans demikian bekerja semula dan berdikari di samping menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Melalui pindaan kepada seksyen 83(6) Menteri Sumber Manusia boleh mencalonkan beberapa orang ahli silih ganti Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial mewakili pekerja dan majikan bagi tujuan Persidangan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial. Penambahan pelantikan ini bertujuan untuk memastikan Persidangan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial tidak tertangguh sekiranya seseorang pengadil tidak dapat hadir.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dipatuhi, beberapa peruntukan baru dan pindaan kepada peruntukan-peruntukan sedia ada dicadangkan bagi mengemaskinikan dan memperkukuhkan lagi proses penguatkuasaan Akta Keselamatan Sosial. Peruntukan-peruntukan baru bertujuan memperluaskan kuasa ketua pengarah dan pegawai-pegawai pemeriksa PERKESO untuk melakukan siasatan secara lebih berkesan di bawah akta demi memastikan kepentingan orang berinsurans PERKESO lebih terjamin.

Seksyen 12A yang baru diperkenalkan untuk memperuntukkan kuasa kepada pegawai pemeriksa untuk memeriksa premis majikan jika peraturan-peraturan akta ini tidak dipatuhi dan memanggil sesiapa bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan ketidakpatuhan kepada akta ini.

Seksyen 12(3) yang baru pula memberi kuasa kepada pegawai pemeriksa untuk menyoal siasat sesiapa sahaja dan mengambil pernyataan secara bertulis darinya bagi mendapatkan maklumat berkaitan majikan yang melanggar peruntukan akta.

Seterusnya pindaan kepada seksyen 13 yang sedia ada membolehkan pihak PERKESO membuat perkiraan caruman yang perlu dibayar oleh majikan jika majikan tidak mempunyai rekod atau daftar yang perlu disediakan di bawah akta ini dan perkiraan tersebut adalah bukti jumlah caruman yang perlu dibayar oleh majikan kepada PERKESO.

Seksyen 30(a) yang mencadangkan akan memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah PERKESO untuk meminta maklumat daripada majikan dengan waran jika dipercayai di mana premis tersebut terdapat bahan bukti berkaitan kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini dan pihak yang menghalang pegawai pemeriksa daripada melaksanakan tugasnya boleh dihukum penjara sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya.

Bagi memastikan para pencarum membayar caruman dalam tempoh masa yang ditetapkan seksyen 14A yang baru memberi kuasa PERKESO untuk mengutip dan mendapatkan faedah ke atas caruman yang lewat dibayar.

Seksyen 94A pula telah dipinda bagi membolehkan majikan yang gagal untuk menjelaskan pembayaran faedah caruman lewat bayar dalam tempoh tiga puluh hari atau gagal untuk melaporkan kemalangan akibat pekerjaan dengan menggunakan Borang 21 ditafsir telah melakukan satu kesalahan dan pihak berkenaan boleh di penjara sehingga dua tahun atau didenda sehingga RM10,000 atau kedua-duanya jika disabit kesalahan.

Seterusnya seksyen 94A(2) dan (3) yang sedia ada juga dipinda dengan memberi kuasa kepada majistret untuk meluluskan pembayaran caruman tertunggak sehingga sebanyak enam *installment*, sahaja dengan izin. Jumlah *installment* singkat yang diluluskan oleh majistret kepada majikan untuk membayar tunggakan caruman akan membolehkan PERKESO mengemaskinikan rekod rayuan majikan dengan lebih berkesan dan memastikan kepentingan orang berinsurans akan lebih terjamin. Majistret juga diberi kuasa untuk mengarahkan majikan mengemukakan Borang 21 untuk melaporkan kemalangan kepada PERKESO.

Selain dari itu, di bawah pindaan kepada seksyen 95 dan selaras dengan peruntukan prosedur kanun jenayah yang telah dipinda pendakwaan di bawah akta hanya boleh dibuat setelah mendapat izin daripada pendakwa raya. Pindaan ini dibuat berdasarkan nasihat dan arahan daripada Jabatan Peguam Negara.

Seksyen 95A diperkenalkan bagi membenarkan Ketua Pengarah PERKESO mengkompaun kesalahan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Peruntukan kompaun ini diperkenalkan untuk membolehkan kes-kes kegagalan majikan membayar caruman diselesaikan dengan segera. Pada masa ini tempoh menunggu untuk mendapatkan perbicaraan di mahkamah bagi menyelesaikan satu kes pendakwaan mengambil masa yang panjang.

Bagi memastikan majikan lebih bertanggungjawab terhadap *liability*nya kepada PERKESO, satu seksyen baru iaitu seksyen 108(a) telah diperkenalkan di mana pengarah-pengarah syarikat mempunyai tanggungjawab bersama dan boleh didakwa jika syarikat mereka gagal untuk membayar caruman dan faedah yang dikenakan atas kelewatan membayar caruman kepada PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, melalui peningkatan siling gaji bulanan pekerja dari RM2,000 kepada RM3,000, kutipan PERKESO ke atas pekerja di bawah akta dapat diperluaskan lagi di samping meningkatkan kadar faedah tunai sehingga 50% lebih tinggi untuk pekerja yang ditimpa malang atau orang tanggungan mereka.

Dengan mengambil kira faktor inflasi dan kesannya ke atas susutan nilai benar gaji dan faedah tunai yang diperolehi oleh orang berinsurans PERKESO sejak tahun 1992, peningkatan siling gaji pekerja daripada RM2,000 kepada RM3,000 akan membolehkan mereka memperolehi perlindungan yang lebih baik dari segi faedah tunai benar (*real cash benefits*) dengan izin.

Ini disebabkan jumlah faedah tunai yang dibayar oleh PERKESO kepada orang penginsuran yang layak adalah berlandaskan kepada tahap gaji bulanan pada nisbah yang tepat tertakluk kepada siling gaji bulanan kini akan dipertingkatkan dari RM2,000 kepada RM3,000. Dengan peningkatan siling gaji ini, seseorang pekerja yang bergaji lebih RM2,000 sebulan akan dibayar jumlah faedah tunai yang lebih tinggi apabila beliau ditimpa malang. Ini adalah kerana jumlah caruman dibayar untuk melindungi beliau di bawah skim-skim PERKESO turut akan dipertingkatkan.

Meningkatkan siling gaji bulanan pekerja ini juga akan memberi perbagai implikasi kewangan seperti berikut:

- (a) Implikasi atas bayaran faedah tunai dan caruman maksimum pekerja. Peningkatan gaji siling bulanan ini akan membolehkan tambahan kira-kira 60,000 pekerja yang bergaji di antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja Tahun 1969. Ia juga memperluaskan skim perlindungan yang merangkumi pekerja-pekerja bergaji melebihi RM2,000 sehingga RM3,000 yang mana akan memberi manfaat kepada majikan iaitu yang mungkin berbangkit daripada tuntutan sivil daripada pekerja-pekerja terhadap majikan kerana kegagalan majikan untuk melindungi mereka di bawah apa-apa skim insurans. Peningkatan siling gaji bulanan ini akan membolehkan kira-kira 700,000 pekerja yang sudah pun dilindungi di bawah PERKESO tetapi gaji mereka telah meningkat lebih daripada RM2,000 untuk memperoleh peningkatan faedah tunai sehingga RM930 sebulan untuk faedah hilang upaya kekal iaitu daripada RM1,813.50 sen kepada RM2,743.50 sen sebulan. Bagi menikmati peningkatan faedah ini, pekerja-pekerja hanya perlu menambah bayaran caruman sebanyak RM5 sebulan sahaja daripada amaun caruman kini iaitu RM9.75 sen kepada RM14.75 sen.
- (b) Implikasi ke atas tahap caruman maksimum majikan. Bagi majikan, caruman maksimum berikutan peningkatan siling gaji bulanan ini adalah RM51.65 sen seorang pekerja iaitu peningkatan sebanyak RM17.50 sen sebulan. Caruman maksimum daripada majikan untuk seorang pekerjanya sekarang adalah RM34.15 sebulan. Adalah dianggarkan tambahan caruman purata dari setiap majikan di kalangan 300 hingga 9,400 majikan yang aktif mencarum kepada PERKESO adalah hanya RM250 setahun atau kira-kira RM21.00 sebulan setiap majikan. Memandangkan kepada puratanya, seorang majikan menggaji lima belas orang pekerja pada masa ini, tambahan caruman daripada majikan adalah hanya RM1.40

sen untuk seorang pekerja sebulan. Setelah diambil kira cukai korporat sebanyak 28%, tambahan caruman setiap majikan selepas cukai adalah hanya pada purata RM15 sebulan atau purata RM1 sebulan untuk seorang pekerja apabila peningkatan siling gaji daripada RM2,000 kepada RM3,000 yang dicadangkan dikuatkuasakan. Tambahan caruman ini akan hanya menyebabkan peningkatan kos buruh atau, dengan izin, *labour costs* pada persekitaran 0.1% sahaja bagi setiap majikan setahun. Tambahan kos buruh atau *labour costs* yang amat kecil ini dijangka tidak akan menjejaskan daya saing negara. Sebagai contoh, *labour costs* bagi setiap RM1 hari jualan barangan di sektor perkilangan adalah kurang daripada 0.06 sen. Di samping itu dalam tempoh 1993 hingga 2003 kos buruh seunit keluaran barangan di sektor perkilangan telah berkurangan lebih 8%.

- (c) Implikasi terhadap kutipan caruman PERKESO. Pindaan had gaji maksimum bagi menyertai skim PERKESO daripada RM2,000 kepada RM3,000 sebulan dijangka akan menambahkan kutipan caruman PERKESO pada persekitaran RM100 juta setahun. Jumlah ini dijangka lebih daripada mencukupi untuk membiayai peningkatan bayaran faedah tunai berikutan peningkatan siling gaji bulanan ini. Justeru itu, dana PERKESO dijangka akan terus kukuh bagi menyambung usahanya bagi menjaga kesejahteraan sosial pekerja-pekerja yang ditambah bencana kerja dan orang tanggungan selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya serta mencerminkan komitmen PERKESO dan kepekaan kepada kehendak-kehendak pelanggan, pindaan-pindaan seperti berikut dijalankan:

- (a) Seksyen 10 yang merupakan satu peruntukan baru bagi membolehkan pihak majikan menyimpan maklumat berkaitan

dengan caruman dan faedah yang dibayar kepada pekerja dalam apa-apa bentuk yang dibenarkan oleh PERKESO selain dari buku daftar.

- (b) Bagi memastikan kutipan semula pinjaman pendidikan yang telah diberi kepada anak-anak orang berinsurans dapat dilaksanakan dengan cepat dan segera, seksyen 57(c) yang baru telah dicadangkan untuk membolehkan PERKESO melantik ejen bagi mendapatkan kembali pinjaman pendidikan tersebut.
- (c) Seksyen 103(a) yang baru memberi kuasa kepada Ketua Pengarah PERKESO untuk memusnahkan dokumen-dokumen yang isi kandungannya telah dipindah ke dalam komputer dengan syarat imbasan ini telah dibuat tahun sebelumnya dimusnahkan. Pindaan ini bertujuan untuk menjimatkan kos penyimpanan dokumen-dokumen PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan-cadangan yang utama di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Pindaan-pindaan lain yang saya tidak nyatakan adalah kebanyakannya merupakan pindaan yang berbangkit atau, dengan izin, *consequential amendments*. Saya yakin dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan, PERKESO akan dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan demi menjaga kesejahteraan sosial pekerja dan keluarga mereka jika pekerja berkenaan ditimpa malang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sokongan? Minta mana-mana Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen bangun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman] Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, dibacakan kali yang kedua sekarang yang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Larut.

4.19 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang diPertua. Saya ingin menarik perhatian kementerian berhubung dengan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pindaan 2004 atau PERKESO yang mana sekarang ini amat menjadi pertikaian terutama di kalangan pekerja-pekerja, Jelas dan nyata bahawa PERKESO diwujudkan adalah untuk kesejahteraan, keselamatan dan kesihatan pekerja supaya sentiasa terbela. Namun melihat kepada tuntutan yang dibuat oleh pencarum, banyak yang tidak dapat diselesaikan.

Saya rasa amat sedih dan dukacita kerana tanpa pembelaan yang sempurna sudah tentu pekerja atau keluarganya yang ditimpa kemalangan akan teraniaya. Saya difahamkan jumlah pekerja di negara kita ini hampir 10 juta orang, akan tetapi kenapa yang mencarum dengan PERKESO hanya sekitar 4.4 juta orang sahaja, di mana silapnya? Apakah tidak ada strategi kempen yang komprehensif dari pihak PERKESO itu sendiri, jika ada sila sebutkan, jika tiada sila nyatakan.

Selain daripada itu saya juga ingin tahu siapakah dan apakah kriteria perlantikan Pengerusi dan Ketua Eksekutif PERKESO, begitu juga dengan Jawatankuasa Pelaburan PERKESO, ini penting kerana PERKESO mempunyai wang caruman yang saya diberitahu sebanyak RM11 bilion.

Apakah Yang Berhormat Menteri mempunyai kata pemutus terhadap sesuatu cadangan pelaburan berkenaan atau Jawatankuasa Pelaburan berkenaan mempunyai kuasa penuh. Selain daripada itu PERKESO yang telah ditubuhkan di negara kita ini perlulah juga kalau boleh melihat suasana keadaan kemajuan di negara-negara yang lain. Saya difahamkan PERKESO di negara lain mempunyai pusat pemulihan kemalangan kalau tidak untuk pekerja, kalau tidak silap saya pusat-pusat seumpama itu wujud di Jepun dan di Hong Kong dan mungkin jika Yang Berhormat Menteri prihatin, murah hati, saya cadangkan bawalah Ahli-ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini termasuk daripada Pembangkang kalau mereka tidak merasa malu.

Saya juga ingin menyentuh sedikit, kalau boleh berhubung dengan pembiayaan kepada pesakit hemodialysis ataupun buah pinggang yang begitu meningkat sejak akhir-akhir ini, saya percaya bukan sahaja di kawasan bandar bahkan juga di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu apakah sumbangan yang boleh diberikan di

bawah Skim PERKESO ini memandangkan pusat-pusat rawatan kerajaan tidak mencukupi, kalau ada pun di pusat-pusat swasta mereka mengambil kesempatan macam lintah darat.

Oleh itu saya meminta pihak kementerian, pihak Yang Berhormat Menteri agar melihat masalah pekerja ini yang merupakan sebilangan besar tenaga yang menyumbang ke arah pembangunan negara kita akan terus terbela dari masa ke masa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Bentong.

4.25 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perbahasan suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri dan Kementerian Sumber Manusia kerana bersungguh-sungguh untuk menjaga kesejahteraan pekerja dan kali ini telah dapat membawa suatu akta yang cukup baik, suatu akta yang dapat memperbaiki dan meningkatkan lagi faedah-faedah kepada pekerja yang berinsurans dengan PERKESO.

Kita memang sering kedengaran bahawa PERKESO ini dari segi khidmatnya perlu dipertingkatkan, dari segi masa bayaran, dari segi *counter service*, dari segi bermacam-macam lagi. Saya minta kementerian dapat memberi bantuan dan juga kerjasama untuk meningkatkan lagi *counter service* yang ada di PERKESO, kerana kita rata-rata mengetahui bahawa pekerja yang berinsurans dengan PERKESO ini adalah pekerja buruh, pekerja yang mendapat gaji yang rendah dan ada juga yang di ladang-ladang, ada yang di kilang-kilang dan apabila mereka ditimpa kemalangan kadang-kadang majikan juga tidak mengambil tindakan yang segera, mereka kena merayu kepada pihak Jabatan PERKESO, meminta bantuan dan kalaulah ada bolehlah wujudkan satu *taskforce* di setiap pejabat PERKESO untuk membantu pekerja-pekerja berkemalangan ini melihat dari segi kebajikannya, melihat dari segi bagaimana hendak mempercepatkan lagi bayaran PERKESO ini. Ini semua dapatlah meningkatkan kesejahteraan penerima-penerima, pencarum-pencarum PERKESO ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa negara kita sedang membangun dan semakin maju, kita memerlukan satu *safety net* yang lebih berkesan dan pada tahun 1997 apabila negara kita menghadapi ekonomi merosot, ramai pekerja hilang kerja, ramai pekerja kita menganggur dan masa itu apa PERKESO yang boleh bantu. Kita tidak mahu lagi berlaku apabila sekarang ekonomi kita baik, kita tidak melihat masalahnya. Tetapi apabila ekonomi kita turun nanti, ramai rakyat kita hilang kerja apakah *safety net* yang ada dalam kita.

Kebanyakan pekerja yang ada kita sekarang bergantung kepada PERKESO untuk mendapatkan apa-apa bantuan sekiranya hilang kerja ataupun kerana kemalangan tidak boleh kerja. Oleh itu saya mintalah kementerian ataupun PERKESO dapat melihat bagaimana kita boleh majukan lagi PERKESO kita ini bukan sahaja menjaga orang yang kemalangan ataupun beri pencen ilat, pencen penakat, apakah faedah yang kita boleh beri dari segi orang yang hilang kerja. Boleh atau tidak kita melihat dari segi ini, walaupun negara kita bukan sebuah negara yang memberi *welfare state* kita bukan *welfare state*.

Tetapi saya dia rasa kita boleh buat, saya mempunyai keyakinan yang begitu besar terhadap PERKESO dan saya yakin PERKESO juga berkemampuan untuk memastikan pencarum-pencarum PERKESO mendapat manfaat yang lebih, bukan sahaja apabila kita sudah menjadi pencarum PERKESO, apabila kita menghadapi kemalangan sahaja kita mendapat bantuan. Kalau kita hilang kerja maka tidak adalah apa-apa kita dapat. Kita boleh kaji balik, apa yang boleh kita pastikan bahawa PERKESO boleh lihat dari segi bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berhubung dengan pemeriksaan dan siasatan terhadap mana-mana syarikat, majikan yang tidak membuat caruman ataupun pencarum telah pun merayu kepada PERKESO, tetapi saya dapati masih ada lagi kes-kes di mana majikan tidak membuat bayaran kepada PERKESO dan pekerjaanya menghadapi kemalangan, selepas itu apabila pencarum merayu untuk mendapatkan bantuan, pihak PERKESO mengambil masa yang terlalu lama untuk memeriksa kes-kes, membuat siasatan terhadap kes ini sehinggakan pekerja itu terpaksa menunggu sehingga tiga, empat tahun dan tidak dapat diselesaikan. Tidakkah PERKESO boleh selepas siasatan dapat pastikan bahawa pekerja itu adalah pekerja majikan tersebut dan terus membuat pemprosesan tanpa menunggu majikan untuk membayar balik semua caruman-caruman tersebut.

Pada masa sekarang, pihak PERKESO berkata, kena tunggu majikan bayar kepada PERKESO, baru dibuat proses permohonan pencarum tersebut. Saya rasa ini semua adalah kerenah birokrasi di mana kita boleh kurangkan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan meningkatnya siling gaji bulanan daripada RM2,000 sebulan kepada RM3,000 sebulan, saya rasa memang kita tepat pada masanya untuk kita melebarkan lagi, meluaskan lagi kutipan ini dan apabila kutipan kita meningkat, itu bermakna bahawa kita mempunyai dana yang lebih besar dalam PERKESO. Kita mempunyai dana yang lebih besar, kita juga boleh mendapat pulangan yang lebih besar.

Menurut Laporan Tahunan PERKESO, memang kita mempunyai banyak pelaburan dalam sekuriti. Kita mempunyai pulangan yang agak lebih kurang 40% daripada sekuriti untuk menokok tambah dana kita. Oleh itu saya yakin dengan adanya dana yang lebih besar ini, PERKESO mempunyai dana yang cukup besar untuk memberi faedah yang lebih banyak kepada pencarum-pencarum. Oleh itu saya minta kementerian untuk mengkaji, menubuhkan pusat pemulihan (*rehabilitation center*) untuk pekerja-pekerja. Janganlah tubuhkan sahaja di Kuala Lumpur, kita mintalah di Bentong juga dapat ditubuhkan satu, di kawasan luar-luar bandar kita dapat tubuhkan ini untuk membolehkan pekerja yang menghadapi kemalangan boleh kita mempercepatkan *rehabilitation*nya dan dapat bekerja.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya juga berterima kasih kepada menteri kerana kali ini, pindaan yang dibuat, pencen ilat yang menerima 1/3 daripada gajinya sebelum keilatan berlaku, tidak akan digantungkan pencen ilat tersebut. Saya minta kalau boleh kita kaji balik kerana kalau boleh kita menggalakkan orang yang sudah menerima pencen ilat ini, apabila telah melalui kemudahan pemulihan ataupun *rehabilitation center* yang ditubuhkan oleh PERKESO, mereka boleh bekerja balik, gaji mereka tidaklah akan setinggi yang dahulu, kalau boleh janganlah tarik balik pencen ilat ini. Saya rasa memang mereka telah melalui kepedihan hidup, masalah yang begitu teruk sekali dalam hidup mereka, menghadapi kemalangan ini dan sekiranya mereka dapat pulih, memang tidak akan pulih 100%, kalau boleh pulih 100% memang kita boleh tarik balik pencen ilat mereka. Tetapi kita ketahui apa-apa kemalangan yang berlaku, sekiranya pemulihan ini tidak ada 100%, maka saya rasa pencen ilat ini boleh diteruskan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tempoh bayaran pencarum-pencarum ini. Sekarang memang kita sudah buat pindaan, kita perlu bayar 36 bulan, baru kita boleh mendapat pencen ilat ataupun “pencen penakat”. Sekarang kita buat pindaan, kita bolehkan yang majikan tidak bayar bulan itu, kita kira juga tempoh bulan tersebut. Kita minta, macam kita membeli insurans di luar. Kita beli insurans hari ini, besok kita menghadapi kemalangan ataupun meninggal, kita akan terus mendapat faedahnya. Tidak bolehkah PERKESO kaji balik? Kalau kita sudah menjadi pencarum, kalaulah dikatakan 20 bulan kita mencarum, menghadapi kemalangan, kita tidak dapat pencen ilat, tidak dapat pencen yang sepatutnya diberikan. Kita minta kaji balik sama ada kita boleh mendapatkan ataupun menjaga pencarum-pencarum ini dengan lebih baik lagi. Saya yakin melalui pindaan kali ini kita dapat membantu lebih ramai pencarum, pekerja-pekerja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan PERKESO. Tadi saya telah cadangkan supaya mengadakan kaunter yang lebih berkesan, juga menubuhkan *task force*. Saya juga berharap dari segi perkhidmatan, katakan kita memberi biasiswa, kita memberi alat-alat sekolah, kita boleh tambah lagi bilangan ini dan kita memberi mesin hemodialisis. Saya rasa kalau boleh, mesin hemodialisis ini amat baik kerana kita sangat kekurangannya di hospital-hospital kerajaan, boleh atau tidak PERKESO bertimbang rasa? Kalau boleh, kita juga memberi sumbangan kepada hospital-hospital daerah yang kekurangan mesin hemodialisis untuk kita membantu rakyat keseluruhannya.

Saya rasa ini satu kebaikan kepada PERKESO dan kita yakin melalui pindaan kali ini, kita dapat terus meningkatkan perkhidmatan PERKESO. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

4.36 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang bernama suatu akta bagi meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri cadangkan satu akta pindaan, kita dapati bahawa perkara-perkara yang ingin dipinda adalah untuk memberi satu perkhidmatan yang terbaik kepada pekerja di negara kita yang mencarum di dalam PERKESO. Saya pasti, akta ini adalah suatu yang membolehkan rakyat ataupun pekerja dapat menikmati faedah daripada caruman secara sepenuhnya apabila berlaku kemalangan ataupun keilatan kekal.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempercekapkan lagi perkhidmatan PERKESO, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya memperbanyakkan lagi cawangan PERKESO iaitu mungkin ke setiap daerah di negara kita ini yang mana kita nampak banyak lagi peluang-peluang ataupun perkhidmatan yang akan diberikan oleh PERKESO contohnya pinjaman pelajaran kepada anak-anak pencarum iaitu berjumlah lebih kurang RM60 juta dana yang telah dicadangkan. Dengan bertambahnya cawangan-cawangan PERKESO di setiap daerah ini, sudah pasti akan memberi peluang pekerjaan terutamanya kepada siswazah-siswazah kita yang banyak menganggur dan ini sudah pasti akan memberi satu pendapatan kepada mereka yang baru lepas belajar ataupun baru mendapat ijazah daripada universiti di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga ingin mencadangkan supaya PERKESO lebih menitikberatkan lagi kepada servis iaitu perkhidmatan kepada pencarum termasuklah dari segi mempercepatkan proses tuntutan yang dibuat oleh pencarum apabila berlaku kemalangan ataupun keilatan. Ini mungkin akan lebih memberi keselesaan ataupun memberi satu daya tarikan kepada mereka yang tidak mencarum di dalam PERKESO untuk mencarum di dalam PERKESO kerana sekiranya perkhidmatan ini dipertingkatkan, sudah pasti pekerja-pekerja, majikan-majikan yakin dengan PERKESO, dengan itu jumlah pekerja yang seramai 10 juta orang di negara kita ini mungkin akan mencarum di dalam PERKESO.

Saya juga ingin tahu daripada Menteri, apakah program ataupun rancangan untuk memastikan supaya pekerja di negara kita ini mencarum di dalam PERKESO. Dan saya menyokong penuh dengan siling gaji yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri daripada RM2,000 kepada RM3,000. Ini sudah pasti akan mempertingkatkan lagi jumlah caruman kepada PERKESO dan juga pendapatan pencarum. Saya ingin menyarankan dengan peningkatan pencarum di dalam PERKESO ini, sudah pasti PERKESO kena melihat ke arah memperbesarkan lagi unit-

unitnya, menambahkan lagi cawangan-cawangannya supaya pencharum-pencharum ini akan dapat akses secara telus dan dekat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan susunan ataupun Lembaga Pengarah yang menganggotai Jabatan PERKESO ini dan saya dapati daripada Laporan Tahunan 2003 ini, kebanyakan daripada Lembaga Pengarah di dalam PERKSSO ini majoritinya bukan bumiputera dan saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri melihat semula ahli Lembaga Pengarah yang menganggotai PERKESO ini supaya lebih ramai bumiputera ataupun orang Melayu dapat menduduki kerusi Lembaga Pengarah ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin mencadangkan supaya PERKESO dengan jumlah dana yang begitu besar, sebanyak RM11.4 bilion, ini membolehkan supaya satu keputusan dibuat supaya bayaran dividen kepada pencharum dapat diluluskan sebagaimana yang dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan lain-lain. Selain daripada itu saya menyokong penuh cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Larut supaya diadakan satu pusat pemulihan bagi pencharum yang mengalami kemalangan ataupun keilatan kekal.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya dengan dana yang besar ini PERKESO dapat mewujudkan hospitalnya sendiri di setiap negeri, dengan itu sudah pasti akan memberi dan memudahkan pencharum yang mengalami kemalangan dapat dirawat di hospital yang diuruskan oleh PERKESO sendiri. Dengan wujudnya hospital ini sudah pasti rakyat yang tidak mencharum dengan PERKESO juga dapat memperoleh manfaat ataupun mendapat perkhidmatan daripada PERKESO dengan mungkin memberi bayaran yang minimum kepada yang bukan pencharum.

Saya pasti hospital di negara kita ini masih tidak mencukupi dan jika sekiranya penglibatan PERKESO dengan menubuhkan hospital di setiap negeri sudah pasti akan mengurangkan lagi bebanan kerajaan yang mana rakyat hanya bergantung kepada hospital kerajaan, terutamanya di luar bandar.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

4.45 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja. Saya ingin menyatakan bahawa DAP menyokong segala usaha ke arah membangunkan Malaysia sebagai masyarakat penyayang. Kita berharap PERKESO dapat memainkan peranan untuk memastikan keselamatan sosial kepada semua rakyat Malaysia yang bekerja secara bergaji serta orang tanggungan mereka terpelihara, selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja.

Saya berharap PERKESO dapat mencapai matlamat korporatnya iaitu untuk memberi perlindungan keselamatan sosial yang menyeluruh untuk rakyat Malaysia. Oleh itu saya menyambut baik pindaan kepada Jadual Pertama untuk menaikkan had kelayakan seorang pekerja yang memperoleh RM2,000 sebulan kepada RM3,000 supaya lebih ramai pekerja akan dapat menikmati faedah di bawah Akta ini. Dengan pindaan ini, seperti mana diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, kita akan nampak seramai 700,000 pekerja akan dapat menikmati faedah.

Ini satu langkah yang baik untuk memberi perlindungan kepada bilangan pekerja yang ramai sekali. Akan tetapi saya berharap bahawa tambahan bilangan pekerja yang menjadi pencarum PERKESO ini akan menjadi pencarum yang aktif, yang akan dapat menerima faedah apabila diperlukan. Saya mendapati bahawa jumlah majikan dan pekerja yang aktif mencarum di bawah skim-skim insurans PERKESO terus meningkat, akan tetapi saya juga mendapati bahawa dari jumlah 507,000 majikan yang berdaftar setakat tahun 2003, hanya lebih kurang 309,000 majikan yang boleh ditakrifkan sebagai majikan yang aktif. Takrif 'aktif' pun begitu longgar sekali, iaitu 'aktif' bermakna terdapat satu atau lebih caruman dalam tahun berkenaan.

Saya juga ingin kementerian menjelaskan mengapa pekerja yang aktif cuma sekadar 4.4 juta sahaja, walaupun pekerja yang berdaftar berjumlah 9.9 juta iaitu pekerja yang aktif cuma dalam lingkungan 45% sahaja. Saya rasa Yang Berhormat bagi Larut juga membangkitkan perkara ini tadi. Ini satu angka penglibatan yang amat tidak memuaskan, Tuan Yang di-Pertua, kerana ia bermaksud bahawa lebih daripada 50% pekerja yang berdaftar tidak aktif dan satu jumlah pekerja seramai 5.5 juta tidak terlindung dan tidak akan dapat menerima faedah apabila berlaku kemalangan pekerjaan ataupun kemalangan semasa dalam perjalanan. Bolehkah PERKESO dan Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengapa masalah ini berlaku? Adakah

PERKESO telah gagal memantau keadaan ini sehingga lebih 5 juta ahli tidak aktif? Saya rasa selagi masalah ini wujud, PERKESO tidak boleh kata ia puas hati dengan prestasinya untuk memberi perlindungan kepada golongan pekerja negara ini.

Statistik ini mungkin memberitahu kita bahawa masih wujud begitu banyak kelemahan yang perlu diatasi dengan segera. Bilangan majikan yang tidak aktif, yang hampir 200,000 itu ataupun 40% dari jumlah yang berdaftar juga amat membimbangkan para pekerja. Ini bermakna ada begitu banyak majikan yang tidak menunaikan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang yang akan menyebabkan para pekerja hilang kelayakan untuk mendapat faedah.

Kita ingin tahu apakah PERKESO akan buat tentang kewujudan masalah ini kerana selagi masalah ini tidak dapat diatasi golongan pekerja tidak akan rasa selamat semasa mereka menyumbang tenaga kepada perkembangan ekonomi negara kita. Sehubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik kemasukan Seksyen 12(a), (b) dan (c) yang baru untuk memberikan kuasa pemeriksaan, membuat siasatan dan memeriksa seseorang dan juga menjadikannya satu kesalahan jika seseorang itu menghalang seseorang pemeriksa menjalankan kuasa sedemikian.

Saya berharap kuasa-kuasa baru yang diberikan kepada PERKESO ini untuk membuat siasatan dapat digunakan untuk mengatasi masalah yang wujud begitu banyak di mana majikan dan pekerja berdaftar yang tidak aktif.

Mengenai Fasal 2 untuk meminda subseksyen 2 (3) Tuan Yang di-Pertua, untuk memasukkan duda dalam tarif orang tanggungan. Saya puji PERKESO dan kementerian kerana memansuhkan peruntukan yang memihak sesuatu jantina ataupun *gender bias*. Ini adalah sejajar dengan semangat Perlembagaan Persekutuan yang memastikan rakyat jelata tidak akan didiskriminasikan atas faktor *gender* atau kejantinaan. Ini satu contoh yang amat baik dan harus diikuti oleh lain-lain kementerian dan agensi dan juga sektor swasta yang dapat menghayati semangat sebenar pindaan Perlembagaan yang kita buat tiga tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kita pulang kepada kuasa siasatan dan pemeriksa yang akan diberikan kepada PERKESO. Sehubungan itu saya ingin tahu dari kementerian satu kes yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada 13 hari bulan Julai iaitu berkenaan dengan sebuah syarikat antarabangsa Courts Mammoth Berhad. Saya ingin tahu apakah perkembangan terbaru mengenai kes ini di mana dalam jawapan 13 Julai 2004, kementerian memaklumkan bahawa PERKESO akan

menyemak rekod gaji pekerja-pekerja syarikat ini bagi memastikan majikan ini menjelaskan caruman mereka. Timbalan Menteri pada masa itu ada menjawab soalan saya bahawa tindakan pendakwaan akan diambil terhadap Courts Mammoth Berhad jika gagal menjelaskan caruman-caruman pekerja bailif mereka.

Saya masih dan ingin melihat perlindungan PERKESO dapat diperluaskan untuk memberi manfaat dan faedah kepada golongan pekerja yang memberi sumbangan yang begitu besar kepada pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal kementerian mengapa akta ini tidak dapat dipindahkan untuk memberi perlindungan kepada golongan pekerja *self-employed* seperti nelayan, petani, pekerja-pekerja dalam sektor ekonomi yang *informal* seperti pembantu gerai, pengusaha perniagaan kecil dan sebagainya. Saya nampak sektor pekerjaan *informal* amat memerlukan perlindungan PERKESO dan kita juga tahu kemalangan perindustrian dan kemalangan perjalanan banyak berlaku dalam sektor ekonomi *informal* ini. Bilakah kementerian akan mencadangkan bahawa golongan pekerja *informal* ini juga dapat perlindungan PERKESO?

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan tuntutan saya untuk melihat kesemua pekerja dalam negara ini mendapat perlindungan, saya ingin menyeru kepada kementerian untuk menimbang cadangan saya supaya kelayakan menjadi ahli PERKESO terbuka kepada setiap pekerja dan tidak perlu ada had pendapatan kerana had pendapatan tidak harus menjadi halangan memandangkan setiap pekerja, tidak kira kedudukan sosial ekonomi mereka, patut menerima perlindungan yang sama. Pihak majikan mungkin merasa langkah ini akan menambah kos untuk menjalankan perniagaan di Malaysia dan Yang Berhormat Menteri telah memberi hujah-hujah untuk meyakinkan majikan bahawa kos yang terlibat amat kecil sekali dan saya rasa begitu juga.

Kalau tidak menambah kos kepada perniagaan, saya berharap majikan akan dapat setuju dengan cadangan untuk melibatkan lebih ramai pekerja walaupun pendapatan ataupun gaji mereka lebih dari RM3,000 yang kini kita pinjamkan, sebab apabila kita lihat dalam perspektif seperti diutarakan oleh Menteri, bayaran ini memang lebih rendah berbanding dengan premium yang perlu dibayarkan kepada syarikat insurans yang mungkin perlu ditanggung oleh majikan sendiri. Saya melihat ini sebagai satu perkembangan yang sihat dan boleh menjadi asas bagi PERKESO untuk

menganjurkan satu National Health Insurance Scheme yang amat diperlukan oleh setiap rakyat jelata.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa perlindungan PERKESO juga boleh dilanjutkan kepada golongan pekerja yang berumur lebih daripada 55 tahun dan yang masih belum diubahkan. Sememangnya golongan yang menjadi warga emas ini amatlah memerlukan perlindungan pada usia ini dan tidak patut perlindungan ini ditarik balik pada usia yang mereka paling memerlukan perlindungan. Kita lihat KWSP masih menganggap pekerja yang berusia lebih 55 tahun sebagai pencarum. Kita tahu jangka hayat rakyat kita telah bertambah panjang berbanding dengan zaman apabila kita mencapai kemerdekaan di mana banyak akta digubalkan pada masa itu. Kita perlu berubah dengan mengikut zaman, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun kita berhasrat untuk melihat perlindungan diberikan seluas-luasnya kepada para pekerja, namun ada pula majikan yang tidak pedulikan hasrat ini dan cuba sedaya-upaya untuk menjimatkan sedikit wang caruman dan tidak menghiraukan hidup mati kaum pekerja. Kita melihat majikan yang menukar status bekerja mereka daripada kerja tetap kepada kerja kontrak supaya dapat mengelakkan dari memberi caruman kepada PERKESO. Tindakan sedemikian adalah tidak bertanggungjawab kerana ia akan menafikan hak bekerja untuk mendapat perlindungan. Sebenarnya majikan harus sedar bahawa tindakan ini sebaliknya akan merugikan mereka sendiri kerana pekerja akan menuntut pampasan daripada majikan sekiranya mereka tidak dapat apa-apa faedah daripada PERKESO ataupun syarikat insurans yang lain.

Malangnya kita tidak ada undang-undang yang menghalang para majikan dari membuat sedemikian. Kementerian harus sedar bahawa amalan ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja dan sepatutnya mengkaji cadangan untuk meluaskan perlindungan PERKESO kepada setiap pekerja tanpa mengira unsur jantina, umur, sektor ekonomi atau status perubahan seseorang pekerja. Kita juga dapat tahu bahawa syarikat-syarikat asing terutamanya dan ada juga syarikat milik tempatan ini sudah mengamalkan *outsourcing* kerja-kerja mereka kepada individu ataupun *vendor* supaya dapat jimat dari membayar caruman PERKESO, KWSP dan lain-lain skim insurans.

Ada kalanya Tuan Yang di-Pertua, kepentingan para pekerja diabaikan semata-mata untuk membolehkan para majikan mengaut keuntungan. Kadangkala apabila

berlakunya kemalangan tidak ada pihak yang ingin mengaku bahawa mereka adalah majikan kepada pekerja yang terbabit dalam kemalangan.

Di samping kita mengalu-alukan perluasan perlindungan PERKESO kepada lebih ramai pekerja, kita juga berharap PERKESO dapat mengambil langkah-langkah yang ikhlas untuk:

- (c) menambah faedah kepada para pekerja;
- (d) memperketatkan lagi peruntukan undang-undang untuk menghapuskan apa-apa juga *ambiguity* dalam akta ini' dan
- (e) memperbaiki sistem penyampaian untuk bayaran faedah kepada orang yang mencarum dan tanggungan mereka.

Para pekerja boleh merasa lega dengan wujudnya PERKESO memainkan peranan ini untuk menjaga keselamatan sosial mereka. Memandangkan PERKESO telah mencapai prestasi kewangan yang baik dan mempunyai dana yang kukuh, saya mencadangkan kepada PERKESO untuk membuat kajian tentang skim-skim yang ada sekarang. Skim insurans penjana pekerjaan skim insurans pencen ilat dan juga faedah seperti hilang upaya sementara dan kekal, faedah orang tanggungan dan pencen penakat dan sebagainya.

Saya merasa PERKESO juga harus menimbang untuk membayar dividen kepada pencarum setiap tahun seperti yang diamalkan oleh KWSP di mana ini juga disarankan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi. Ini semuanya bertujuan untuk memberi peluang kepada para pekerja untuk menikmati lebih banyak faedah sebagai penghargaan negara kita kepada sumbangan kaum pekerja. Ini sememangnya akan merealisasikan matlamat masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengkaji semula skim bayaran pampasan dan faedah, saya juga mencadangkan kepada kementerian supaya dapat mengemaskan peruntukan undang-undang dalam akta ini supaya segala ambiguiti dapat dijernihkan dan dipindahkan supaya ia benar-benar membawa faedah kepada pekerja apabila faedah ini amat diperlukan semasa mereka menghadapi bencana ataupun kemalangan.

Satu aspek undang-undang yang saya ingin PERKESO memberi perhatian adalah berkenaan dengan kelayakan untuk membuat tuntutan khususnya mengenai definisi seperti tempat tinggal, juga definisi kemalangan perjalanan yang sering

dipertikaikan dan juga merunsingkan pekerja yang mengalami kemalangan atau kecederaan tetapi tidak dapat menuntut dengan jayanya kerana isu definisi sedemikian.

Saya menyambut baik adanya garis panduan penaksiran bencana kerja di bawah seksyen 2(6) dan seksyen 24 akta ini untuk membantu semua pejabat PERKESO membuat keputusan yang konsisten sama ada untuk menerima atau menolak sesuatu tuntutan berkaitan dengan bencana pekerjaan terutamanya yang membabitkan kemalangan semasa bekerja dalam perjalanan. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru PERKESO untuk meneliti segala keputusan mahkamah berhubung dengan interpretasi atas peruntukan akta yang selalu dipertikaikan dan mengambil langkah bukan sahaja mengemaskinikan garis panduan penaksiran itu tetapi lebih baik lagi membawa pindaan kepada akta untuk mengatasi ambiguiti yang masih wujud.

Definisi kemalangan perjalanan sering menjadi isu yang dipertikaikan, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya dalam tahun ini sahaja Mahkamah Tinggi telah memutuskan atas isu ini di mana pada bulan Mei tahun ini dalam kes R. Rajagopal di mana beliau akhirnya berjaya selepas Mahkamah Tinggi memutuskan beliau layak menerima faedah walaupun dia telah melencong dalam perjalanannya untuk menghantar isteri beliau. Mahkamah Tinggi George Town Pulau Pinang pada bulan Oktober tahun ini juga telah memutuskan bahawa seseorang pekerja yang terbabit dalam kemalangan semasa pergi bekerja dari tempat tinggalnya layak menerima pampasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Chow Kon Yeow: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Memandangkan ada keputusan sedemikian, apakah garis panduan ini akan dikemaskinikan supaya semua pejabat-pejabat PERKESO dapat membuat keputusan yang konsisten? Saya membangkitkan isu ini Tuan Yang di-Pertua, kerana masih terdapat aduan para pekerja yang perlu membuat rayuan demi rayuan atas *point of interpretation* Akta ini yang sudah pun diputuskan oleh mahkamah. Apakah kementerian akan membuat pindaan yang sesuai supaya dapat memberikan kelayakan yang seluas-luasnya kepada para pekerja yang mengalami kemalangan?

Di samping itu saya bercadang sebuah tribunal timbang tara ditubuhkan supaya para pekerja yang mana tuntutan mereka ditolak oleh PERKESO boleh membawa kes-kes mereka ke tribunal ini tanpa perlu menanggung perbelanjaan yang banyak untuk mengupah peguam untuk membawa kes ke Mahkamah Tinggi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Fasal 25 yang membawa Seksyen 57B dan C yang baru tentang tanggungjawab bagi mendapat dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan di mana seperti biasa PERKESO menghadapi masalah untuk mengutip bayaran balik pinjaman. Nampaknya budaya tidak mahu bayar balik pinjaman haruslah ditangani dengan tindakan yang tegas dan pindaan ini memang tepat pada masanya. Kita perlu menyedarkan peminjam-peminjam bahawa sikap mereka yang kurang tanggungjawab akhirnya akan menafikan hak kepada pekerja yang lain untuk menikmati faedah pinjaman pendidikan.

Saya juga berharap PERKESO dapat menambah baik pentadbirannya. Contohnya pada tahun ini saya membaca laporan bahawa seorang majikan mengadu bahawa pada tahun ini beliau dimaklumkan oleh PERKESO bahawa beliau telah gagal membuat caruman RM15.50 sebanyak dua kali 11 tahun dahulu tetapi dimaklumkan pada tahun ini sahaja dan majikan ini dikenakan bayaran denda sehingga RM1,135.

Ada laporan akhbar yang membawa aduan bahawa masalah ini telah menyebabkan majikan membayar penalti semata-mata kerana ketidakcepan pihak PERKESO dalam mengesan kegagalan majikan membuat caruman dengan secepatnya. Mungkin saya cadangkan PERKESO juga boleh mencontohi KWSP yang pada setiap bulan ada menghantar *acknowledgement* kepada majikan-majikan yang membuat caruman supaya mengesahkan telah menerima caruman. Tetapi perkara ini tidak dilakukan oleh PERKESO. Saya berharap ini dapat dipertimbangkan oleh kementerian ini.

Seksyen 64 baru memperuntukkan bahawa ahli-ahli lembaga dan panel pelaburan hendaklah menerima P Elaun dan apa-apa faedah selain yang ditentukan oleh Menteri dari masa ke semasa. Bolehkah kita dalam Dewan ini dimaklumkan oleh Menteri apakah faedah dan elaun yang boleh diberikan?

Saya ingin minta penjelasan sama ada ahli-ahli lembaga yang mewakili kementerian yang menduduki dalam lembaga ini juga layak menerima P elaun dan faedah lain sebagai ahli lembaga wakil kementerian. Saya juga ingin tahu apakah kriteria yang digunakan untuk melantik anggota panel pelaburan PERKESO khususnya

ahli yang dilantik oleh Menteri. Adakah PERKESO akan bercadang untuk mendapat kuasa membuat pelaburan di negara-negara asing dan sama ada PERKESO akan menggunakan sebahagian keuntungan daripada pelaburan ini untuk membayar dividen kepada pencarum?

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru PERKESO untuk mengutamakan kepentingan golongan pekerja dalam segala daya usahanya memainkan tanggungjawabnya sebagai satu badan berkanun untuk menjaga keselamatan sosial pekerja di Malaysia. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran. Berapa minit yang diperlukan Yang Berhormat?

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Menunjukkan isyarat lima]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

5.08 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut serta menyokong Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2004 yang antara lain menaikkan siling untuk pencarum dalam SOCSO ini daripada RM2,000 kepada RM3,000.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk menaikkan siling ini adalah baik dan niatnya baik semuanya untuk melindungi pekerja. Persoalan di sini ialah apabila kita menaikkan siling ini tentu sekali orang yang dahulunya tidak mencarum sekarang perlu carum dan orang yang mencarum itu sedikit dipotong gajinya dan majikan juga perlu dipotong untuk masukkan di sana. Pihak majikan dan pihak pekerja juga sudah merungut sekarang sudah mula mencarum sudah dipotong gaji berbanding dengan dahulu.

Sebenarnya potongan ini adalah baik sebab ini adalah satu bentuk skim insurans, tinggal lagi ini adalah satu skim insurans yang *is the forced insurance*. Ada yang mengatakan kenapa kami tidak diberi kebebasan untuk memilih insurans kami sendiri dan sebagainya. Persoalan di sini sebenarnya ialah masalah maklumat, masalah kefahaman tentang apa SOCSO atau PERKESO ini. Ini masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak majikan dan juga pekerja tidak tahu, tidak mempunyai maklumat tentang apakah sebenarnya SOCSO. Saya ingin

mencadangkan kalau kita lihat prestasi SOCSO, saya difahamkan di akhir tahun 2003 aset dan kewangan terdapat lebih RM11 bilion, banyak duit. Dalam setahun perbelanjaan hanya lebih kurang RM800 juta sahaja setahun dan pendapatan hampir lebih RM2 bilion setahun, banyak duit. Apabila nanti siling ini dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM3,000, bertambah lagilah tabung ini.

Persoalannya di sini apakah pihak SOCSO membelanjakan sedikit duit untuk memberi penerangan, memberi penjelasan kepada para pekerja, kepada para majikan di merata-rata tempat terutama sekali di luar-luar bandar. Banyak perkara yang sebagai contoh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi, sejauh manakah perlindungan daripada SOCSO ini. Misalnya kalau kemalangan berlaku di tempat kerja atau selepas bekerja, sejauh manakah perlindungan yang diberikan oleh SOCSO.

Selain daripada itu saya juga ingin bertanya sama ada dana SOCSO yang terkumpul ini boleh digunakan untuk mempertingkatkan kesedaran dalam soal *occupational safety* sebagai satu *preventive measure*. Soal *occupational safety* ini adalah amat penting, tetapi dari segi untuk meningkatkan kesedaran di kalangan para pekerja dan juga para majikan tentang *occupational safety* ini dan juga tentang mempertingkatkan lagi risiko-risiko keselamatan dalam pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam *occupational safety* ini banyak perkara yang pekerja sendiri tidak sedar. Kita mengambil contoh, kalau ada pekerja yang mengambil dua pekerjaan – di sebelah tengah hari dia bekerja dengan satu tempat, di sebelah malam untuk menokok tambah, dia bekerja di tempat lain, barangkali dia sudah letih dan sebagainya, bagaimanakah dari segi perlindungan, oleh sebab letih nanti dia mendapat kemalangan dan sebagainya, di mana dan bagaimana, adakah kerjanya di tempat kedua ini dilindungi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja-pekerja di negeri Sabah di mana hak-hak pekerjaannya masih lagi belum dilindungi oleh kerana *Sabah Labour Ordinance* itu belum lagi memberi perlindungan kepada pekerja. Saya ingin tahu sebelum ini, mudah-mudahan esok seboleh-bolehnya ordinaran ini akan dipinda. Saya ingin tahu selama ini bagaimanakah akan hak para pekerja di Sabah khususnya dalam soal SOCSO. Sebagai contoh, jika sekiranya apa-apa hal berlaku, kemalangan dan sebagainya yang pekerja sendiri tidak sedar, majikan sahaja yang sedar, siapakah yang akan memberi

penjelasan, siapakah yang akan memberi pembelaan kepada pekerja-pekerja tersebut selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sekali lagi saya ingin meminta supaya khususnya di negeri Sabah di mana hak-hak pekerja selama ini tidak terlindung, oleh kerana kita ini tidak ada undang-undang yang melindungi mereka, saya ingin mencadangkan supaya SOCSO ini memperluaskan, memberikan banyak dan mempertingkatkan lagi penyebaran maklumat terutama sekali di kawasan luar bandar. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua panjangkah ucapan? Pendek sahaja ya, baiklah Yang Berhormat bagi Pendang.

5.15 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh beberapa perkara sahaja berhubung dengan pindaan akta ini. Minta maaf suara kurang selesa.

Yang pertamanya tentang pekerja-pekerja yang tertipu. Kebiasaannya saya biasa duduk di Klinik Panel PERKESO dan kita sering mendapati pekerja-pekerja yang di timpa kemalangan datang kepada kita, rupa-rupanya mereka tahu bahawasanya mereka ini tidak dipotong untuk caruman SOCSO. Jadi, apakah tindakan pihak kementerian terhadap syarikat-syarikat ini kerana mereka ini mengetahui setelah terkena kemalangan.

Sebelum ini mereka mengatakan bahawa gaji mereka dipotong setiap bulan dan dimasukkan kepada PERKESO, tetapi hanya diketahui setelah kemalangan berlaku, jadi kena tahu *feedback* daripada kementerian.

Yang keduanya berhubung dengan rekod yang ada di pejabat PERKESO. Saya ada berhubung dengan pejabat PERKESO di Alor Setar, sebenarnya pejabat ini adalah sewaan kepada pejabat Lee Motor. Jadi, dia tidak mempunyai pejabat sendiri dan apabila kita membuat caruman di pejabat PERKESO, rekod yang dikumpulkan tidak *up-to-date*, kadang-kadang sampai lima tahun macam yang disebutkan oleh

Yang Berhormat bagi Tanjong tadi, sembilan tahun, kita terpaksa membayar denda disebabkan oleh kerana hanya sebulan atau dua bulan kita tidak bayar.

Sebenarnya kita membayar tetapi PERKESO tidak mempunyai rekod bayaran. Kita terpaksa membuat rekod yang kita simpan sampai sembilan tahun. Bayangkanlah kalau sembilan tahun kita membawa rekod memang dekat hendak penuh *boot* kereta. Itu yang kedua.

Yang ketiganya tentang bantuan pinjaman pelajar yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, siapakah yang berhak membuat pinjaman dan apakah ia bergantung kepada jumlah caruman yang telah pencarum itu mencarum di dalam PERKESO, baru dia berhak membuat pinjaman pelajaran untuk anak-anaknya. Dan cara-cara bayaran yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi, perkara ini perlu diberi perhatian oleh kementerian, kerana kita tahu Tabung Pinjaman Pendidikan Tinggi pun menghadapi masalah di dalam bayaran balik pinjaman terhadap pinjaman pendidikan yang telah diberikan ataupun bakal diberikan oleh PERKESO.

Yang keempat berhubung dengan anggota tiruan ataupun *prosthesis*. Saya rasa ini merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian oleh PERKESO, kerana banyak kemalangan yang berlaku melibatkan anggota yang penting, misalnya jari, ibu jari ataupun jari telunjuk. Ini merupakan satu perkara yang amat diperlukan oleh seorang pekerja kerana apabila mereka tidak lagi mempunyai jari, maknanya tahap pekerjaan mereka boleh menurun dan mereka mungkin terpaksa dibuang kerja dan terpaksa mengambil pencen ilat. Ini perlu diberi perhatian oleh pihak PERKESO.

Yang kelima adalah tentang birokrasi dalam mendapat insurans kemalangan. Ini sering kami jumpa terutamanya apabila berhadapan dengan pesakit yang datang. Sebagai klinik panel PERKESO kami terpaksa menerangkan kepada mereka, terpaksa membawa kepada mereka borang-borang tertentu dan juga terpaksa membuat lakaran tempat-tempat kemalangan yang berlaku sebelum mereka itu dibenarkan untuk menghantar permohonan bagi mendapatkan insurans daripada PERKESO. Kerenah birokrasi ini menyebabkan kelewatan di dalam mereka mendapat insurans kadang-kadang sampai dua ataupun tiga tahun. Jadi, saya berharap pihak kementerian perlu memberi perhatian kepada perkara tersebut.

Yang keenam adalah tentang bantuan PERKESO terhadap pekerja yang cacat disebabkan oleh kemalangan untuk mendapatkan lesen memandu kenderaan orang-orang cacat. Kadang-kadang bila berlaku kemalangan semasa sedang bekerja,

mereka telah kehilangan kaki ataupun tangan dan tidak lagi dapat memandu kenderaan seperti biasa dan mereka perlukan bantuan untuk mendapatkan lesen. Ini adalah rungutan daripada pekerja-pekerja di mana mereka pergi kepada PERKESO dan PERKESO tidak boleh membantu mereka dalam mendapatkan lesen pemandu cacat ini.

Yang akhirnya, adalah tentang *self-employed* terutamanya mereka yang bekerja di sektor pertanian, kita tahu sektor pertanian memberi sumbangan banyak kepada kewangan negara. Apakah mereka ini juga dalam pindaan akta ini kita boleh memasukkan sebagai pekerja-pekerja yang boleh membuat caruman dalam PERKESO supaya apabila mereka mendapat kemalangan mereka boleh mendapat perlindungan daripada insurans PERKESO. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan selepas itu Yang Berhormat bagi Bagan.

5.19 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial dan Pekerja (Pindaan 2004). Tuan Yang di-Pertua, adalah satu yang memang tidak boleh dinafikan bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memberi sumbangan besar untuk melindungi keselamatan sosial yang menyeluruh untuk rakyat Malaysia sejak hari pertubuhannya. Bayangkan jika negara kita tidak mempunyai Skim PERKESO, nasib para pekerja dan kehidupan sosial mereka mungkin jauh lebih buruk dan rumit.

Tidak salah untuk saya mengucapkan terima kasih atas pertubuhan PERKESO terutama dalam membentangkan rang undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja Tahun 1969 bagi memperluaskan skop tugas dan berkenaan dengan PERKESO dalam memberikan perkhidmatan kepada golongan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya PERKESO menyediakan dua Skim Keselamatan Sosial iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat yang masing-masing memberi perlindungan kepada para pekerja daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa menjalankan kegiatan

pekerjaan. Manakala Skim Pencen Ilat ini pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan dan kematian akibat sebarang sebab sebagai badan berkanun yang telah berjaya mengharungi cabaran semasa ini dan kini berdiri megah dengan harta semasa pada 2003 sebanyak RM11,177,671,76.

Maka tiba masanya bagi PERKESO memperluaskan skop faedah dengan perlindungan 24 jam termasuk bukan laluan kerja dan bukan dalam waktu bertugas apabila pekerja ini yang masih dalam berkhidmat dengan sesuatu majikan menjalankan aktiviti sosialnya di luar waktu bekerja. Ini bererti selagi pekerja itu bermajikan sama ada di waktu bekerja atau di luar waktu bekerja, mereka hendaklah dilindungi oleh PERKESO. Cuma dari segi faedah, mungkin PERKESO boleh merangka tahap faedah yang berlainan.

Adalah satu yang menyedihkan dan malang, seseorang yang bekerja, tetapi tidak mendapat faedah PERKESO apabila mereka tidak melalui laluan yang dinyatakan yang ditentukan kerana kadang-kala dalam kesibukan bandaraya Kuala Lumpur dengan kesesakan lalu-lintas, ramai orang gemar jalan pintas dan mudah dengan mengikuti jalan-jalan yang lain. Contohnya seseorang pemberita, beliau hendak pergi *assignment*. Adakah perlu dia melalui jalan yang ditentukan sahaja sedangkan tugas mereka mencabar dan memerlukan sesingkat masa untuk sampai. Tetapi apabila mereka memilih jalan lain yang bukan jalan yang ditentukan oleh majikan, mereka terdedah kepada masalah tidak menerima faedah PERKESO.

Seandainya berlaku bencana pekerjaan dan kemalangan berlaku ke atas mereka, oleh itu PERKESO jangan memilih jalan sempit. Ini hendaklah menyediakan perlindungan komprehensif dalam erti kata melindungi seseorang pekerja dalam apa jua keadaan selagi ia tidak melakukan penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, sepanjang PERKESO beroperasi, ramai pekerja yang mati katak akibat kemalangan kerana kejadian yang menimpa mereka berada di luar skop PERKESO dan dari situ bermula masalah sosial dan ditanggung oleh pekerja dan tanggungan mereka sama seperti yang dialami oleh pemegang polisi *conventional insurance* dan takaful.

Apabila dalam tahun pertama insurans berkuat kuasa, jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal mereka tidak dilindungi dan jika polisi insurans atau takaful itu untuk gadai janji rumah yang di beli, mereka terpaksa bergolak gadai untuk membayar ansuran rumah walaupun mereka tidak boleh bekerja akibat hilang upaya kekal

termasuk lumpuh. Unsur-unsur penipuan dan tiruan seumpama perlu dibanteras dalam industri insurans, takaful dan juga PERKESO. Sebagai Wakil Rakyat di Kuala Lumpur, saya pernah menerima aduan-aduan atas perkara ini yang saya anggap satu penindasan ke atas golongan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja yang celik akal dan ada wang, mereka mungkin akan membeli insurans tambahan bagi melindungi diri mereka sepenuhnya yang mana jika PERKESO tidak membayar faedah sewaktu berlaku kemalangan di luar liputan, maka syarikat insurans akan melindungi. Ini tidak membebankan para pekerja dengan kos dan belanja hidup yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga skim PERKESO tidak mengadakan perlindungan perubatan dan hospital jika pekerja ditimpa sakit dan terlantar di hospital. Faedah *hospitalization* dan bayaran perubatan hendaklah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Fong Kui Lun: Sikit sahaja

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab Bagan tunggu Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Sikit sahaja lagi, satu atau dua minit.

....dijadikan ciri baru dalam skim PERKESO supaya para pekerja boleh dilindungi faedah hospital dan ubatan jika mereka diwadkan dan jangan pantaskan jenis-jenis penyakit yang boleh dilindungi sahaja. Bukakan kepada semua jenis penyakit. Negara kita kini sedang sibuk membincangkan untuk mewujudkan Skim Insurans Kesihatan untuk rakyat. Maka pada pendapat saya PERKESO boleh memainkan peranan ke arah itu dan apa yang diperlukan ialah kuasa yang patut diberi kepada PERKESO dan penambahan kakitangan. Saya yakin PERKESO mampu melakukan kecuali kerajaan ada agenda lain untuk kepentingan sendiri.

Malah saya yakin PERKESO mampu menguruskan skim NED kebangsaan bagi memberi kemudahan kepada golongan warga emas yang mendapat bayaran bulanan ketika mereka tidak berupaya bekerja lagi. Skim faedah PERKESO hendaklah diperluaskan kepada golongan pekerja sendiri seperti penjaja, peniaga kecil dan sebagainya supaya mereka mendapat faedah jika berlaku bencana ke atas mereka. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan, dan selepas Yang Berhormat bagi Bagan, Menteri boleh menjawab.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi ke soalan. Bagaimana seorang yang berinsurans boleh melayakkan diri untuk mendapatkan faedah jikalau ditimpa kemalangan? Misalnya saya kata jikalau seseorang pekerja baru masuk bekerja beberapa hari dan beliau ditimpa kemalangan sama ada maut atau cedera, sama ada PERKESO boleh membuat bayaran kerana majikan belum sempat lagi membuat apa-apa caruman untuk beliau dan adakah kemalangan ini atau pampasan ini akan ditanggung oleh majikan melalui insurans-insurans yang lain.

Yang kedua, jikalau seseorang berinsurans sudah mencarum selama lapan bulan dan beliau meletakkan jawatan atau dibuang kerja dan selepas dua tiga bulan menganggur, beliau dapat lagi satu pekerjaan dan majikan baru bermula mencarum sekali lagi. Tiba-tiba pekerja ini mati akibat sakit jantung semasa bekerja. Ini bermakna insurans beliau telah terputus tidak genap satu tahun dan keluarganya tidak mendapat apa-apa faedah. Jikalau kita beli insurans nyawa atau insurans *accident* dalam 24 jam boleh dapat dikuat kuasa. Tetapi, mengapa SOCSO perlu menunggu sehingga satu tahun genap supaya boleh mendapat faedah?

Yang ketiga, seseorang pemandu van mengikut dakwaan beliau, beliau menghentikan van di tepi jalan untuk melintas ke seberang jalan untuk membeli minuman ais daripada penjaja di sana. Beliau dilanggar oleh kereta dan mengalami kecederaan. Tetapi kerani majikan yang membuat laporan kepada SOCSO berkata beliau pergi ke bank seberang jalan untuk membayar ansuran pinjaman bank beliau sendiri. Beliau tidak boleh mendapat faedah insurans kerana didakwakan membuat tugas sendiri. Apabila beliau menulis surat kepada bank berkenaan untuk mengesahkan bahawa beliau tiada apa-apa akaun dengan bank itu., tetapi bank enggan melayan surat beliau atas kerahsiaan urusan bank. Jadi beliau tidak dapat rebat atau memperbetulkan dakwaan bahawa beliau pergi ke bank membuat urusan sendiri.

Yang menjadi persoalannya di sini ialah bolehkah pihak SOCSO ada bidang kuasa supaya meminta surat pengesahan dari bank sama ada pekerja ini ada akaun di bank berkenaan supaya merebat atau memperbetulkan dakwaan itu. Kalau sekiranya betul-betul beliau menguruskan tugas sendiri di bank, mengapa beliau tidak boleh

mendapat pampasan kerana dalam masa bekerja dan pada masa itu beliau juga membawa van majikan dan berhenti di tepi jalan. Adakah kes yang saya sebut ini ada *basis* untuk membuat tuntutan? Sekian sahaja terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk memberikan masa yang cukup bagi Yang Berhormat Menteri menjawab pada hari esok, saya tangguhkan mesyuarat hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.